

BAB I

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Bahasa merupakan alat atau instrumen yang penting bukan hanya di dalam komunikasi idea dan pemikiran, tetapi juga di dalam mewujudkan persahabatan, ikatan kebudayaan dan seterusnya dalam hubungan ekonomi. Merujuk kepada Dewan Bahasa Pustaka (2008), bahasa jika ditinjau dari konsepnya melibatkan bidang perancangan bahasa, penggunaan bahasa dan sikap bahasa. Perancangan bahasa melibatkan pemilihan sesuatu bahasa sebagai salah satu alat komunikasi yang menyatupadukan rakyat sesebuah negara. Penggunaan bahasa merujuk kepada realiti masyarakat berbahasa. Sikap bahasa pula merupakan gambaran perasaan penutur bahasa terhadap bahasanya atau bahasa orang lain.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan pemilihan bahasa di kalangan kaum Cina di Subang Jaya, Selangor. Secara umumnya, sikap dan pemilihan bahasa merupakan suatu bidang kajian yang berkaitan dengan bahasa dan masyarakat. Sikap bahasa juga diperjelas dengan kajian yang meninjau perkaitan di antara faktor sosial dan psikologi dengan sesuatu bahasa. Menurut Cargile et al. (1994), kajian berkenaan dengan bahasa melibatkan banyak disiplin ilmu, iaitu psikologi sosial bahasa, sosiologi bahasa, sosiolinguistik, linguistik antropologi, komunikasi dan juga analisis wacana. Mengikut Tay (2003), sikap dikatakan diproses melalui pembelajaran dan bersifat implisit.

Sikap memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sehari-hari, terutamanya semasa kita membuat pemilihan bahasa untuk domain yang pelbagai. Pada pendapat

pengkaji, apabila wujudnya tanggapan negatif terhadap sesuatu bahasa, maka jelaslah bahawa seseorang itu tidak akan memilih bahasa tersebut untuk digunakan dan bahasa tersebut akan diabaikan. Sebaliknya jika seseorang individu itu mempunyai tanggapan yang positif, maka penggunaan terhadap sesuatu bahasa itu akan berterusan dan ianya mungkin akan dipertingkatkan lagi sehingga individu itu mahir dan fasih dalam penggunaan bahasa itu.

Justeru itu, didikan daripada ibu bapa merupakan faktor yang penting dalam menentukan sikap anak-anak mereka terhadap sesuatu bahasa. Sikap ini pula seterusnya akan menentukan masa depan sesuatu bahasa bangsa itu sendiri, iaitu sama ada bahasa tersebut akan diturun-temurunkan atau tidak diendahkan. Oleh yang demikian, seperti yang telah banyak diperbahaskan oleh pengkaji-pengkaji mengenai isu bahasa ini, bahasa memang memainkan peranan bukan sahaja secara “*internal*” yang lazimnya di antara keluarga dan antara suku, bahkan secara “*external*” iaitu di antara etnik lain atau dalam bidang dan situasi yang tertentu.

Secara amnya kaum Cina di Malaysia boleh berkomunikasi dalam banyak bahasa seperti bahasa Mandarin, bahasa Melayu bahasa Inggeris dan dialek-dialek Cina seperti dialek Hokkien, dialek Hakka, dialek Kantonis, dan sebagainya. Dalam erti kata lain, kaum Cina di Malaysia bukan mengguna satu dua bahasa sahaja dalam kehidupan atau urusan harian mereka.

Pertembungan pelbagai suku kaum Cina di Malaysia yang mengamalkan dialek masing-masing telah mencetuskan satu idea untuk mereka berkomunikasi dalam satu bahasa yang seragam agar difahami oleh setiap suku kaum Cina selain bahasa Melayu dan

bahasa Inggeris. Oleh itu mereka terpaksa membuat pemilihan terhadap bahasa yang mereka akan gunakan mengikut situasi yang berkenaan. Jadi, bahasa Mandarin diperkenalkan, diajar dan dijadi bahasa pengantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Maka penggunaan bahasa Mandarin sejak di bangku sekolah telah menjadikan bahasa Mandarin sebagai intra-franca untuk berkomunikasi antara suku-suku kaum Cina di Malaysia.

Perbincangan dalam bab ini adalah merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan limitasi kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam kajian ini, responden yang dipilih ialah ibu bapa kaum Cina yang tinggal di sekitar Subang Jaya, Selangor.

1.1.1 Kepentingan pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia

Fokus utama kajian ini adalah mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kaum Cina di Subang Jaya dalam pemilihan bahasa. Tanpa bahasa ini amatlah sukar untuk berkomunikasi secara efektif dan mesej yang disampaikan melalui bahasa ini difahami oleh mereka yang menjadi pendengar maupun pembaca.

Bahasa bukan sahaja sebagai medium komunikasi tetapi juga sebagai satu alat yang membentuk identiti sesuatu bangsa. Bahasa adalah budaya sesebuah bangsa. Perubahan dalam taraf sosial dan cara hidup manusia secara tidak langsung akan menjadi agen untuk mengubah bahasa dalam sesebuah komuniti. Kajian mengenai ‘perubahan bahasa’ tidak begitu popular di rantau ini berbanding di negara-negara Barat terutamanya, Eropah. Kajian ‘perubahan bahasa’ yang paling hampir ialah yang pernah dijalankan oleh Sibarani R. (2000) mengenai perubahan bahasa dari sudut leksikal di Sumatera Utara, Indonesia. Kajian beliau mengenai bahasa Batak lebih banyak tertumpu ke arah satu kajian antropolinguistik di mana menurut beliau, perubahan bahasa sangat berkait rapat dengan perubahan budaya. Sedangkan para ahli linguistik yang lain seperti Saussure (1915), menegaskan bahawa perubahan bahasa berlaku kerana perubahan masa. Saussure (1915:77) menyatakan bahawa “*Time changes all things: there is no reason why language should escape this universal law.*” Walau bagaimanapun, apa yang diperkatakan oleh Sibarani R. ataupun Saussure hanyalah melibatkan perbezaan peristilahan dari sudut antropologi, falsafah serta linguistik sahaja.

1.1.2 Latar belakang kaum Cina di Malaysia

Kaum Cina merupakan kelompok kaum yang kedua terbesar di Malaysia, merangkumi kira-kira 26% daripada jumlah taburan penduduk di Malaysia (Jabatan Statistik Malaysia’ 2000). Menurut Ismail Jaafar (1994), Reformasi Pergerakan 4 Mei yang diketuai oleh Bapa Revolusi China, Sun Yat Sen, di Negara China pada tahun 1919 menyebabkan perkembangan kaum Cina di Malaysia. Disebabkan oleh reformasi ini, kaum

Cina di Malaysia telah menubuhkan 313 buah sekolah Cina di Tanah Melayu pada sekitar tahun 1920-an. Selepas itu wujudlah sekolah-sekolah vernakular Cina yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Kebanyakan buku rujukan dan buku teks adalah berlandaskan sukanata mata pelajaran negara China.

Walaupun pada masa itu kadar yuran di sekolah Inggeris adalah murah tetapi kaum Cina menolak untuk belajar di sekolah aliran Inggeris ini. Kesan yang dibawa oleh reformasi kebudayaan yang memupuk semangat nasionalisme di negara China di mana kaum Cina di Tanah Melayu ini telah menanam satu perasaan yang mendalam terhadap penggunaan bahasa pengantar sendiri dalam sistem pendidikan mereka adalah reaksi-reaksi kaum Cina untuk menolak aliran Inggeris ini (Victor Purcell, 1997). Kaum Cina pada masa itu sudah mempunyai persepsi bahawa bahasa Mandarin diguna sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kerana mereka memegang teguh kepada kepercayaan terhadap “bahasa itu jiwa bangsa”.

Selain bahasa Mandarin, kaum Cina di Malaysia berkomunikasi dalam pelbagai dialek seperti dialek Hokkien, dialek Hakka, dialek Kantonis, dialek Teochew, dialek Hainan, dialek Kwongsai dan sebagainya bergantung kepada keturunan dan latar belakang mereka masing-masing. Bagi puak-puak kaum Cina, setiap puak sebenarnya mempunyai bahasa komunikasi sendiri. Bahasa komunikasi sedemikian dikenali sebagai “dialek” bagi kaum Cina di Malaysia, manakala bahasa Mandarin biasanya dianggap sebagai “bahasa ibunda” kepada semua puak kaum Cina kerana orang-orang Cina di sini berharap bahasa Mandarin dapat memainkan peranan sebagai medium komunikasi utama di antara puak-puak kaum Cina. Menurut Lee dan Tan dalam bukunya yang berjudul “*The Chinese In*

Malaysia" (2000), kebanyakan orang Cina di Malaysia mempelajari bahasa Mandarin di sekolah. Hal sedemikian telah menyebabkan bahasa Mandarin berfungsi sebagai *lingua franca* dalam kalangan kaum Cina di Malaysia yang berlatarbelakangkan kumpulan dialek yang pelbagai.

Jika dilihat dari aspek taburan kawasan mengikut kependudukan dialek, kebanyakan orang Cina di Malaysia adalah berasal daripada kumpulan yang bertutur dalam dialek Hokkien. Mengikut Chong (2004), kebanyakan orang Cina di Malaysia berasal daripada kumpulan yang bertutur dalam dialek Hokkien (2,020,868 orang daripada jumlah penduduk kaum Cina di Malaysia), diikuti oleh kumpulan yang bertutur dalam dialek Hakka (1,092,754 orang), dan kumpulan yang bertutur dalam dialek Kantonis (1,067,994 orang) dan dialek Teochow (497,280 orang). Sumber data beliau berasal daripada Banci Penduduk dan Perumahan yang dijalankan pada tahun 2000.

Namun demikian, bahasa Mandarin tetap berperanan sebagai medium komunikasi yang utama dalam kalangan kaum Cina di Malaysia kerana bahasa Mandarin diajar di sekolah dan ia dapat difahami oleh orang Cina di negara ini yang berpendidikan Cina. Di Malaysia, penggunaan bahasa Mandarin adalah sangat biasa dalam kalangan kaum Cina yang berlatarbelakangkan pendidikan Cina dan ia semakin hari menjadi semakin penting sebagai alat komunikasi utama (Lee dan Tan, 2000). Misalnya di negeri Sabah, hampir semua komuniti Cina tahu bertutur dalam bahasa Mandarin. Keadaan yang sama juga diperhatikan di negeri Melaka di mana bahasa Mandarin telah digunakan dengan luasnya walaupun kebanyakan orang Cina di Melaka adalah dari puak Hokkien.

1.1.3 Kedudukan bahasa Mandarin di Malaysia

Ketika zaman pemerintahan kerajaan British di Tanah Melayu, sistem pendidikan Cina bagi kaum Cina adalah berbentuk tidak formal di mana kerajaan British tidak memberikan bantuan ke atas penubuhan sekolah Cina. Hal demikian disebabkan kaum Cina pada masa itu dianggap sebagai penduduk asing sementara dan ini telah menyebabkan kerajaan British mengamalkan dasar pecah dan perintah ke atas kaum Cina di Tanah Melayu. Pada masa itu, kaum Cina di Tanah Melayu adalah dibiarkan mengikut corak kehidupan dan kebudayaan masyarakatnya sendiri. Kerajaan British mengamalkan dasar tidak campur tangan ke atas kehidupan kaum Cina di Tanah Melayu. Namun demikian, dasar tidak campur tangan kerajaan British terhadap sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu ini telah membantu kewujudan dan perkembangan sistem pendidikan Cina di negara ini contohnya sekolah vernakular Cina yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar.

Mengikut Asmah Hj Omar (1993), pemilihan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama di sekolah Cina di Tanah Melayu pada masa itu sebenarnya berkaitan dengan reformasi kebudayaan yang berlaku di Negara China pada tahun 1920. Bahasa Mandarin dijadikan *lingua franca* dalam kalangan kaum Cina di Tanah Melayu seperti keadaan Negara China supaya dapat menonjolkan identiti bangsa Cina mereka. Menurut Victor Purcell (1997) pula, kaum Cina yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Cina pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu mempunyai persepsi bahawa mereka adalah bangsa “Cina” berbanding dengan kaum Cina yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Inggeris. Fenomena ini dapat dilihat sebagai satu

tindakan pembentukan identiti bangsa Cina melalui penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan Cina dalam kalangan kaum Cina di Tanah Melayu sejak dahulu lagi.

Menurut Ahmad Adam (1994), kaum Cina di Malaysia berpendapat bahawa ketidakmampuan menggunakan bahasa Mandarin sebagai alat komunikasi boleh menyebabkan identiti bangsa Cina hilang. Pegangan ini dapat dicerminkan seperti apa yang berlaku dalam satu peristiwa yang berlaku pada September 1987. Dalam peristiwa itu, Kementerian Pendidikan menaikkan pangkat 87 orang guru Cina yang tidak berlatarbelakangkan pendidikan bahasa Mandarin untuk berkhidmat di beberapa sekolah Cina. Tindakan ini ditolak keras oleh komuniti Cina di negara ini kerana mereka berpendapat bahawa ketidakmampuan guru menggunakan bahasa Mandarin di sekolah Cina akan menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah Cina.

Kini bahasa Mandarin merupakan bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan Cina di Malaysia. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diajar sebagai salah satu subjek sahaja (Lee dan Tan, 2000). Bahasa Mandarin dianggap oleh orang Cina sebagai bahasa ibunda (yang digelar *muyu* dalam bahasa Mandarin dan *mother tongue* dalam bahasa Inggeris) yang dapat menonjolkan identiti bangsa Cina. Ini menunjukkan kaum Cina yang berlatarbelakangkan aliran pendidikan Cina di negara ini mempunyai persepsi bahawa bahasa Mandarin (*Huayu*) adalah bahasa ibunda mereka. Kebanyakan kaum Cina berpendapat bahawa anak-anak mereka seharusnya mempelajari bahasa Mandarin kerana bahasa ini merupakan bahasa ibunda mereka (Lee dan Tan, 2000). Hal demikian menunjukkan bahawa wujudnya sikap positif dalam kalangan kaum Cina di negara ini

dalam perjuangan mengekalkan bahasa Mandarin yang merupakan roh kepada identiti bangsa Cina. Mengikut pendapat Lee dan Tan dalam bukunya lagi, didapati bahawa bahasa Mandarin juga berfungsi sebagai alat untuk mendapatkan kerjaya yang baik dalam sektor swasta, maka ibu bapa keturunan Cina lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina bagi mempelajari bahasa Mandarin di samping tujuan mengekalkan identiti bangsa Cina.

Menurut Mok (2008), pemimpin-pemimpin di Malaysia kebelakangan ini menyarankan dan menggalakkan rakyat di negara ini agar mempelajari bahasa Mandarin yang semakin penting di mata dunia. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah mengatakan bahawa bahasa Mandarin bukan lagi merupakan bahasa satu kaum sahaja, tetapi bahasa Mandarin merupakan bahasa satu bangsa serta negara yang maju dan mempunyai kekuatan ekonomi. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak juga menyeru kaum Melayu agar mempelajari bahasa Mandarin. Beliau menegaskan penguasaan bahasa dan pemahaman kebudayaan antara rakyat kedua-dua negara akan mengeratkan hubungan dua hala Malaysia dengan Negara China. Oleh itu wajarlah jika kaum Cina di Malaysia terus memeliharkan status bahasa Mandarin, dan diharap kajian ini dapat membuka mata banyak pihak lagi untuk tampil membuat kajian dan sama-sama mengembangkan bahasa Mandarin ini.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pemilihan bahasa lazimnya menjadi suatu isu yang kerap dibincangkan dalam negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan mempunyai pelbagai bahasa, begitu juga di Malaysia. Secara umumnya, kebanyakan ahli bahasa bersetuju bahawa adanya unsur-unsur kesetiaan, kebanggaan dan kesedaran dalam menentukan sikap kita terhadap bahasa. Kesetiaan bahasa mendorong penutur bahasa untuk mempertahankan bahasanya. Kebanggaan bahasa memerlukan penutur bahasa mengembangkan bahasanya dan menggunakan sebagai identiti dan lambang perpaduan masyarakatnya, manakala kesedaran bahasa pula mengingatkan penuturnya menggunakan bahasanya dengan cermat dan santun.

Sehubungan dengan itu, di dalam kajian ini responden yang dipilih adalah terdiri daripada ibu bapa kaum Cina di Malaysia. Oleh kerana keperluan komunikasi harian dan tujuan lain, kebanyakan orang Cina di Malaysia berupaya bertutur sekurang-kurangnya dalam dua, tiga atau lebih bahasa ataupun dialek. Bahasa yang biasanya ditutur oleh kaum Cina di Malaysia ialah bahasa Mandarin, bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris. Dialek yang ditutur termasuk dialek Hokkien, dialek Hakka, dialek Kantonis, dialek Teowchew dan sebagainya.

Kaum Cina di Malaysia biasanya bangga dengan kebolehan bertutur dalam pelbagai bahasa. Mereka membuat pemilihan bahasa berdasarkan pelbagai tujuan dan situasi. Mengikut tinjauan pengkaji, satu fenomena yang menyediakan ialah perubahan sikap sesetengah orang Cina ketika membuat pemilihan bahasa iaitu mengetepikan bahasa ibunda sendiri dan mengutamakan bahasa lain seperti bahasa Inggeris. Sikap segelintir kaum Cina

pada hari ini yang memilih bahasa lain untuk menjadi bahasa perantaraan dalam domain kekeluargaan telah menyebabkan generasi muda dalam keluarga mereka tidak tahu akan bahasa ibunda sendiri. Bahasa jiwa bangsa, kehilangan bahasa ibunda sendiri memang merupakan suatu fenomena yang amat menyedihkan.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini responden yang dipilih adalah mereka yang terdiri daripada ibu bapa kaum Cina yang tinggal di sekitar Subang Jaya, Selangor. Anak-anak boleh diibaratkan seperti kain putih, dan ibu bapa yang memainkan peranan sebagai acuan pembentuk mereka. Justeru, sikap ibu bapa ketika membuat pemilihan bahasa adalah amat penting. Tindakan mereka bukan sahaja akan mempengaruhi penguasaan dan sikap generasi muda terhadap sesuatu bahasa, bahkan menjadi penentu nasib bahasa itu, yakni sama ada bahasa tersebut akan digunakan dan dikembangkan ataupun diketepikan begitu sahaja.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau sikap kaum Cina terhadap bahasa Mandarin yang merupakan *lingua franca* kaum Cina.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat bahasa apakah yang kerap dipilih oleh kaum Cina di sekitar Subang Jaya dalam domain yang berbeza. Di samping itu, kajian ini dirancang untuk mengesani faktor yang mendorong responden untuk memilih sesuatu bahasa untuk tujuan dan domain yang tertentu.

Oleh kerana kekurangan kajian serupa yang dijalankan di Malaysia, kajian ini diharap dapat memantapkan kajian dan penyelidikan yang sudah sedia ada dalam bidang sosiolinguistik supaya dapat memberi satu gambaran yang jelas mengenai sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina di Malaysia.

1.4 SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada beberapa soalan kajian di bawah:

- (1) Apakah sikap terhadap bahasa Mandarin dalam kalangan kaum Cina di Subang Jaya?
- (2) Apakah bahasa yang akan dipilih oleh kaum Cina di Subang Jaya dalam domain yang berlainan?
- (3) Apakah faktor-faktor yang mendorong kaum Cina di Subang Jaya memilih bahasa tertentu dalam domain yang berlainan?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Memandangkan kurangnya penyelidikan berkenaan dengan isu bahasa ini, maka diharapkan penyelidikan ini boleh mencungkil minat sarjana-sarjana lain untuk meninjau secara mendalam lagi berkenaan dengan topik pemilihan bahasa dalam kalangan kaum Cina di Malaysia yang multilingual ini. Melalui penyelidikan ini juga, pengkaji ingin

memberi gambaran awal tentang pemilihan bahasa kaum Cina di Subang Jaya dan sikap mereka terhadap sesuatu bahasa, serta meninjau sama ada bahasa ibunda komuniti tersebut digantikan dengan bahasa lain. Kajian ini penting untuk menyedarkan kaum Cina Malaysia tentang penggunaan bahasa Mandarin yang kian kurang dititikberatkan oleh segelintir kaum Cina di Malaysia.

Akhir sekali, kajian ini dilakukan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat kita berkenaan dengan isu persaingan penggunaan bahasa diakibatkan oleh nilai bahasa itu sendiri dan juga penggunaannya oleh penutur-penutur.

1.6 LIMITASI KAJIAN

Dalam kajian ini, skopnya terhad kepada sikap terhadap pemilihan bahasa dalam kalangan kaum Cina di Subang Jaya. Dari segi persampelan kajian pula, responden-responden dalam kajian ini terhad kepada 90 orang ibu bapa kaum Cina di Subang Jaya di mana pemilihan responden adalah berdasarkan pembolehubah umur yang ditentukan. Maka persampelan kajian ini tidak mewakili populasi semua orang Cina di Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh mewakili lokasi lain yang mempunyai elemen-elemen latar belakang yang berbeza.

Kajian ini fokus kepada sikap terhadap pemilihan bahasa di kalangan responden dalam domain-domain yang dikaji sahaja. Antaranya ialah domain kekeluargaan, domain pekerjaan, domain persahabatan dan kejiranian serta domain lokasi. Hanya situasi-situasi bahasa yang wujud dalam domain-domain yang disebut di atas diambil kira dalam

penganalisisan data. Di samping itu, hanya pembolehubah umur sahaja digunakan bagi tujuan analisis dapatan kajian. Interlokutor dalam komunikasi tidak diambil kira dalam penganalisisan data kerana ia di luar kawalan pengkaji semasa menjalankan kajian. Begitu juga dengan bahasa yang ditutur oleh pihak yang berkomunikasi dengan penutur tidak ditekan dan ditinjau oleh pengkaji dalam kajian ini kerana pungutan data yang diperolehi dalam kajian ini hanya berasaskan kaedah soal selidik dan juga temubual. Jadi, pengkaji hanya menekan kepada pemilihan bahasa responden yang dipilih sebagai subjek kajian ini sahaja.

Kajian ini juga memberikan tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi sikap kaum Cina terhadap pemilihan bahasa dalam aspek-aspek yang dikaji supaya dapat menentukan sikap terhadap penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan kaum Cina di Subang Jaya.

BAB II

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.0 PENDAHULUAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan dua perkara yang amat penting, iaitu perbincangan tentang pengertian konsep-konsep sikap bahasa dan pemilihan bahasa yang pernah dikaji oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, dan kajian-kajian lepas berkenaan dengan sikap dan pemilihan bahasa yang dilakukan oleh penyelidik di dalam dan juga di luar Malaysia.

2.1 PENTAKRIFAN ISTILAH-ISTILAH

Penyelidikan ini akan lebih jelas dan mudah difahami dengan adanya beberapa pentakrifan istilah yang penting. Diharapkan perbincangan tentang beberapa istilah bahasa ini akan memberi gambaran yang lebih jelas lagi tentang persoalan yang akan dikaji. Istilah-istilah yang akan dibincangkan dalam bahagian ini merangkumi sikap dan pemilihan bahasa.

2.1.1 Sikap bahasa

Mengikut Kamus Dewan (2002:1278), sikap ialah perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat. Jadi, secara ringkasnya, kita boleh katakan sikap

sebagai sesuatu yang berkait rapat dengan mental kita. Mengikut tinjauan pengkaji, berdasarkan kajian-kajian sosiolinguistik yang lepas, didapati bahawa pengkajian terhadap sikap bahasa adalah tidak dipentingkan walaupun bidang kajian ini telah lama wujud. Namun demikian, trend ini telah berubah mengikut peredaran masa. Sikap bahasa telah menjadi satu bidang yang luas dikaji dalam bidang kajian sosiolinguistik pada masa kini. Di sini, pengkaji akan membincangkan beberapa definisi tentang sikap bahasa yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh dari luar negara dan dari dalam negara Malaysia.

Konsep “*language attitude*” atau sikap bahasa menurut pendapat Asmah Haji Omar (2003) ialah:

“The fact that there is a primary language in an individual’s repertoire means that he has a high preference for that language and he is comfortable using it because he is more skilled in it.”

(Asmah Haji Omar, 2003:150)

Menurut pandangan Asmah dalam kajiannya, apabila kebolehan menguasai sesuatu bahasa adalah lebih tinggi, seseorang individu akan berasa lebih selesa menggunakan bahasa tersebut. Justeru itu, seseorang individu akan memberikan keutamaan ke atas penggunaan bahasa tersebut. Dari sini, jelas dilihat bahawa sikap bahasa pada seseorang individu juga akan dipengaruhi oleh faktor latar belakang pendidikan yang merangkumi kebolehan menguasai bahasa ibunda di mana seseorang yang mempunyai kebolehan menguasai bahasa ibunda yang lebih tinggi adalah lebih berkeyakinan untuk menggunakan bahasa ibunda semasa berkomunikasi dengan orang lain. Sebaliknya seseorang yang tidak dapat menguasai bahasa ibunda dengan baik adalah secara lazimnya tidak berkeyakinan untuk menggunakan bahasa ibunda bagi tujuan menjalankan komunikasi.

Noriah Mohamed (1998) dalam kajiannya tentang sikap bahasa ini menyatakan:

“kesan pertembungan bahasa juga berlaku kepada penutur bahasa. Misalnya akibat pertembungan bahasa dalam komuniti pelbagai bahasa, maka individu membentuk sikap terhadap bahasa. Kajian terhadap sikap bahasa memaparkan tindak balas penutur terhadap bahasa mereka sendiri dan bahasa orang lain dan sikap ini direalisasikan menerusi perasaan cinta akan bahasa, khususnya bahasa ibunda, kerana dikatakan individu telah mewujudkan hubungan emosi dengan bahasa berkenaan.”

(Noriah Mohamed, 1998:9)

Menurut Noriah Mohamed (1998), sikap bahasa biasanya berkait rapat dengan kesetiaan terhadap sesuatu bahasa terutamanya bahasa ibunda sendiri. Beliau berpendapat bahawa kajian terhadap sikap bahasa dapat mencerminkan reaksi penutur bahasa terhadap sesuatu bahasa, sama ada terhadap bahasa sendiri ataupun bahasa orang lain. Noriah juga berpendapat bahawa konsep sikap terhadap bahasa ialah satu fenomena yang wujud akibat daripada pertembungan bahasa dalam komuniti pelbagai bahasa.

Fernando Penalosa (1981) juga merupakan salah seorang sarjana yang memberi definisi tentang sikap bahasa. Bagi beliau, sikap bahasa boleh didefinisikan sebagai:

“Attitude is obviously a significant intervening variable. Attitudes toward language can have far-reaching historical consequences. Different social classes or groups may have strong opinions which may influence the development of a language or promote the rise of nationalism.”

(Fernando Penalosa, 1981:33)

Berdasarkan hujah dari petikan di atas, Fernando berpendapat bahawa sikap bahasa boleh diistilahkan sebagai satu faktor yang nyata dalam aspek penentuan penggunaan kelainan bahasa dalam aktiviti harian sesama manusia. Beliau juga berpendapat bahawa sikap

terhadap sesuatu bahasa semestinya akan membawa kesan kepada masyarakat, terutamanya masyarakat yang terdiri daripada kelas sosial dan kumpulan yang pelbagai. Masyarakat yang terdiri daripada kelas sosial dan kumpulan yang berbeza akan mempunyai perasaan yang berlainan terhadap sesuatu bahasa dan ini semestinya akan membawa kesan kepada perkembangan bahasa tersebut atau aspek peningkatan semangat kebangsaan di kalangan masyarakatnya.

Betancourt F. (1976) dalam kajiannya yang bertajuk “*Language attitude and Language Education in Arecibo, Puerto Rico*” telah memberikan definisi konsep “*language attitude*” atau sikap bahasa sebagai:

“...attitudes toward a language are inclusive not only of attitudes toward language variation but also toward the culture in which the language variation embedded, and toward the speaker. These attitudes are inculcated in early childhood by social conditions and later reinforced by education, giving attitudes an enduring nature in the people and locale.”

(Betancourt F., 1976:2)

Bagi Betancourt F., konsep sikap bahasa yang dimaksudkan bukan sahaja merujuk kepada sikap terhadap variasi-variasi yang wujud dalam sesuatu bahasa, tetapi ia merangkumi sikap terhadap budaya yang terkandung di sebalik variasi-variasi dan penutur bahasa yang wujud dalam bahasa itu. Bagi Betancourt, sikap ini dipupuk dalam pemikiran seseorang penutur sejak kecil lagi dan ianya kemudiannya akan diperkuuhkan melalui sistem pendidikan.

Gardner (1985) dalam pengkajiannya yang bertajuk “Sosial Psychology dan Second Language Learning: the role of attitudes and motivation telah mendefinisikan konsep sikap sebagai:

“an evaluative reaction to some referent or attitude object, inferred on the basis of the individual’s belief or opinions about the referent”

(Gardner, 1985:9)

Jadi, berpandukan penjelasan Gardner, konsep sikap boleh didefinisikan sebagai reaksi penilaian terhadap sesuatu rujukan ataupun objek sikap yang disampaikan berdasarkan kepercayaan ataupun pendapat individu tentang sesuatu rujukan. Ini bermakna, wujudnya perkaitan yang rapat di antara sikap dengan kepercayaan dan pandangan individu.

Sehubungan itu, Kamsiah Abdullah (2000) yang menjalankan kajiannya terhadap sikap, penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu di Singapura juga memberikan definisi kepada konsep ‘sikap’ yang seakan-akan sama dengan kenyataan yang diberikan oleh Gardner iaitu:

“Sikap dalam penyelidikan ini diistilahkan satu keadaan fikiran, perasaan dan reaksi yang teratur terhadap manusia, kumpulan, isu-isu sosial atau umumnya, sebarang peristiwa yang berlaku di alam sekitaran seseorang.”

(Kamsiah Abdullah, 2000:22)

Namun pendapat Fasold (1984:148) terhadap konsep “language attitude” pula ialah “*Attitudes towards language are often the reflection of attitudes towards members of various ethnic groups*”. Fasold mentakrifkan konsep sikap bahasa sebagai sikap yang membayangkan pegangan seseorang terhadap kumpulan etnik yang pelbagai ini. Ini

menunjukkan bahawa sikap bahasa pada seseorang itu turut memaparkan perasaan atau pandangan seseorang terhadap kumpulan etniknya. Pendek kata, memang wujud pertalian yang rapat di antara sikap terhadap sesuatu bahasa dengan sikap terhadap sesuatu kumpulan etnik.

Bagi Nik Safia Karim (1988:9) , sikap bahasa boleh didefinisikan sebagai:

“Sikap bermaksud pandangan atau pegangan terhadap bahasa. Ada bahasa yang dihormati dan dipandang tinggi, ada bahasa yang dipandang rendah.”

(Nik Safiah Karim, 1988:9)

Keterangan Nik Safia Karim menunjukkan bahawa sikap membawa maksud pandangan ataupun pegangan seseorang penutur terhadap sesuatu bahasa di mana terdapat bahasa yang dipandang rendah dan dipandang tinggi oleh pengguna bahasa. Nik Safiah Karim juga menjelaskan bahawa penggunaan bahasa sering kali berkait rapat dengan dua aspek yang sangat penting. Salah satu aspek adalah berkaitan dengan motivasi mempelajari ataupun menguasai sesuatu bahasa, kemudiannya diikuti dengan sifat kesetiaan ataupun *loyalty* seseorang terhadap sesuatu bahasanya. Oleh itu, dua aspek yang dibincangkan menentukan pandangan seseorang pengguna bahasa terhadap sesuatu bahasa sama ada positif atau negatif.

Menurut Norizah Ardi (1990), konsep “*language attitude*” atau sikap bahasa dijelaskan sebagai:

“Istilah “Language Attitudes” ini sebahagiannya merujuk anggapan dan nilai yang diberikan oleh masyarakat terhadap sesuatu bahasa atau bahasa lainnya, atau tentang suatu dialek berbanding dengan dialek yang lain di dalam satu bahasa.”

(Norizah Ardi, 1990:270)

Keterangan Norizah Ardi menunjukkan bahawa sikap bahasa sememangnya merupakan salah satu elemen yang penting dalam aspek pemilihan sesuatu bahasa di mana ia dapat memperlihatkan anggapan atau nilai yang diberikan oleh masyarakat terhadap sesuatu bahasa yang tertentu. Pengkaji berpendapat bahawa seseorang yang mempunyai sikap positif terhadap penggunaan sesuatu bahasa yang tertentu sememangnya mempunyai anggapan atau nilai yang positif terhadap sesuatu bahasa itu. Manakala seseorang yang mempunyai sikap negatif terhadap penggunaan sesuatu bahasa yang tertentu sememangnya juga akan mempunyai anggapan atau nilai yang negatif terhadap sesuatu bahasa itu.

Daripada beberapa definisi atau pentakrifian istilah terhadap konsep sikap bahasa di atas, dapat disimpulkan bahawa konsep sikap bahasa yang ditinjau dalam kajian ini adalah mengenai sikap bahasa seseorang terhadap sesuatu bahasa. Dari segi aspek sosiolinguistik, seseorang yang mempunyai pandangan yang positif terhadap bahasa ibundanya sebenarnya juga telah menunjukkan perasaan kesetiaan kepada bahasa ibundanya dan ini akan mendorong seseorang itu supaya lebih cenderung menggunakan bahasa ibundanya dalam situasi yang berlainan. Keadaan sedemikian dapat dijelaskan sebagai satu usaha seseorang itu untuk mempertahankan bahasa ibundanya terutamanya dalam komuniti pelbagai bahasa

seumpamanya di Malaysia supaya identiti bangsa seseorang itu tidak akan dipinggirkan dengan mudah mengikut peredaran masa.

2.1.2 Pemilihan bahasa

Dalam konteks sosiolinguistik, konsep penggunaan bahasa sentiasa dikaitkan dengan aspek pemilihan bahasa, terutamanya dalam komuniti pelbagai bahasa. Hal sedemikian wujud apabila terdapat pelbagai kelainan bahasa dalam sesebuah komuniti bahasa dan faktor ini telah mendorong penutur bahasa membuat pemilihan dan penyesuaian terhadap bahasa yang akan digunakan semasa berinteraksi dengan orang lain supaya mendapat kesan komunikasi yang berkesan (Noriah Mohamed, 1998). Ini bermakna, penutur akan cuba membuat penyesuaian dengan memilih bahasa yang bersesuaian dengan faktor sosial yang wujud dalam situasi berbahasa yang tertentu supaya kelainan bahasa yang dipilih dapat diterima oleh kedua-dua pihak pengguna bahasa. Oleh itu, sikap bahasa di kalangan penutur dalam aspek pemilihan kelainan bahasa yang akan digunakan dalam sesuatu situasi berbahasa telah menjadi persoalan yang penting kerana ia akan mempengaruhi penggunaan sesuatu bahasa yang tertentu.

Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Giles (1979:254), fenomena pemilihan bahasa biasanya wujud dalam kebanyakan masyarakat pelbagai kaum yang masing-masing mempunyai bahasa pertuturan yang berbeza. Biasanya bahasa tersebut tidak saling memahami di antara satu sama lain. Namun, terdapat sekurang-kurangnya satu atau lebih

bahasa yang difahami oleh mereka. Bahasa atau bahasa-bahasa tersebutlah yang menjadi bahasa komunikasi apabila mereka berkomunikasi antara satu sama lain.

“The language choice paradigm exists in many multi ethnic societies where there are a large number of ethnic groups coexisting in the same social spaces who possess their own often mutually unintelligible tongues but have one or more language in common.”

(Giles, 1979:254)

Keadaan yang sama berlaku dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum dan bahasa. Walaupun masyarakatnya berbilang kaum tetapi masih mempunyai satu medium bahasa (bahasa Melayu) yang digunakan oleh semua bangsa untuk berkomunikasi sesama mereka dan ia difahami oleh semua penduduk Malaysia. Oleh itu keharmonian masih lagi terpelihara sehingga kini dengan adanya satu bahasa yang difahami oleh semua masyarakat di Malaysia ini.

“We imagine a person who speaks two or more languages and has to choose which one to use.”

(Fasold, 1984:180)

Menurut Fasold (1984:180), seseorang yang boleh bertutur dua atau lebih bahasa terpaksa membuat pilihan iaitu bahasa manakah yang akan digunakan. Di samping itu, bahasa yang dipilih haruslah difahami oleh kedua-dua penutur.

Kajian Hafriza Burhanudeen (2006) menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa yang berlainan ialah latar belakang, interlokutor, topik perbualan, umur dan tahap pendidikan. Pandangan ini adalah sejajar dengan pandangan yang dikemukakan oleh Fishman (1972) mengenai konsep domain:

“Domain is a socio-cultural construct abstracted from topics of communication, relationships and interactions between communicators and locales of communications in accord with the institutions of a society and the spheres of activity of a culture in such a way that individual behavior and social patterns can be distinguished from each other and yet related to each other.”

(Fishman, 1972:82)

Berdasarkan penjelasan Fishman, topik perbualan, hubungan antara pengguna bahasa, dan tempat perbualan dijalankan merupakan elemen-elemen yang penting dalam aspek pembentukan teori domain dalam sesebuah masyarakat. Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim (2005) menjelaskan bahawa teori domain Fishman dapat menghuraikan situasi pemilihan bahasa dalam komuniti pelbagai bahasa. Ini bermaksud teori domain merupakan satu pengunci yang baik untuk mengkaji situasi pemilihan bahasa terutamanya di Malaysia yang mempunyai pelbagai bahasa ini.

Menurut Heller (1982:109) pula, pemilihan bahasa dalam komunikasi harian memerlukan perundingan dan persefahaman antara peserta-peserta yang terlibat dalam interaksi. Pendapat beliau telah dicatat seperti berikut:

“...the use of language in everyday life is an extreme awareness of language, a new way of holding conversations that involves the negotiation of language choice in everyday interaction.”

(Heller, 1982:109)

Asmah Haji Omar (1992) dalam kajiannya menyatakan bahawa sikap dan pemilihan bahasa ini mempunyai pertalian yang rapat:

“...attitude may be said to be generated by the following factors: cultural beliefs, socio-political background, and teaching/learning milieu. All these factors may generate positive as well as negative attitudes depending on the situation and the time when their roles are played.”

(Asmah Haji Omar, 1992:119)

Pada pendapat beliau, faktor kepercayaan budaya, faktor latar belakang sosio-politik, dan faktor pengajaran dan pembelajaran di persekitaran seseorang pengguna bahasa membentuk sikap seseorang. Kesemua faktor ini menyumbang kepada pembentukkan sama ada sikap positif atau negatif pada seseorang. Keadaan ini berlaku kerana memang wujud banyak kelainan bahasa dalam setiap komuniti multi bahasa. Misalnya di negara Malaysia yang *multilingual*, penutur bahasa akan membuat pemilihan bahasa yang berlainan sama ada bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin ataupun dialek mengikut situasi berbahasa yang wujud dalam domain-domain yang tertentu. Pemilihan bahasa memang wujud dalam masyarakat yang bilingualisme ataupun multilingualisme kerana seseorang individu ataupun komuniti harus memilih dan menggunakan bahasa yang sesuai mengikut situasi, penutur, topik perbualan dan sebagainya untuk mencapai tujuan komunikasi yang paling berkesan. Berdasarkan kajian-kajian, individu yang menguasai lebih daripada satu bahasa mempunyai kelebihan untuk bergaul dalam masyarakat di sekitar khasnya dan masyarakat di peringkat kebangsaan amnya.

Rumusannya, teori domain yang dikemukakan oleh Fishman dan Noriah Mohamed (2005) akan diubahsuai dan diterapkan ke dalam konsep pemilihan bahasa yang ditinjau

dalam kajian ini. Dalam kajian Fishman (1970), beliau telah mengemukakan teori domain. Dalam teori domain Fishman, lima domain telah digunakan, iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain keagamaan, domain pendidikan dan domain pekerjaan. Manakala bagi Noriah Mohamed pula, beliau telah menerapkan teori Fishman. Tujuh domain telah digunakan dalam kajian beliau, iaitu domain kekeluargaan, domain kejiranan dan persahabatan, domain keagamaan, domain transaksi, domain pendidikan, domain pemerintahan dan domain pekerjaan. Jadi, di sini jelas kita lihat, selain lima domain yang dikemukakan oleh Fishman, Noriah (2005) menambahkan dua domain baru dalam kajiannya, iaitu domain transaksi dan domain pemerintahan.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih tiga domain yang dikemukakan oleh Fishman (1970) dan juga Noriah (2005), iaitu domain kekeluargaan, domain pekerjaan, serta domain persahabatan dan kejiranan. Di samping itu, dalam kajian ini, pengkaji mengemukakan satu domain yang baru, iaitu domain lokasi untuk melihat pemilihan bahasa responden mengikut lokasi yang berlainan. Dalam domain lokasi yang pengkaji kemukakan, empat lokasi akan dibincangkan, iaitu pusat beli belah, kedai kopi Cina, pejabat kerajaan dan pasar.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS MENGENAI SIKAP DAN PEMILIHAN BAHASA

Jika kita meninjau kepada kajian-kajian lepas, dapat kita lihat bahawa dalam bidang sosiolinguistik, kajian-kajian berkenaan sikap dan pemilihan bahasa merupakan satu topik yang kerap dijalankan oleh penyelidik-penyelidik bahasa, sama ada di dalam ataupun di luar negara. Huraian kajian-kajian lepas dibincangkan dalam dua bahagian, iaitu kajian-

kajian yang dijalankan di luar negara dan juga kajian-kajian yang dijalankan di dalam negara.

2.2.1 Kajian-kajian lepas yang dijalankan di luar negara

Penyelidikan berkaitan dengan pemilihan bahasa telah dimulakan oleh pengkaji luar negara sejak tahun 1960 an. Fishman dan Greenfield (1970:602-618) merupakan penyelidik yang mula melakukan penyelidikan berkenaan dengan persoalan pemilihan bahasa pada tahun 1970. Kedua-dua sarjana ini telah melakukan kajian pemilihan bahasa dengan menggunakan analisis domain berdasarkan tiga komponen yang kongruen. Beliau telah melakukan kajian pemilihan bahasa Sepanyol atau bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat Peutro Rico di New York.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Fishman dan Greenfield, lima domain digunakan, iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain keagamaan, domain pendidikan dan domain pekerjaan. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa pemilihan bahasa Sepanyol dilakukan berasaskan domain kekeluargaan dan persahabatan dan kedua-dua domain ini membentuk rumpun nilai-nilai yang mesra, manakala bahasa Inggeris yang dikaitkan dengan domain keagamaan, pekerjaan dan pendidikan lebih menekankan nilai-nilai yang berkaitan dengan status. Demi menguji hipotesis yang dikemukakan, Fishman dan Greenfield mengemukakan dua faktor yang kongruen dan meminta informan-informannya memilih faktor ketiga untuk melengkapkan situasi dan juga bahasa yang digunakan sama ada bahasa Sepanyol ataupun bahasa Inggeris. Peserta, tempat dan topik

perbualan merupakan tiga faktor penting yang dikemukakan dalam kajian Fishman dan Greenfield.

Hasil kajian kedua-dua penyelidik tersebut menunjukkan informan menggunakan bahasa Sepanyol dalam situasi yang kurang formal, contohnya dalam domain kekeluargaan dan persahabatan. Sebaliknya, bahasa Inggeris pula digunakan dalam situasi yang melibatkan kedudukan dan status seseorang. Dalam erti kata lain, masyarakat Peutro Rico adalah masyarakat diglosia, iaitu bahasa Sepanyol sebagai bahasa bervariasi rendah dan bahasa Inggeris pula merupakan bahasa yang bervariasi tinggi.

Prabodh P. Pandit (1978) juga merupakan salah seorang sarjana yang menjalankan penyelidikan berkenaan dengan sikap dan pemilihan bahasa. Prabodh menjalankan kajian ke atas sekumpulan pelajar perempuan yang menuntut di sebuah kolej yang bernama Kolej Lady Irwin di Universiti Delhi. Menurut dapatan Prabodh, wujudnya fenomena peralihan bahasa Panjabi di Delhi terutamanya dalam domain kekeluargaan, ini kerana responden bukan sahaja menggunakan bahasa Panjabi ketika berinteraksi dengan ahli keluarga mereka, malah juga menggunakan bahasa Hindu dan juga bahasa Inggeris ataupun percampuran kod di antara ketiga-tiga jenis bahasa di atas. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan responden membuat pemilihan bentuk bahasa bergantung kepada pihak yang mengambil tempat dalam interaksi mereka. Selain itu, dapatan kajian beliau juga menunjukkan sikap penggunaan bahasa merupakan salah satu elemen yang penting yang berupaya mengekalkan atau mengalihkan bahasa Panjabi di Delhi. Mengikut kajiannya, memang wujud sikap yang kurang positif dalam kalangan pelajar Hindu terhadap penggunaan bahasa Panjabi di Delhi, di mana penggunaan bahasa Panjabi hanya

diutamakan dalam domain kekeluargaan sahaja. Jadi, berlakunya peralihan bahasa Panjabi ke bahasa Hindu dalam kalangan responden daripada golongan Hindu di Delhi.

Ure (1979) juga merupakan salah seorang penyelidik yang telah melakukan penyelidikan berkenaan dengan pemilihan bahasa dalam negara multilingual. Beliau melakukan kajian pemilihan bahasa dalam kalangan guru sekolah rendah di Ghana, dan bertumpu pada domain pendidikan sahaja. Hasil kajian beliau menunjukkan selain daripada menjadi bahasa perantaraan dalam kelas di sekolah, bahasa Inggeris juga merupakan bahasa yang digunakan untuk mengajar topik keagamaan. Bahasa Akan pula digunakan dalam penyampaian cerita ketika kelas Drama. Bahasa Zhufutu ialah bahasa yang biasa digunakan oleh respondennya ketika menasihati pelajar-pelajar yang ponteng supaya balik semula ke sekolah. Walau bagaimanapun pengkaji berpendapat bahawa kajian pemilihan bahasa adalah tidak sempurna tanpa meninjau faktor-faktor yang menyebabkan seseorang individu ataupun komuniti memilih sesuatu bahasa. Oleh itu, dalam kajian ini, selain daripada mengkaji aspek pemilihan bahasa kaum Cina di Subang Jaya, faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan tersebut juga merupakan topik yang harus dibincangkan.

Parasher telah menyempurnakan kajian berkenaan topik pemilihan bahasa pada tahun 1980. Beliau telah mengkaji pemilihan bahasa dalam kalangan golongan terpelajar India. Kajian beliau menunjukkan golongan terpelajar India telah menggunakan bahasa Inggeris dalam semua domain, kecuali domain kekeluargaan, bahasa ibunda digunakan. Dalam domain kejiranan dan persahabatan, respondennya tidak akan menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri, sebaliknya akan menggunakan bahasa Inggeris. Hanya dalam keadaan di mana interlokutor tersebut tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, golongan

terpelajar India baru akan menggunakan bahasa Hindi. Kesimpulan daripada kajian Parasher ialah bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling kerap digunakan dalam kalangan golongan terpelajar di India, diikuti bahasa Hindi dan bahasa ibunda.

Sehubungan itu, Peter Trudgill (1983) juga telah melakukan kajian sikap dan pemilihan bahasa di dalam sebuah masyarakat minoriti, iaitu masyarakat Arvanitis yang bertutur dalam bahasa Arvantika di Greek. Dalam kajian beliau, dapat kita lihat bahawa informan yang berusia lebih muda secara umumnya lebih bersikap negatif kepada penggunaan bahasa Arvantika berbanding dengan informan yang lebih berusia. Jadi, boleh kita lihat bahawa umur merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi sikap dan juga pemilihan bahasa dalam sesuatu komuniti. Kajian Peter juga menunjukkan bahawa bahasa Arvantika berkemungkinan besar tidak lagi menjadi alat pembentukan identiti dalam kalangan masyarakat Arvanitis di Greek, malah wujud kebimbangan terhadap pelupusan bahasa kaum minoriti tersebut. Apabila berlakunya sikap yang negatif terhadap sesuatu bahasa, ia akan menentukan pemilihan bentuk bahasa yang digunakan. Apabila penutur bersikap negatif terhadap sesuatu bahasa, jadi penggunaannya juga akan diambil alih oleh bahasa lain.

Sehubungan itu, Srinarawat, Deeyu (1988) dalam kajiannya yang bertajuk "*Language Use of the Chinese in Bangkok*" telah membincangkan pemilihan dan juga penggunaan bahasa oleh kaum Cina di Bangkok. Aspek utama kajian ini ialah tentang penggunaan bahasa Mandarin di Bangkok dan sikap mereka terhadap bahasa Thai dan bahasa Mandarin. 319 orang Teochew telah dipilih sebagai sampel bagi kajian ini dan mereka telah dipilih secara rambang di sekitar kawasan Bangkok. Dapatan kajian

Srinarawat, Deeyu menunjukkan dari segi penggunaan bahasa, kebanyakan responden di Bangkok mampu menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Thai dan dialek Teochew. Kajian ini juga membuktikan kebanyakan responden menggunakan bahasa Mandarin dengan ibu bapa dan saudara yang lebih berumur. Pemilihan penggunaan bahasa ditentu oleh faktor dengan siapa komunikasi tersebut dijalankan. Sebaliknya, majoriti responden menggunakan bahasa Thai apabila berinteraksi dengan pasangan, adik-beradik, rakan sekkerja, saudara yang lebih muda, kanak-kanak dan pembantu kerana mereka mempunyai status, taraf dan peranan yang sama atau lebih rendah. Jadi, dapat disimpulkan dalam domain kekeluargaan, bahasa Mandarin merupakan bahasa pemilihan utama kaum Cina di Bangkok, namun situasi ini berubah apabila responden berada di luar rumah kerana kebanyakan mereka lebih kerap menggunakan bahasa Thai. Dapatan kajian Deeyu Srinarawat juga menunjukkan bahawa majoriti responden terutamanya kumpulan responden yang dilahirkan di Thailand menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Thai. Mereka berpendapat bahawa bahasa Thai merupakan bahasa yang penting dan diperlukan dalam kehidupan di Thailand.

Di samping itu, Lionel Wee (1990) menjalankan kajian berkenaan dengan sikap dan pemilihan bahasa di Singapura. Wee menjalankan kajiannya ke atas dua golongan responden, iaitu responden yang berasal daripada keluarga yang bertutur dalam bahasa Mandarin dan juga responden yang berasal daripada keluarga yang berbahasa Inggeris. Dapatan kajian Wee menunjukkan bahawa wujudnya sikap positif terhadap penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan responden yang berasal dari keluarga yang bertutur dalam bahasa Mandarin. Mereka bersikap positif terhadap penggunaan bahasa Mandarin kerana menganggap bahasa Mandarin sebagai satu alat untuk mempertahankan identiti bangsa mereka. Sehubungan itu, dapatan kajian beliau juga menunjukkan responden yang

berasal dari keluarga yang bertutur dalam bahasa Inggeris lebih bersikap negatif terhadap penggunaan bahasa Mandarin. Kajian Wee juga telah memaparkan bahawa faktor latar belakang pendidikan dan juga kebolehan dalam menguasai bahasa ibunda juga merupakan salah satu elemen yang sangat mempengaruhi sikap terhadap pemilihan dan penggunaan bahasa dalam kalangan kaum Cina di Singapura.

McGregor dan Li (1991:493-509) telah melakukan kajian pemilihan bahasa ke atas golongan pelajar Cina di Newcastle. Responden yang dikaji merupakan kumpulan pelajar Cina yang berasal dari Malaysia, Singapura, Hong Kong dan China. Menurut kajian McGregor, walaupun kumpulan pelajar tersebut semuanya kaum Cina, namun mereka mempunyai latar belakang sosial dan bahasa ibunda yang berlainan. Kedua-dua penyelidik tersebut telah menfokuskan pemilihan bahasa kumpulan pelajar Cina tersebut berdasarkan beberapa faktor seperti faktor peserta, topik perbualan dan tempat.

Dalam kajian mereka, pendekatan domain yang dikemukakan oleh Fishman dan juga model “*audience design*” yang dikemukakan oleh Bell (1984) digunakan. Menurut Bell, penutur memilih bahasa tertentu dalam situasi yang berbeza dan bergantung kepada tujuan komunikasi. Pada pendapat McGregor dan Li (1991:493-509), model “*audience design*” berupaya menjelaskan perhubungan di antara situasi pemilihan bahasa yang tidak boleh dijelaskan dengan pendekatan domain.

Hasil kajian McGregor dan Li menunjukkan bahasa Mandarin menjadi bahasa yang paling kerap dipilih oleh kumpulan pelajar Cina apabila berinteraksi sesama mereka tanpa mengira faktor peserta, topik perbualan dan tempat. Menurut hasil kajian, responden berasa lebih mesra dan sopan dengan menggunakan bahasa Mandarin.

Tan (1993) merupakan seorang penyelidik yang telah melakukan kajian pemilihan bahasa dalam domain jual beli di Singapura. Dalam kajian beliau, beliau ingin menentukan pengaruh kedudukan sosial ekonomi terhadap pemilihan bahasa pembantu kedai apabila berkomunikasi dengan pelanggan atau pembeli. Selain itu, beliau juga meninjau pengaruh faktor tempat dan faktor jantina ke atas pemilihan bahasa dalam domain jual beli. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa kedudukan sosioekonomi pelanggan dan tempat telah mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan pembantu kedai. Pembantu kedai di “upmarket” lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris apabila berkomunikasi dengan pelanggan yang berstatus sosioekonomi tinggi. Manakala, pembantu kedai di kawasan perumahan pula biasanya akan memilih bahasa Mandarin, dialek Hokkien, dialek Teochew dan dialek Kantonis untuk berinteraksi dengan pelanggan. Dalam kajian beliau juga mendapati faktor jantina pelanggan bukan merupakan faktor yang penting dalam menentukan pemilihan bahasa pembantu kedai.

Rekha M. Kuncha dan Hanoku Bathula (2004) dalam kajiannya yang bertajuk *“The role of attitudes in language shift and language maintenance in a new Immigrant Community: a case study”* telah membincangkan sikap dan juga pemilihan bahasa di kalangan penutur bahasa Telegu yang merupakan pendatang baru yang berhijrah ke New Zealand. Bahasa Telegu merupakan bahasa kedua besar yang dituturkan di India selepas bahasa Hindi dan lebih daripada 80 juta penduduk menggunakan bahasa Telegu sebagai bahasa ibunda. Namun apabila penutur bahasa Telegu berhijrah ke New Zealand, sikap dan juga pemilihan bahasa mereka terhadap bahasa Telugu telah berubah dan digantikan oleh bahasa Inggeris.

Kajian yang dijalankan oleh Rekha M. Kuncha dan Hanoku Bathula bertujuan untuk mengetahui sikap ibu-ibu dan kanak-kanak daripada masyarakat Telegu terhadap sikap dan juga pemilihan bahasa natif mereka, iaitu bahasa Telugu dan juga bahasa perantaraan (bahasa Inggeris) di New Zealand. Responden yang dipilih terdiri daripada 14 orang ibu dan 20 orang kanak-kanak yang merupakan kaum Telugu yang berhijrah ke New Zealand. Dapatan kajian Rekha M. Kuncha dan Hanoku Bathula menunjukkan walaupun kebanyakan masyarakat Telugu berkomunikasi menggunakan bahasa ibunda di rumah, golongan kanak-kanak cepat mengalami kepupusan atau kehilangan bahasa mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jika komuniti Telugu ini mahu mempertahankan kewujudan bahasa ibunda mereka, langkah-langkah yang sewajarnya perlu dilakukan. Dapatan kajian Rekha juga membuktikan dengan nyata bahawa pergeseran bahasa dalam komuniti Telugu di New Zealand. Keperluan dan kebanggaan merupakan dua faktor utama yang menyumbang kepada fenomena pergeseran bahasa ini. Responden-responden kajian ini memberi reaksi yang kurang positif terhadap bahasa Telugu berbanding bahasa Inggeris.

Dalam kajian Norizah Ardi (2005) yang mengkaji tentang sikap dan pemilihan bahasa di Thailand Selatan, dapat kita lihat majoriti masyarakat Melayu di Thailand Selatan bersikap positif terhadap bahasa Melayu dan mereka cenderung memilih bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian mereka. Norizah Ardi telah menjalankan kajian ke atas pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di dua buah universiti di Thailand Selatan. Mengikut dapatan kajian Norizah, faktor-faktor yang membawa kesan positif terhadap pengguna bahasa Melayu dalam masyarakat Melayu di Thailand Selatan ialah bahasa ibunda, jantina dan agama. Selain itu, responden yang beragama Islam sahaja lebih

cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam keenam-enam domain penggunaan bahasa yang dikaji terutamanya dalam domain kekeluargaan.

Di samping itu, Abdel Rahim Hamid Mugaddam (2006) juga merupakan salah seorang penyelidik yang menjalankan kajian berkenaan dengan topik sikap dan pemilihan bahasa di bandar Al-Dilling, the Nuba Mountains. Kajian beliau dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik, di mana sebanyak 1496 borang soal selidik telah diedarkan bagi tujuan mengukur kemahiran bahasa dan juga pemilihan bahasa dalam domain yang berlainan serta sikap bahasa dalam kalangan masyarakat di bandar Al-Dilling. Menurut dapatan kajian beliau, memang wujudnya fenomena peralihan bahasa di kalangan masyarakat etnik yang pelbagai di bandar Al-Dilling, terutamanya di kalangan kumpulan Dilling. Kumpulan Dilling telah menunjukkan mereka lebih cenderung memilih bahasa Arab untuk penggunaan dalam pelbagai domain dalam kehidupan harian mereka jika berbanding dengan bahasa Dilling. Jadi, berlakunya fenomena peralihan bahasa dari bahasa Dilling di mana ia merupakan bahasa ibunda masyarakat Dilling kepada bahasa Arab. Berdasarkan dapatan kajian beliau, dapat kita lihat dengan jelas faktor etnik ataupun bangsa bukan lagi mempunyai pengaruh yang besar dalam aspek pembentukan identiti bangsa di kalangan masyarakat Dilling. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Dilling tidak mempunyai sikap positif terhadap bahasa ibunda mereka sendiri dan hanya sekumpulan kecil daripada responden berhasrat untuk mempertahankan dan mengekalkan bahasa ibunda mereka kepada generasi yang akan datang.

2.2.2 Kajian-kajian lepas yang dijalankan di Malaysia

Terdapat kajian-kajian yang berkenaan dengan sikap dan pemilihan bahasa dijalankan di Malaysia. Namun demikian, penyelidikan yang berkaitan dengan topik lebih cenderung kepada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, manakala pengkajian terhadap sikap dan pemilihan bahasa Mandarin adalah terhad.

Antara kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyalidik dalam Malaysia, Asmah Haji Omar merupakan pengkaji perintis dalam bidang ini. Asmah Haji Omar (1992) menjalankan kajian mengenai sikap terhadap bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar yang menuntut di Universiti Malaya. Untuk melengkapkan kajian tersebut, beliau telah menggunakan kaedah soal selidik, di mana sebanyak 167 borang soal selidik telah dikumpul untuk tujuan penganalisisan. Dapatan beliau menunjukkan bahawa majoriti responden menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris walaupun wujudnya minoriti responden yang bersikap kurang positif terhadap bahasa Inggeris. Dapatan beliau menunjukkan bahawa perbezaan etnik akan mempengaruhi sikap dan pemilihan sesuatu bahasa. Dapatan kajian Asmah menunjukkan jika berbanding dengan kaum Cina, majoriti responden Melayu mengatakan penggunaan bahasa Inggeris dalam interaksi harian dikatakan untuk tujuan menunjuk-nunjuk.

Begitu juga dengan Chow Seng Lip (2001), beliau menjalankan kajian berkenaan dengan sikap dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu dan pelajar Cina di Universiti Malaya. Dua faktor yang ditekankan dalam kajian Chow ialah faktor bangsa dan faktor jantina. Seramai 98 responden kaum Melayu dan 66 orang responden kaum Cina menjadi subjek yang dipilih untuk melengkapkan soal selidik dalam kajian Chow. Menurut

Chow, memang wujudnya sikap positif terhadap bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Universiti Malaya. Jika ditinjau berdasarkan pembolehubah, jelas kita lihat bahawa faktor bangsa lebih mempengaruhi perbezaan sikap terhadap bahasa Inggeris dalam kalangan responden jika dibandingkan dengan faktor jantina. Menurut Chow juga, walaupun responden mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris, namun mereka tidak bersikap negatif terhadap penggunaan bahasa ibunda mereka sendiri.

Di samping itu, Gunan (2005) juga meninjau sejauh manakah bahasa Melayu digunakan dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia. Dalam kajian Gunan (2005), pembolehubah yang diambil kira ialah umur dan aliran pendidikan. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa aliran pendidikan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia. Responden yang beraliran pendidikan bahasa Inggeris dan Tamil lebih cenderung memilih dan menggunakan bahasa Inggeris dalam interaksi harian mereka, penggunaan bahasa Melayu adalah terhad jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Bagi pembolehubah umur pula, kajian Gunan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu adalah lebih meluas dalam kalangan kumpulan umur yang lebih muda, sementara golongan yang berumur lebih tua (yang majoriti daripada aliran pendidikan bahasa Inggeris dan Tamil) lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris.

Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Hafriza Buranudeen Meedin (1993) pula mengenal pastikan faktor etnik sebagai faktor yang terpengaruh ke atas sikap terhadap sesuatu bahasa dan pemilihan bahasa seseorang. Hafriza menjalankan kajian ke atas sikap dan penggunaan terhadap bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat

Melayu di Kuala Lumpur dan Selangor. Dalam kajian tersebut, Hafriza memilih 300 orang responden yang berumur dalam lingkungan 16-35 tahun untuk memperoleh data yang diperlukannya. Dapatan kajian Hafriza telah menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan rapat di antara pemilihan penggunaan bahasa Melayu dengan identiti bangsa Melayu dalam kalangan responden yang berbangsa Melayu. Dapatan kajian beliau juga memaparkan bahawa penggunaan bahasa dalam kalangan responden kajian ini adalah ditentukan oleh faktor etnik di mana penggunaan bahasa Melayu adalah lebih dominan jika responden berkomunikasi dengan seseorang yang juga berbangsa Melayu. Jadi, kajian ini telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu di Kuala Lumpur dan Selangor mempunyai tanggapan dan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda mereka sendiri.

Lim Chin Chye (2008) dalam tesisnya yang bertajuk “*Language Choice of Malaysian Youth: a case study*” mengkaji tentang fenomena pemilihan kod yang berlaku dalam kalangan remaja di Malaysia. Kajian kes yang dilakukan oleh Lim dengan menggunakan pelbagai kaedah gabungan yang terdiri daripada soal selidik, rakaman audio dan juga pemerhatian berfokus kepada corak pemilihan bahasa golongan remaja lelaki Malaysia dalam persekitaran yang berbeza. Objektif utama kajian Lim adalah untuk meninjau pilihan bahasa yang digunakan oleh remaja-remaja lelaki yang berbilang kaum apabila mereka bertutur dengan ahli keluarga, jiran dan masyarakat di sekolah. Dapatan kajian Lim telah menunjukkan remaja lelaki Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum lebih menitikberat kepada bahasa, unsur-unsur budaya, nilai dan juga perbezaan etnik masing-masing. Jadi, dari sudut pemilihan bahasa, kajian Lim menunjukkan adanya perbezaan di antara remaja lelaki Melayu dan lelaki bukan Melayu (Cina dan India), di

mana remaja lelaki Melayu menunjukkan mereka lebih gemar menggunakan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Melayu. Namun, remaja lelaki kaum Cina dan India lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dalam interaksi harian mereka.

Begitu juga dengan kajian Kamila Ghazali (2005) yang dijalankan ke atas 67 orang Mah Meri di Bukit Bangkong, Selangor. Dapatan kajian Kamila menunjukkan bahawa faktor umur memainkan peranan yang penting dalam aspek pemilihan bahasa masyarakat Mah Meri, di mana masyarakat Mah Meri yang berumur 45 tahun ke atas lebih cenderung menggunakan bahasa Mah Meri berbanding dengan kaum yang berumur lebih muda. Namun, dalam domain keagamaan dan juga kebudayaan, masyarakat Mah Meri masih berpegang teguh mengekalkan penggunaan bahasa Mah Meri. Walaupun penggunaan bahasa Mah Meri adalah terhad dan lebih dominan kepada domain keagamaan dan kebudayaan, namun apa yang membanggakan ialah masyarakat Mah Meri masih bersikap positif terhadap bahasa Mah Meri.

Selain itu, Kong (1999) telah menjalankan kajian berkenaan dengan pemilihan bahasa 15 orang peniaga Cina di Kampung Sungai Durim, Sibu, Sarawak. Dalam dapatan kajian Kong, didapati bahawa wujudnya enam faktor yang telah mempengaruhi pemilihan bahasa di kalangan peniaga Cina. Antaranya termasuklah faktor psikologi seperti kebiasaan dan kespontanen; bahasa ibunda pelanggan, peniaga dan pembekal; status bahasa; latar belakang bahasa peserta; hubungan peribadi antara peniaga dan pelanggan serta rupa fizikal pelanggan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian Kong ini menunjukkan bahawa peranan bahasa Mandarin sebagai *lingua franca* di kalangan peniaga Cina ini masih ditegaskan sebagai satu faktor penting yang mendorong peniaga Cina ini memilih bahasa Mandarin

semasa berkomunikasi dengan pelanggan. Responden kajian ini berpendapat bahawa Mandarin adalah sangat penting di kalangan masyarakat Cina di Malaysia kerana bahasa Mandarin merupakan identiti kepada bangsa Cina di negara ini.

Di samping itu, Sharin Selva Raj (2005) juga merupakan salah seorang penyelidik yang menjalankan kajian yang berkenaan dengan topik sikap dan pemilihan bahasa di Malaysia. Dalam kajian beliau, seramai 120 orang responden (dalam lingkungan umur 20 hingga 59 tahun) yang terdiri daripada tiga jenis suku kaum, iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India di Malaysia telah dipilih secara rawak untuk tujuan meninjau hubungan antara bahasa dengan bangsa. Dapatkan kajian beliau ini jelas memaparkan bahawa bahasa memang merupakan satu simbol identiti utama bagi tujuan menonjolkan bangsa seseorang penutur, terutamanya di kalangan responden kajian yang berada dalam lingkungan umur 30 hingga 39 tahun. Maka, jelas menunjukkan bahawa faktor umur merupakan salah satu faktor penting yang akan mempengaruhi sikap terhadap pemilihan sesuatu bahasa.

Berasaskan beberapa pendapat dan pandangan pengkaji lepas, kajian ini membincangkan persoalan berkenaan dengan topik sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina di Subang Jaya dengan berasaskan empat domain iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan dan kejiranan, domain pekerjaan, dan domain lokasi. Seperti kajian-kajian lepas yang pernah dikemukakan, faktor-faktor yang mendorong kepada pemilihan bahasa tersebut juga akan ditinjau dalam kajian ini. Di samping itu, sikap kaum Cina di Subang Jaya terhadap penggunaan bahasa Mandarin dalam domain yang berbeza juga dikaji.

Berdasarkan kajian perpustakaan yang dibentangkan di atas, dapat disimpulkan bahawa pemilihan bahasa bergantung kepada sikap individu dan pandangan masyarakatnya.

Faktor sikap yang mungkin berbeza mendorong sesuatu masyarakat untuk membuat penilaian terhadap bahasa-bahasa yang dipilih. Selain itu, ia juga akan mempengaruhi pandangan dan tanggapan masyarakat tersebut terhadap sesuatu bahasa yang dipilih. Tambahan pula, sikap terhadap bahasa itu dipengaruhi oleh cara penutur menggunakan bahasa tersebut.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan kaedah pengumpulan data dan penganalisisan data. Untuk memperoleh data yang sahih dan tepat, proses pengumpulan data mestilah mengikut prosedur sistematik dan standard. Di samping itu, bab ini juga akan menerangkan prosedur kajian yang merangkumi prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data kajian secara ringkas.

3.1 LATAR BELAKANG LOKASI KAJIAN

Rajah 1: Peta lokasi Subang Jaya



Subang Jaya yang terletak di Selangor ini mempunyai jumlah penduduk yang agak ramai iaitu mencecah sebanyak 2.6 juta orang (Utusan Online 28/12/09). Jelaslah Subang Jaya mempunyai kepadatan penduduk yang amat tinggi di sekitar kawasan perindustrian di negara ini. Seperti yang telah diwartakan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 2hb Januari 1997, mengikut pelan warta 1192, Subang jaya mempunyai keluasan 161.8 km persegi dan terbahagi kepada tiga zon utama iaitu Zon Damansara (Subang Jaya, Bukit Lanchong), Zon Puchong (keseluruhan Puchong) dan Zon Seri Kembangan (Serdang, Seri Kembangan, Universiti Putra Malaysia dan sebahagian hutan simpan Air Hitam).

Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya juga terletak dalam kawasan Pentadbiran Daerah Petaling. Pengkaji menetapkan lokasi kajian ini di sekitar Subang Jaya kerana menurut pemerhatian pengkaji, sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina di kawasan Subang Jaya menunjukkan gambaran yang berlainan berbanding dengan sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina Malaysia yang umum. Kebanyakan orang Cina yang tinggal di Subang Jaya terdiri daripada mereka yang berpendidikan bukan aliran bahasa Cina, malah ada dalam kalangan mereka yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin.

3.2 PERSAMPELAN RESPONDEN

Menurut Babbie (2004), “sampel” atau contoh merupakan hanya sebahagian daripada keseluruhan populasi, iaitu responden yang dikaji untuk mendapatkan maklumat tentang keseluruhan populasi. “Sampel” atau contoh ini didefinisikan sebagai sekumpulan responden yang dipilih daripada populasi yang besar untuk tujuan kajian; atau dengan erti kata lain, di dalam kajian ini “sampel” atau contoh ini dinamakan subjek kajian.

Subjek yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada 90 orang ibu bapa kaum Cina. Umur mereka adalah dalam lingkungan 26 tahun hingga 55 tahun. Mereka tinggal di kawasan Subang Jaya, Selangor.

Pengkaji memilih ibu bapa kaum Cina di lokasi kajian sebagai subjek kajian ini kerana menurut tinjauan penyelidik, kebanyakan ibu bapa di sekitar Subang Jaya merupakan mereka yang berstatus sosial lebih tinggi dan majoritinya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan utama bersama dengan anak-anak mereka. Pengkaji

merupakan seorang pendidik yang mengajar di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Subang Jaya, jadi pengkaji ingin melihat apakah sikap terhadap bahasa Mandarin di kalangan kaum Cina di Subang Jaya dan apakah bahasa yang dipilih oleh mereka dalam domain yang berlainan serta faktor-faktor yang mendorong kepada pemilihan bahasa kaum Cina di sekitar Subang Jaya dalam domain yang berlainan.

Persampelan ini tidaklah mewakili keseluruhan kaum Cina di seluruh Malaysia. Sampel dipilih secara rawak daripada 90 orang ibu bapa kaum Cina di kawasan Subang Jaya ini dipilih berdasarkan pembolehubah yang telah ditentukan dalam kajian ini. Pembolehubah yang ditekankan dalam pemilihan sampel adalah pembolehubah umur.

Sebelum menjalankan soal selidik terhadap responden, pengkaji terlebih dahulu memperoleh butiran tentang latar belakang responden dengan bantuan guru-guru sekolah tersebut melalui sistem rekod butiran pelajar. Oleh sebab responden yang dipilih ialah golongan ibu bapa pelajar, jadi butiran tentang latar belakang responden seperti umur, pendapatan, jantina dan pekerjaan semuanya diperoleh dengan lengkapnya oleh pengkaji. Dengan adanya butiran latar belakang yang lengkap, pengkaji mengedar soal selidik kepada responden berdasarkan golongan umur mereka, sama ada dalam golongan umur 26-35, 36-45 ataupun 46-55 tahun. Kemudiannya, sebanyak 90 soal selidik yang lengkap diisi telah dikumpul balik dan dianalisiskan.

Dapatan kajian mengenai butiran latar belakang responden dihasilkan dari bahagian A dalam borang soal selidik. Walaupun sampel yang dipilih dalam kajian ini hanya bilangan yang kecil tetapi ia digunakan sebagai batu pengukur dalam kajian ini.

3.2.1 Jantina

Taburan responden adalah dibahagikan kepada dua kumpulan jantina iaitu kumpulan lelaki dan kumpulan perempuan. Jadual 3.1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina.

Jadual 3.1 Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	45	50
Perempuan	45	50
Jumlah	90	100

Berdasarkan jadual di atas, 50% daripada jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada responden lelaki manakala 50% yang lain adalah terdiri daripada responden perempuan. Ini bermakna 90 orang responden dipilih sama rata mengikut jantina, iaitu 45 orang responden lelaki dan 45 orang responden perempuan.

3.2.2 Puak dialek

Selain daripada itu, taburan responden juga dibahagikan kepada lima kumpulan puak dialek yang merangkumi kumpulan Kantonis, kumpulan Hokkien, kumpulan Hakka, kumpulan Teochew dan kumpulan lain-lain. Jadual 3.2 menunjukkan taburan responden mengikut puak dialek.

Jadual 3.2 Taburan responden mengikut puak dialek

Puak dialek	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Hokkien	45	50
Kantonis	21	23.3
Hakka	17	18.9
Teochew	5	5.6
Lain-lain	2	2.2
Jumlah	90	100

Berpandukan jadual di atas, taburan responden mengikut puak dialek boleh dibahagikan kepada lima kumpulan yang merangkumi Hokkien (iaitu 50% atau 45 orang), Kantonis (iaitu 23.3% atau 21 orang), Hakka (iaitu 18.9% atau 17 orang), Teochew (iaitu 5.6% atau 5 orang) dan lain-lain (iaitu 2.2% atau 2 orang). Jelas dilihat bahawa majoriti responden yang terlibat adalah berasal dari puak dialek Hokkien.

3.2.3 Umur

Selanjutnya, taburan responden adalah dibahagikan kepada tiga kumpulan umur yang merangkumi kumpulan umur dalam lingkungan 26 tahun hingga 35 tahun (kumpulan A), kumpulan umur dalam lingkungan 36 tahun hingga 45 tahun (kumpulan B) dan kumpulan umur dalam lingkungan 46 tahun hingga 55 tahun (kumpulan C). Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut umur.

Jadual 3.3 Taburan responden mengikut umur

Kumpulan umur	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
26 tahun hingga 35 tahun (Kumpulan A)	30	33.3
36 tahun hingga 45 tahun (Kumpulan B)	30	33.3
46 tahun hingga 55 tahun (Kumpulan C)	30	33.3
Jumlah	90	100

Daripada jadual di atas, seramai 90 orang responden terlibat dalam kajian ini. Mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan umur yang berbeza. Dalam erti kata lain, jumlah responden yang terlibat dalam setiap kumpulan umur merangkumi 33.3% (iaitu 30 orang) daripada jumlah responden yang terlibat. Cara penggolongan kumpulan umur seperti di atas adalah mengikut kerangka Matzumoto (2001) dalam kajiannya “*Multilingualism in Palau: Language Contact in Japanese and English*”. Beliau telah mengkategorikan responden kepada 6 kumpulan iaitu dalam lingkungan umur 26-35, 36-45, 46-55, 56-65, 66-75 dan 70 ke atas untuk mengkaji fenomena penggunaan multi bahasa di kalangan penduduk di Palau. Disebabkan latar belakang responden yang dipilih oleh Matzumoto adalah seiras dengan responden kajian pengkaji, iaitu terdiri daripada penutur bertutur dalam pelbagai bahasa, jadi pengkaji membuat keputusan mengikut kerangka penggolongan umur responden yang telah dijalankan oleh beliau. Namun, disebabkan responden pengkaji terdiri daripada golongan ibu bapa yang mempunyai anak yang menuntut di sekolah jenis kebangsaan Cina di Subang Jaya, pengkaji mengubahsuai

kerangka Matzumoto dan hanya mengkategorikan responden kepada 3 kumpulan, iaitu kumpulan umur 26-35, 36-45 dan 46-55.

3.2.4 Aliran pendidikan

Responden yang terlibat berasal daripada dua kumpulan aliran pendidikan, iaitu kumpulan aliran Cina dan kumpulan aliran bukan Cina. Golongan berpendidikan aliran Cina merujuk kepada mereka yang pernah menerima pendidikan bahasa Cina sekurang-kurangnya tahap sekolah rendah. Namun, mengikut dapatan temu bual, mereka yang berpendidikan aliran Cina tidak semestinya boleh bertutur dalam bahasa Mandarin dengan fasih manakala mereka yang berpendidikan aliran bukan Cina tidak semestinya tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin. Jadual berikut memaparkan taburan responden mengikut aliran pendidikan.

Jadual 3.4 Taburan responden mengikut aliran pendidikan

Aliran pendidikan	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Aliran bukan Cina	56	62.2
Aliran Cina	34	37.8
Jumlah	90	100

Berdasarkan jadual 3.4 di atas, seramai 56 orang (62.2%) responden adalah tergolong dalam kumpulan berpendidikan aliran bukan Cina. Manakala 34 orang (37.8%) responden yang terlibat dikategorikan ke dalam kumpulan berpendidikan aliran Cina. Jelas

dilihat di sini, lebih ramai responden yang latar belakang pendidikannya berasal daripada aliran bukan Cina. Kebanyakan daripada mereka adalah beraliran pendidikan bahasa Inggeris.

3.2.5 Jenis pekerjaan

Jadual 3.5 berikut menunjukkan taburan responden mengikut jenis pekerjaan.

Jadual 3.5 Taburan responden mengikut jenis pekerjaan

Jenis pekerjaan	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Swasta	59	65.6
Kerajaan	18	20
Bekerja sendiri	9	10
Tidak bekerja	4	4.4
Jumlah	90	100

Jelas bahawa majoriti responden yang terlibat bekerja di sektor swasta, iaitu 65.6% (59 orang). Responden yang merupakan kakitangan kerajaan adalah seramai 18 orang (iaitu 20%). Terdapat seramai 9 orang responden bekerja sendiri, iaitu 10%. Hanya 4.4% (iaitu 4 orang) daripada jumlah responden yang terlibat tidak bekerja. Jadi, dapat kita lihat 95.6% responden yang dipilih merupakan golongan yang mempunyai kerjaya masing-masing, sama ada di bidang swasta ataupun kerajaan.

3.2.6 Pendapatan

Dalam kajian ini, responden juga ditanya tentang pendapatan mereka. Taburan responden yang terlibat dibahagikan kepada empat kumpulan pendapatan yang merangkumi kumpulan pendapatan RM2000 ke bawah, kumpulan pendapatan RM2001-RM4000, kumpulan pendapatan RM4001-RM6000 dan kumpulan pendapatan RM6000 ke atas. Jadual 3.6 di bawah ini menunjukkan taburan responden mengikut pendapatan.

Jadual 3.6 Taburan responden mengikut pendapatan

Pendapatan	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
RM2000 ke bawah	4	4.4
RM2001-RM4000	42	46.7
RM4001-RM6000	35	38.9
RM6000 ke atas	9	10
Jumlah	90	100

Responden yang berpendapatan antara RM2001-RM4000 paling ramai, iaitu seramai 42 orang bersamaan dengan 46.7% daripada jumlah responden yang terlibat. Yang kedua ialah mereka yang berpendapatan antara RM4001-RM6000, iaitu 35 orang bersamaan 38.9%. Terdapat seramai 9 orang bersamaan 10% daripada jumlah responden mempunyai pendapatan lebih daripada RM6000 manakala hanya 4 orang bersamaan dengan 4.4% berpendapatan kurang daripada RM2000. Mengikut Model Ekonomi Baru (MEB) yang diumumkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, golongan yang berpendapatan RM1500 ke bawah ialah golongan miskin, mereka yang berpendapatan di antara RM1500-

RM3000 ialah golongan pertengahan, manakala mereka yang berpendapatan RM3000 ke atas adalah mereka yang bergolongan kaya. (Utusan Online, 22/4/2010). Jadi, dapat kita rumuskan bahawa semua responden yang dipilih kebanyakannya merupakan golongan pertengahan dan golongan yang berpendapatan RM2000 ke atas.

3.2.7 Bahasa yang boleh ditutur

Akhirnya, responden juga ditanya mengenai bahasa yang boleh ditutur. Taburan responden mengikut bahasa yang boleh ditutur merangkumi bahasa Mandarin, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, dialek Hokkien, dialek Hakka dan dialek Kantonis. Jadual di bawah menunjukkan taburan responden mengikut bahasa yang boleh ditutur.

Jadual 3.7 Taburan responden mengikut bahasa dan dialek yang boleh ditutur

Bahasa dan dialek yang boleh ditutur	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Bahasa Melayu	90	100
Bahasa Inggeris	89	98.9
Dialek Kantonis	68	75.6
Bahasa Mandarin	63	70
Dialek Hokkien	54	60
Dialek Hakka	29	32.2

Jadual di atas menunjukkan bahawa kesemua (iaitu 90 orang atau 100%) responden boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Hal ini tidak menghairankan kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di Malaysia. Selain itu, juga terdapat ramai responden boleh

bertutur dalam bahasa Inggeris, iaitu seramai 89 orang (iaitu 98.9%), manakala 63 orang bersamaan dengan 70% daripada jumlah responden yang terlibat boleh bertutur dalam bahasa Mandarin. Walaupun bahasa Mandarin biasanya dianggap sebagai bahasa ibunda kaum Cina di Malaysia, tetapi bukan semua orang Cina di Malaysia tahu bertutur dalam bahasa Mandarin. Di samping itu, responden yang boleh bertutur dialek Kantonis dan dialek Hokkien masing-masing seramai 68 orang (75.6%) dan 54 orang (60%). Manakala hanya 29 orang (32.2%) boleh bertutur dialek Hakka.

Mengikut dapatan temu bual, mereka yang boleh bertutur dalam sesuatu bahasa tidak semestinya boleh bertutur dengan fasih dalam bahasa tersebut. Apabila tidak boleh bertutur dengan fasih, mereka tidak semestinya akan memilih bahasa tersebut untuk berkomunikasi.

3.3 BILANGAN DOMAIN PENGGUNAAN BAHASA

Kajian ini menggunakan teori domain yang dikemukakan oleh Fishman dan Noriah Mohamed yang telah diubahsuaikan oleh pengkaji. Menurut Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim (2005), teori Fishman adalah satu pengunci yang baik untuk situasi kajian pemilihan bahasa terutamanya di Malaysia yang mempunyai pelbagai bahasa. Oleh itu, teori ini digunakan dalam kajian ini supaya dapat mengkaji sikap terhadap penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan ibu bapa kaum Cina di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji mengubahsuaikan teori domain Fishman (1970) dan Noriah Mohamed (2005), di mana pengkaji hanya menggunakan empat domain utama sahaja untuk mengukur sikap dan

pemilihan bahasa responden, iaitu domain kekeluargaan, domain pekerjaan, domain persahabatan dan kejiranan, dan domain lokasi.

3.4 KAEADAH KAJIAN

Untuk menyempurnakan proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan juga kaedah kajian rintis.

3.4.1 Kaedah Penyelidikan Perpustakaan

Menurut Mohd Sheffie (1991:4), penyelidikan perpustakaan merupakan teknik seseorang penyelidik mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Di antara maklumat yang boleh diperoleh melalui kajian perpustakaan ialah fakta-fakta yang berkaitan dengan persoalan kajian dan sebagainya. Di samping itu, penyelidikan perpustakaan juga adalah penting dalam membantu pengkaji memperoleh gambaran awal tentang persoalan dan topik yang akan dikaji.

Lazimnya terdapat dua jenis sumber yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dikenali sebagai data kajian didapati daripada soal selidik, temu bual dan juga perbincangan yang telah dijalankan. Manakala, data sekunder adalah rujukan melalui buku yang berkaitan, jurnal dari dalam dan luar negara, tesis hasil dari pengkaji lepas, artikel dari majalah dan juga akhbar.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan perpustakaan juga dilakukan untuk menyempurnakan kajian ini. Pengkaji telah merujuk kepada buku-buku rujukan, tesis-tesis, kertas-kertas kerja dari seminar-seminar, majalah-majalah yang menyiarangkan tulisan-tulisan dan lain-lain bahan yang berkaitan dengan topik kajian sebelum memulakan kerja kajian. Karya-karya yang telah ditulis oleh sarjana-sarjana dan penyelidik-penyalidik lepas dari dalam dan luar negara amat membantu dalam proses penyelidikan pengkaji. Selain memperoleh konsep-konsep berkenaan dengan persoalan kajian dengan lebih mendalam, pengkaji juga memperoleh gambaran awal tentang komuniti yang akan dikaji.

Bahan-bahan yang diperoleh daripada penyelidikan perpustakaan dikenali sebagai bahan sekunder. Mengikut pendapat Kamarudin dan Roslim (1990:99), data primer (termasuk data soal selidik) dan juga data sekunder disatukan dan dianalisis untuk tujuan menjelaskan sesuatu keadaan yang masih belum mencukupi. Dengan hanya memperoleh data sekunder yang memberikan gambaran tahun-tahun lepas adalah tidak memadai. Jadi, untuk melengkapkan proses penyelidikan, pengkaji perlu memperoleh data primer untuk digabungkan dengan data sekunder. Penyatuan data primer dengan data sekunder ini bertujuan untuk memperkuuhkan lagi kesahihan data dan maklumat yang berkaitan dengan persoalan kajian.

3.4.2 Kaedah Soal Selidik

Setelah memperoleh data sekunder melalui proses penyelidikan perpustakaan, pengkaji mula menjalankan kajian lapangan untuk memperoleh data primer. Seperti yang dimaklumkan sebelumnya, tujuan penyelidikan ini adalah untuk meninjau sikap ibu bapa

kaum Cina di sekitar Subang Jaya dalam domain yang berbeza terhadap bahasa dan bahasa apakah yang kerap dipilih oleh mereka serta faktor yang mendorong mereka ke atas pemilihan bahasa tersebut. Oleh itu, pengkaji menggunakan cara soal selidik untuk mendapat data primer bagi kajian ini. Penyediaan soal selidik adalah sejajar dengan tujuan kajian yang akan dijalankan. Dalam proses mengumpul data melalui data soal selidik ini, pengkaji memilih bentuk soal selidik secara langsung. 120 borang soal selidik telah diedarkan secara bersemuka kepada responden ketika mesyuarat PIBG berlangsung di salah sebuah sekolah rendah Cina di Subang Jaya. Namun akhirnya, pengkaji hanya memilih 90 soal selidik yang lengkap dijawab untuk dianalisiskan.

Menurut Syed Arabi Idid (2002), bagi kajian penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data daripada satu populasi, kaedah tinjauan adalah lebih sesuai digunakan. Dalam kajian ini, kaedah soal selidik dipilih kerana kaedah ini adalah lebih sesuai digunakan dalam kajian berkaitan aspek psikologi seperti sikap bahasa. Kaedah soal selidik ini lebih bersifat untuk mendapatkan data-data kajian secara kuantitatif, maklumat yang berbentuk perlakuan manusia adalah lebih mudah dikumpulkan secara fakta. Di samping itu, penggunaan kaedah soal selidik adalah lebih menjimatkan masa terutamanya dalam proses penganalisisan data-data kajian yang kemudian kerana data-data kajian yang dikumpulkan melalui kaedah soal selidik adalah lebih mudah dikodkan secara sistematis.

Jadi, kajian ini akan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian yang utama untuk tujuan mengumpulkan data-data secara fakta. Empat bahagian ini ialah:

- | | |
|----------------|---|
| (1) Bahagian A | Maklumat peribadi responden |
| (2) Bahagian B | Pemilihan bahasa responden |
| (3) Bahagian C | Sikap bahasa responden |
| (4) Bahagian D | Penilaian dan tanggapan responden terhadap bahasa |

Soalan-soalan dalam borang soal selidik ini dibina dengan tujuan menjawab soalan kajian yang dihuraikan sebelum ini. Borang soal selidik ini disertakan sebagai Lampiran A.

3.4.2.1 Bahagian A: Maklumat peribadi responden

Bahagian A dalam borang soal selidik merangkumi maklumat tentang latar belakang peribadi responden. Tujuh pembolehubah dipersoalkan dalam borang soal selidik ini, iaitu jantina, keturunan, umur, aliran pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan bahasa yang boleh ditutur. Tujuh soalan dikemukakan dalam bentuk soalan tertutup. Bentuk soalan tertutup mempunyai jawapan yang disediakan oleh pengkaji adalah lebih sesuai digunakan dalam bahagian ini kerana lebih mudah dikodkan dan dianalisis. Di samping itu, responden tidak memerlukan masa yang lama untuk menentukan jawapan.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih pembolehubah umur untuk menganalisiskan data-data yang telah dikumpul.

3.4.2.2 Bahagian B: Pemilihan bahasa responden

Bahagian B merangkumi keadaan pemilihan bahasa dalam kalangan responden yang dipilih. Kesemua situasi-situasi berkenaan dengan pemilihan bahasa yang wujud dalam keempat-empat domain penggunaan bahasa iaitu domain kekeluargaan, domain pekerjaan, domain persahabatan dan kejiranan, dan domain lokasi dalam kalangan responden dimasukkan ke dalam bahagian B.

Untuk mendapatkan data-data kajian yang diperlukan, sebanyak lapan belas soalan yang berkaitan dengan keadaan pemilihan bahasa dalam empat domain penggunaan bahasa yang dikaji dikemukakan dalam bahagian B. Responden dikehendaki mengisi jawapan soalan-soalan berbentuk tertutup yang dibina oleh pengkaji. Bawah adalah contoh soalan yang dikemukakan:

Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan ibu bapa anda di rumah? (Pilihan boleh melebihi satu)

- A. Bahasa Mandarin ()
- B. Bahasa Inggeris ()
- C. Bahasa Melayu ()
- D. Dialek *(Hokkien, Hakka, Kantonis dll) ()

Seperti mana yang dihuraikan, dalam domain kekeluargaan yang melibatkan interaksi antara responden dengan ahli keluarga (iaitu dari soalan 1 hingga soalan 4 dalam bahagian B), responden diminta memberi pandangan mengenai bahasa yang akan dipilih semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga mereka.

Manakala dalam domain pekerjaan (iaitu dari soalan 5 hingga soalan 8), responden diminta memberi jawapan mengenai bahasa yang dipilih semasa berinteraksi dengan pihak atasan/majikan sebangsa, orang bawahan/pekerja sebangsa, rakan sekerja sebangsa dan pelanggan sebangsa.

Bagi pemilihan bahasa dalam domain persahabatan dan kejiranan pula (iaitu soalan 9 hingga soalan 14), responden ditanya mengenai bahasa yang dipilih semasa bergaul dengan sahabat dan jiran tetangga yang pelbagai kaum, iaitu kaum Cina, kaum Melayu dan kaum India.

Bagi domain lokasi (iaitu soalan 15 hingga soalan 18), responden diminta memberi jawapan mengenai bahasa yang dipilih semasa berada di tempat-tempat yang berlainan, seperti di pusat beli belah, pasar, kedai kopi Cina dan pejabat kerajaan.

3.4.2.3 Bahagian C: Sikap bahasa responden

Bahagian C merangkumi sikap terhadap penguasaan dan penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan responden. Responden dikehendaki mengisi jawapan setuju atau tidak setuju terhadap kenyataan-kenyataan yang dikemukakan dalam bahagian C.

Dalam bahagian C ini, pengkaji telah mengemukakan tujuh soalan (iaitu soalan 1 hingga soalan 7 dalam bahagian C) untuk tujuan mengenal pasti sikap terhadap penguasaan dan penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan responden. Responden diminta untuk menjawab sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan soalan yang dikemukakan. Soalan-soalan adalah seperti berikut:

- (a) Penguasaan bahasa Inggeris adalah lebih penting daripada bahasa Mandarin
- (b) Penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik
- (c) Berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Inggeris kurang baik
- (d) Berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Mandarin kurang baik
- (e) Tidak banyak menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin lebih lemah
- (f) Bahasa Inggeris lebih senang dipelajari jika berbanding dengan bahasa Mandarin
- (g) Dalam situasi formal, lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Mandarin

3.4.2.4 Bahagian D: Penilaian dan tanggapan responden terhadap bahasa

Bahagian D merangkumi keadaan penilaian dan tanggapan responden terhadap bahasa. Bahagian ini disediakan untuk tujuan mengenal pasti bahasa manakah yang dianggap paling berprestij, mesra, melambangkan identiti bangsa, membantu dalam bidang pekerjaan, mudah dipelajari dan melambangkan kekuasaan bagi responden kajian ini. Antara soalan-soalan yang berkenaan termasuk:

- (a) Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling berprestij
- (b) Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling mesra
- (c) Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling melambangkan identiti bangsa
- (d) Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling membantu dalam bidang pekerjaan

- (e) Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling mudah dipelajari
- (f) Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling melambangkan kekuasaan

3.4.3 Kaedah Temu bual

Setelah mengumpulkan borang soal selidik yang telah siap dijawab, pengkaji menjalankan temu bual bersama ibu bapa yang telah melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan. Kaedah ini dipilih kerana pengkaji berhasrat untuk mendapatkan lebih banyak lagi maklumat daripada subjek tentang pandangan dan juga sikap mereka semasa melakukan sesuatu pemilihan bahasa. Di samping itu, kaedah temu bual ini digunakan untuk tujuan memperlengkap soal selidik yang berbentuk kuantitatif sahaja.

Menurut Patton (1980), temu bual adalah salah satu cara untuk mendekati responden dan memahami apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat tiga jenis kaedah temu bual, iaitu kaedah temu bual bersemuka, kaedah temu bual formal dan kaedah temu bual tidak formal. Dalam kajian ini, kaedah temu bual yang digunakan ialah kaedah temu bual bersemuka. Melalui temu bual bersemuka, pengkaji dapat memperoleh kadar respons yang tinggi di mana kebarangkalian bagi responden menjawab soalan yang dikemukakan oleh penemubual adalah sangat tinggi.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih seramai 10 orang (bersamaan dengan 11.11% sampel kajian) ibu bapa yang telah melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan untuk menjalankan sesi temu bual bersemuka. Untuk meninjau dengan lebih mendalam lagi, pengkaji telah memilih 5 orang responden yang berlatarbelakang

pendidikan aliran Cina dan 5 orang lagi responden berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina sebagai responden dalam kaedah temu bual ini. Sebelum sesi temu bual dijalankan, pengkaji menyediakan soalan-soalan yang berstruktur. Soalan-soalan temu bual ini ditunjukkan di dalam Lampiran B.

3.5 KAJIAN RINTIS

Sebelum penyelidikan soal selidik dijalankan, pengkaji melakukan satu kajian rintis ke atas sembilan orang responden yang dipilih dalam kalangan kaum Cina di Subang Jaya dengan berdasarkan pembolehubah yang telah dikenalpastikan.

Dalam kajian rintis, responden yang terlibat tidak termasuk dalam bilangan responden yang sebenar. Ini bererti responden yang dipilih dalam kajian rintis ini bukan merupakan responden yang sebenar. Responden dalam kajian rintis ini dipilih sebab mereka mempunyai ciri-ciri yang mirip dengan responden yang akan digunakan dalam kajian yang sebenar.

Kajian rintis ini dijalankan untuk tujuan menentukan kesahan soal selidik yang akan digunakan ke atas responden yang sebenar. Di samping itu, kajian rintis ini juga dapat mengenal pasti responden yang sebenar memahami kandungan soal selidik dan soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Kajian rintis ini secara keseluruhannya dijalankan dengan lancar.

3.6 PROSEDUR

Kajian ini merangkumi peringkat pengumpulan data dan peringkat penganalisisan data.

3.6.1 Pengumpulan data

Untuk mendapatkan data-data kajian yang diperlukan, borang soal selidik yang merangkumi empat bahagian telah diedarkan kepada 120 orang ibu bapa kaum Cina yang terpilih, pengkaji hanya memilih 90 soal selidik yang lengkap. Setiap borang soal selidik diedarkan kepada responden secara bersemuka dan penerangan yang terperinci diberikan supaya responden dapat memberikan respon yang sepatutnya. Borang soal selidik diedarkan secara bersemuka untuk memastikan pengumpulan borang soal selidik dilakukan dengan serta-merta.

Selain mengedarkan borang soal selidik, pengkaji juga turut menemubual 10 orang responden yang telah bersemuka dan melengkapkan borang soal selidik. Usaha ini dilaksanakan untuk mendapatkan data-data kualitatif yang lebih mantap. Respon daripada temu bual ini telah dicatatkan oleh penemubual secara bertulis untuk dijadikan data-data kualitatif kajian ini.

3.6.2 Analisis data

Selanjutnya, borang soal selidik yang telah dikumpulkan dianalisis dengan berpandukan objektif kajian. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Microsoft Excel. Selain itu, dapatan kajian yang diperoleh melalui kaedah temu bual juga dianalisis. Pengkaji membahagikan 90 responden kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan A (26-35 tahun), kumpulan B (36-45 tahun) dan kumpulan C (46-55 tahun). Cara penggolongan kumpulan umur seperti di atas adalah mengikut kerangka Matzumoto (2001) dalam kajiannya “*Multilingualism in Palau: Language Contact in Japanese and English*”. Beliau telah mengkategorikan responden kepada tujuh kumpulan iaitu dalam lingkungan umur 26-35, 36-45, 46-55, 56-65, 66-75, dan 70 tahun ke atas. Namun, pengkaji hanya membahagikan responden kepada tiga kategori sahaja, iaitu dalam lingkungan umur 26-35, 36-45 dan 46-55.

Keseluruhannya, bab ini bertujuan mengupas kaedah-kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data dan analisis data yang digunakan. Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti sejauhmana sikap dan pemilihan bahasa ibu bapa kaum Cina di Subang Jaya dan bagaimana reaksi ibu bapa ini boleh mempengaruhi penggunaan bahasa generasi muda pada masa akan datang.

BAB IV

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.0 PENDAHULUAN

Dalam proses pengumpulan data kajian, dua kaedah kajian (iaitu kaedah soal selidik dan kaedah temu bual) telah dijalankan ke atas 90 orang ibu bapa kaum Cina di Subang Jaya, Selangor. Dapatan yang dikumpul daripada kedua-dua kaedah kajian ini akan dianalisis dan dibincangkan dalam bab ini.

Dalam bab ini, analisis kecenderungan pemilihan bahasa bagi empat domain penggunaan bahasa yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu domain kekeluargaan, domain pekerjaan, domain persahabatan dan kejiraninan, dan domain lokasi akan dibincangkan. Bahagian ini akan memaparkan penggunaan bahasa-bahasa yang berbeza sebagai bahasa utama dalam pelbagai domain penggunaan bahasa. Sementara itu, pengkaji juga ingin menentukan sejauh manakah penggunaan bahasa Mandarin diterapkan dalam kehidupan harian kaum Cina di Subang Jaya dalam empat domain penggunaan bahasa yang dikaji.

Selanjutnya, kajian ini membincangkan analisis sikap bahasa dalam kalangan kaum Cina di Subang Jaya, Selangor. Pengkaji ingin mengenal pasti sikap terhadap penguasaan dan penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan responden kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga membincangkan analisis tentang penilaian dan tanggapan responden terhadap bahasa. Di sini, pengkaji ingin mengenal pasti bahasa apakah yang dianggap paling berprestij, paling mesra, paling melambangkan identiti bangsa, paling membantu dalam bidang pekerjaan, paling mudah dipelajari dan paling melambangkan

kekuasaan yang dipilih oleh responden di Subang Jaya, Selangor. Dalam bab ini, pengkaji juga akan menghuraikan analisis dapatan kajian yang dikumpul melalui kaedah temu bual.

4.1 ANALISIS KECENDERUNGAN PEMILIHAN BAHASA RESPONDEN DALAM EMPAT DOMAIN PENGGUNAAN BAHASA

Di bahagian B borang soal selidik, responden ditanya mengenai kecenderungan pemilihan bahasa bagi empat domain penggunaan bahasa, iaitu domain kekeluargaan, domain pekerjaan, domain persahabatan dan kejiraninan, dan domain lokasi. Secara ringkas, bahagian ini akan memaparkan data-data kajian mengenai kecenderungan pemilihan bahasa dalam empat domain penggunaan bahasa tersebut.

4.1.1 Domain Kekeluargaan

Analisis bahasa yang dihuraikan dalam bahagian ini ialah berkenaan dengan domain kekeluargaan. Di sini, pengkaji ingin melihat bahasa yang dipilih oleh subjek kajian semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga masing-masing yang terdiri daripada ibu bapa, adik-beradik, pasangan dan anak-anak mereka. Dalam domain kekeluargaan, empat soalan (iaitu soalan 1 hingga soalan 4 dalam bahagian B borang soal selidik) telah dikemukakan di mana responden yang terlibat telah diminta memberi pendapat dan pandangan mereka mengenai bahasa utama yang digunakan semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga mereka.

Jadual di bawah menunjukkan analisis mengenai bahasa yang digunakan oleh responden semasa berinteraksi dengan ibu bapa, adik-beradik, pasangan dan anak-anak mereka dalam domain kekeluargaan.

Jadual 4.1 Bahasa atau dialek yang digunakan dalam domain kekeluargaan

Bahasa atau dialek yang digunakan dalam domain kekeluargaan	Peserta			
	Ibu bapa	Adik-beradik	Pasangan	Anak
Mandarin	34 (37.78%)	8 (8.89%)	11 (12.22%)	18 (20.00%)
Inggeris	16 (17.78%)	9 (10.00%)	40 (44.44%)	36 (40.00%)
Dialek	40 (44.44%)	4 (4.44%)	9 (10.00%)	3 (3.33%)
Inggeris & Mandarin	0 (0.00%)	18 (20.00%)	23 (25.56%)	30 (33.33%)
Mandarin & Dialek	0 (0.00%)	15 (16.67%)	3 (3.33%)	1 (1.11%)
Inggeris & Dialek	0 (0.00%)	36 (40.00%)	4 (4.44%)	2 (2.22%)
Jumlah	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)

Jadual 4.1 menunjukkan respon yang diperoleh berkenaan bahasa yang dipilih oleh responden semasa berinteraksi dengan ibu bapa, adik-beradik, pasangan dan anak-anak mereka. Secara keseluruhannya, dapat kita lihat semasa berkomunikasi dengan ibu bapa, seramai 44.44% (iaitu 40 orang) responden gemar menggunakan dialek masing-masing mengikut puak-puak etnik mereka, iaitu dialek Kantonis, dialek Hokkien, dialek Hakka dan sebagainya. Kemudiannya, diikuti pula bahasa Mandarin, iaitu sebanyak 37.78% (34 orang) responden yang menggunakan Bahasa Mandarin semasa berinteraksi dengan ibu bapa

mereka, manakala 17.78% (16 orang) responden menggunakan bahasa Inggeris semasa berinteraksi dengan ibu bapa mereka di rumah.

Berdasarkan jadual di atas, 40% (36 orang) responden memilih menggunakan gabungan bahasa Inggeris dan dialek semasa bergaul dengan adik-beradik mereka. Jadi, apabila bertutur dengan adik-beradik, penggunaan bahasa responden bukan lagi terhad kepada dialek puak masing-masing seperti yang digunakan untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, bahasa Inggerislah yang digunakan semasa berkomunikasi dengan adik-beradik yang umurnya lebih kurang sebaya. Apabila ditemu bual, ada responden yang menerangkan bahawa keadaan ini wujud kerana apabila mereka ke sekolah yang beraliran bukan Cina, bahasa Inggeris diguna dengan lebih meluas dan menjadi suatu kebiasaan untuk mereka bertutur dalam bahasa Inggeris. Namun, disebabkan sejak kecil mereka juga menggunakan dialek puak masing-masing, jadi apabila bertutur dengan adik-beradik, mereka akan lebih cenderung menggunakan gabungan dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan dialek Cina mengikut puak masing-masing.

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa bahasa Inggeris merupakan pemilihan utama responden semasa berkomunikasi dengan pasangan mereka, iaitu mencatatkan 44.44% (40 orang). Terdapat 23 orang (25.56%) responden memilih gabungan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin untuk berinteraksi dengan pasangan. Sementara itu, hanya 12.22% (11 orang) responden memilih bahasa Mandarin untuk berkomunikasi dengan pasangan mereka.

Responden lebih mengutamakan bahasa Inggeris kerana 40% (iaitu 36 orang) responden berkomunikasi bersama anak-anak dengan menggunakan bahasa Inggeris.

Sungguhpun begitu, penggunaan bahasa Mandarin tidak diketepikan kerana terdapat 33.33% (iaitu 30 orang) responden menggunakan gabungan bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris, sementara itu terdapat 20% (iaitu 18 orang) responden menggunakan bahasa Mandarin ketika berkomunikasi dengan anak-anak mereka.

Namun begitu, dialek dan gabungan dialek dengan bahasa Inggeris atau bahasa Mandarin sangat kurang dipraktikkan oleh responden iaitu masing-masing 3% (3 orang), 2% (2 orang) dan 1% (1 orang). Hal ini tidak menghairankan kerana corak pendidikan sekarang di Malaysia lebih mengutamakan bahasa Inggeris. Oleh itu pendedahan awal dengan mempraktikkan bahasa Inggeris bersama anak-anak dianggap boleh membantu anak-anak dalam pendidikan mereka.

4.1.1.1 Ibu bapa

Jadual 4.2 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan ibu bapa

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
1 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan ibu bapa	Mandarin	6 (20.00%)	8 (26.67%)	20 (66.67%)
	Inggeris	10 (33.33%)	6 (20.00%)	0 (0.00%)
	Dialek	14 (46.67%)	16 (53.33%)	10 (33.33%)
	Inggeris & Mandarin	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Mandarin & Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Inggeris & Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Jumlah	30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Merujuk kepada pembolehubah umur, dapat kita lihat dengan jelas bahawa penggunaan bahasa Mandarin adalah semakin kurang apabila responden berusia semakin muda. Ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang menunjukkan responden yang berumur dalam lingkungan 46-55 tahun (kumpulan C), 66.67% (20 orang) yang memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa utama semasa berkomunikasi dengan ibu bapa, namun bagi responden yang berumur 26-35 tahun (kumpulan A), hanya 20% (6 orang) yang menggunakan bahasa Mandarin semasa berkomunikasi dengan ibu bapa di rumah. Mereka lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dan juga dialek semasa berkomunikasi dengan

ibu bapa. Jadi, dapat kita lihat apabila berinteraksi dengan ibu bapa, bahasa yang dijadi pilihan untuk komunikasi ialah dialek Cina mengikut puak-puak masing-masing.

Jadual 4.3 di bawah menunjukkan respon yang diperoleh berkenaan bahasa yang dipilih oleh responden semasa berinteraksi dengan adik-beradik dalam domain keluarga.

4.1.1.2 Adik-beradik

Jadual 4.3 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan adik-beradik

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
2	Mandarin	2 (6.67%)	4 (13.33%)	2 (6.67%)
	Inggeris	6 (20.00%)	1 (3.33%)	2 (6.67%)
	Dialek	0 (0.00%)	1 (3.33%)	3 (10.00%)
	Inggeris & Mandarin	6 (20.00%)	8 (26.67%)	4 (13.33%)
	Mandarin & Dialek	3 (10.00%)	4 (13.33%)	8 (26.67%)
	Inggeris & Dialek	13 (43.33%)	12 (40.00%)	11 (36.67%)
Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Ketiga-tiga kumpulan umur A, B dan C juga memilih gabungan bahasa Inggeris dan dialek untuk berinteraksi bersama adik-beradik iaitu masing-masing 43.33% (13 orang), 40% (12 orang) dan 36.67% (11 orang). Bagi kumpulan A (umur 26-35 tahun), perbezaan

yang sangat ketara jika berbanding penggunaan gabungan bahasa Inggeris dan dialek dengan penggunaan dialek sahaja. Tiada responden dari kumpulan A menggunakan dialek tetapi ramai yang menggunakan gabungan bahasa Inggeris dan dialek. Keputusan yang sama juga diperoleh dari kumpulan B (umur 36-45 tahun) 3.33% (1 orang) dan kumpulan C (umur 46-55 tahun) 10% (3 orang) yang memilih dialek untuk berkomunikasi bersama adik-beradik mereka. Jadual 4.4 menyarankan rumusan untuk soalan ini.

4.1.1.3 Pasangan

Jadual 4.4 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan pasangan

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
3	Mandarin	3 (10.00%)	4 (13.33%)	4 (13.33%)
	Inggeris	16 (53.33%)	13 (43.33%)	11 (36.67%)
	Dialek	2 (6.67%)	2 (6.67%)	5 (16.67%)
	Inggeris & Mandarin	8 (26.67%)	9 (30.00%)	6 (20.00%)
	Mandarin & Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	3 (10.00%)
	Inggeris & Dialek	1 (3.33%)	2 (6.67%)	1 (3.33%)
Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Ketika berkomunikasi dengan pasangan masing-masing, kebanyakan responden lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris sama ada dari kumpulan A (iaitu 53.33% atau 16 orang), kumpulan B (iaitu 43.33% atau 13 orang) ataupun kumpulan C (iaitu 36.67% atau 11 orang). Penggunaan gabungan bahasa Mandarin dan dialek amat kurang, kumpulan A dan kumpulan B langsung tidak menggunakannya. Hanya kumpulan C menggunakan gabungan bahasa Mandarin dan dialek semasa berinteraksi dengan pasangan mereka tetapi terlalu sedikit iaitu cuma 10% (3 orang) sahaja. Selain itu, bahasa dan kombinasi bahasa yang lain turut kurang dituturkan oleh responden bersama dengan pasangan mereka. Apabila ditinjau, wujudnya dua situasi yang berbeza, iaitu ada responden mengatakan bahawa mereka lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan pasangan kerana sama ada satu pihak ataupun kedua-dua pihak daripada mereka kurang fasih bertutur dalam bahasa Mandarin ataupun dialek masing-masing. Jadi bahasa Inggeris menjadi pilihan bahasa berkomunikasi utama mereka. Dalam pada itu, dalam keluarga yang pasangan suami isteri fasih berbahasa Mandarin, responden memberitahu bahawa mereka akan menggunakan kombinasi dua bahasa untuk berkomunikasi, iaitu bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris.

Seterusnya, dalam domain kekeluargaan ini, pengkaji juga meninjau bahasa yang digunakan oleh responden apabila berinteraksi dengan anak-anak mereka di rumah. Jadual 4.5 di bawah telah memaparkan dapatan kajian.

4.1.1.4 Anak-anak

Jadual 4.5 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan anak-anak

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
4	Mandarin	2 (6.67%)	5 (16.67%)	11 (36.67%)
	Inggeris	16 (53.33%)	11 (36.67%)	9 (30.00%)
	Dialek	0 (0.00%)	1 (3.33%)	2 (6.67%)
	Inggeris & Mandarin	12 (40.00%)	13 (43.33%)	5 (16.67%)
	Mandarin & Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	1 (3.33%)
	Inggeris & Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	2 (6.67%)
	Jumlah	30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Jadual di atas menunjukkan bahasa yang dipilih oleh responden untuk berinteraksi bersama anak-anak mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa kumpulan A dan kumpulan B mengutamakan bahasa Inggeris dan gabungan bahasa Inggeris dengan bahasa Mandarin sebagai bahasa pilihan untuk berinteraksi dengan anak-anak mereka, manakala kumpulan C lebih mengutamakan bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan anak-anak mereka.

Secara keseluruhannya, dalam domain kekeluargaan, jelas dilihat bahawa responden menggunakan bahasa yang berlainan apabila berkomunikasi dengan komunikator yang berlainan. Apabila berinteraksi dengan ibu bapa, dialek Cina yang mengikut puak masing-

masing lebih cenderung digunakan, apabila berkomunikasi bersama adik-beradik pula, kombinasi di antara bahasa Inggeris dan juga dialek Cina akan digunakan. Seterusnya, apabila berinteraksi dengan pasangan dan anak-anak mereka, responden lebih suka memilih bahasa Inggeris untuk tujuan berinteraksi. Ada juga yang menunjukkan mereka akan menggunakan gabungan bahasa Inggeris dengan bahasa Mandarin untuk berkomunikasi dengan pasangan dan anak-anak mereka. Jadi, secara ringkas, jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris, bahasa Mandarin adalah lebih kurang digunakan oleh responden dalam kajian ini.

4.1.2 Domain Pekerjaan

Seterusnya, pengkaji membincangkan tentang pemilihan bahasa yang digunakan dalam domain pekerjaan. Berdasarkan maklumat purata pendapatan responden, didapati majoriti responden mempunyai pekerjaan. Bagi domain pekerjaan, analisis pemilihan bahasa adalah berkenaan dengan soalan 5 hingga soalan 8 dalam bahagian B borang soal selidik. Seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah, responden dikemukakan dengan soalan yang berkaitan dengan penggunaan bahasa utama semasa berinteraksi dengan pihak atasan atau majikan sebangsa, orang bawahan atau pekerja sebangsa, rakan sekerja sebangsa dan pelanggan sebangsa.

Jadual 4.6 Bahasa atau dialek yang digunakan dalam domain pekerjaan

Bahasa atau dialek yang digunakan dalam domain pekerjaan	Peserta			
	Majikan sebangsa	Pekerja sebangsa	Rakan sekerja sebangsa	Pelanggan sebangsa
Mandarin	8 (8.89%)	19 (22.22%)	20 (22.22%)	20 (22.22%)
Inggeris	40 (44.44%)	35 (38.89%)	40 (44.44%)	38 (42.22%)
Melayu	12 (13.33%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Dialek	11 (12.22%)	26 (28.89%)	22 (24.44%)	25 (27.78%)
Tiada majikan / pekerja / rakan sekerja / pelanggan sebangsa	19 (21.11%)	10 (11.11%)	8 (8.89%)	7 (7.78%)
Jumlah	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)

Jadual 4.6 menunjukkan respon yang diperoleh daripada responden tentang pemilihan bahasa semasa berinteraksi dengan ketua atau majikan sebangsa, pekerja atau orang bawahan sebangsa, rakan sekerja sebangsa dan pelanggan sebangsa mereka. Responden yang tidak mempunyai majikan sebangsa adalah sebanyak 21.11% (19 orang). Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden menggunakan bahasa Inggeris (iaitu seramai 40 orang ataupun 44.44% daripada jumlah keseluruhan responden) dengan majikan sebangsa. Bahasa Inggeris dipilih kerana bahasa Inggeris adalah bahasa yang dianggap formal bagi berurusan di pejabat. Tambahan pula kebanyakan responden bekerja di sektor swasta, jadi tidak hairanlah jika bahasa Inggeris lebih banyak digunakan di pejabat berbanding bahasa lain. Sektor swasta sememangnya terkenal dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan pekerja-pekerja digalakkan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Akibatnya, penggunaan bahasa-bahasa lain sangat

kurang iaitu bahasa Mandarin 8.89% (8 orang), bahasa Melayu 13.33% (12 orang) dan dialek Cina 12.22% (11 orang).

Jadual di atas juga menunjukkan bahasa yang menjadi pilihan responden apabila berinteraksi bersama orang bawahan atau pekerja sebangsa. Seramai 35 orang responden (iaitu 38.89%) menggunakan bahasa Inggeris manakala tiada orang yang menggunakan bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden tidak akan menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi dengan orang bawahan atau pekerja sebangsa. Oleh itu, penggunaan bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan dialek lebih banyak digunakan berbanding dengan bahasa Melayu. Seperti yang dijangkakan, penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan majikan dan pekerja sememangnya tinggi disebabkan tanggapan rakyat Malaysia terhadap bahasa Inggeris yang positif iaitu bahasa Inggeris lebih penting dan lebih berstatus berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain.

Kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan ketara di antara bahasa-bahasa yang digunakan oleh responden kecuali tidak langsung menggunakan bahasa Melayu di kalangan responden dengan rakan sekerja sebangsa mereka. Ini kerana apabila berkomunikasi dengan penutur sebangsa, bahasa Melayu tentu bukan pilihan pertama kaum Cina, mereka lebih cenderung memilih bahasa Inggeis ataupun dialek Cina yang dikatakan lebih mesra dan mudah difahami. Dapatan kajian menunjukkan ketika berinteraksi dengan rakan sekerja sebangsa, responden yang memilih bahasa Inggeris adalah seramai 44.44%, bahasa Mandarin sebanyak 22.22% dan dialek Cina 24.44%.

Jika diperhatikan, penggunaan bahasa Inggeris seperti yang dijangka, adalah yang paling tinggi berbanding dengan bahasa yang lain, iaitu sebanyak 42.22% (iaitu 38 orang)

di kalangan responden dan pelanggan sebangsa mereka. Perbezaan antara bahasa Mandarin 22.22% (20 orang) dan dialek 27.78% (25 orang) tidak begitu ketara semasa responden berinteraksi dengan pelanggan sebangsa mereka.

4.1.2.1 Pihak atasan/majikan sebangsa

Jadual 4.7 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan pihak atasan/majikan sebangsa

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
5	Mandarin	4 (13.33%)	2 (6.67%)	2 (6.67%)
	Inggeris	15 (50.00%)	21 (70.00%)	4 (13.33%)
	Melayu	2 (6.67%)	3 (10.00%)	7 (23.33%)
	Dialek	5 (16.67%)	2 (6.67%)	4 (13.33%)
	Tiada majikan sebangsa	4 (13.33%)	2 (6.67%)	13 (43.33%)
Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Apabila ditinjau dari segi umur, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden di kumpulan A 50% (15 orang) dan kumpulan B 70% (21 orang) lebih gemar bertutur dengan menggunakan bahasa Inggeris bersama majikan atau pihak atasan sebangsa mereka. Akan tetapi kumpulan C lebih cenderung kepada bahasa Melayu, iaitu sebanyak 23.33% (7 orang). Di sini, kita dapat merumuskan bahawa responden kumpulan A dan B paling gemar

menggunakan bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan pihak atasan sebangsa mereka. Apabila ditemu bual, responden memberikan pendapat bahawa bahasa Inggeris kerap dan paling sesuai digunakan semasa bertutur dengan majikan kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa yang boleh melambangkan status profesional seseorang, jadi untuk menunjukkan status sosial sendiri, responden kerap memilih bahasa Inggeris untuk dijadikan bahasa komunikasi. Namun, bagi responden kumpulan C, 23.33% responden memilih bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan majikan ataupun pihak atasan sebangsa. Apabila ditanya sebabnya, responden menyatakan bahawa mereka menggunakan bahasa Melayu kerana mereka tidak berupaya berbahasa Inggeris dengan fasih, kebanyakannya daripada mereka hanya boleh berbahasa Mandarin. Apabila mereka berkomunikasi dengan majikan sebangsa yang hanya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin ataupun dialek, mereka terpaksa menggunakan bahasa Melayu.

Seterusnya, pengkaji akan meninjau bahasa yang dipilih oleh responden untuk berkomunikasi dengan orang bawahan ataupun pekerja yang sebangsa dengan mereka, iaitu kaum Cina.

4.1.2.2 Orang bawahan / pekerja sebangsa

Jadual 4.8 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan orang bawahan / pekerja sebangsa

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
6	Mandarin	8 (26.67%)	6 (20.00%)	5 (16.67%)
	Inggeris	17 (56.67%)	10 (33.33%)	8 (26.67%)
	Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Dialek	5 (16.67%)	9 (30.00%)	12 (40.00%)
	Tiada pekerja sebangsa	0 (0.00%)	5 (16.67%)	5 (16.67%)
	Jumlah	30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Jika ditinjau dari segi umur, kumpulan A (56.67% atau 17 orang) dan kumpulan B (33.33% atau 10 orang) lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris manakala bagi kumpulan C (40% atau 12 orang), responden lebih gemar menggunakan dialek. Berdasarkan jadual di atas, dapat kita lihat bahawa ketika berinteraksi dengan orang bawahan, semakin meningkat umur responden, penggunaan dialek lebih banyak jika berbanding dengan penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa Mandarin. Jadi, dapat kita lihat di sini, faktor umur juga mempengaruhi pemilihan bahasa seseorang dalam domain

yang berlainan, di mana ia menunjukkan golongan yang berumur lebih muda semakin mengetepikan penggunaan dialek puak masing-masing.

4.1.2.3 Rakan sekerja sebangsa

Jadual 4.9 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan rakan sekerja sebangsa

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
7	Mandarin	12 (40.00%)	4 (13.33%)	4 (13.33%)
	Inggeris	16 (53.33%)	18 (60.00%)	6 (20.00%)
	Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Dialek	2 (6.67%)	4 (13.33%)	16 (53.33%)
	Tiada rakan sekerja sebangsa	0 (0.00%)	4 (13.33%)	4 (13.33%)
Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa tiada responden dari kedua-dua kumpulan A dan B menggunakan bahasa Melayu semasa berinteraksi dengan rakan sekerja sebangsa mereka. Majoriti responden memilih bahasa Inggeris apabila berinteraksi dengan rakan sekerja sebangsa mereka, iaitu kumpulan A 53.33% (16 orang) dan kumpulan B 60% (18 orang).

Manakala bagi kumpulan C, responden lebih gemar menggunakan dialek apabila bercakap dengan rakan sekerja sebangsa mereka.

Begitu juga dengan keadaan berkomunikasi dengan pelanggan yang sebangsa, penggunaan bahasa yang dipilih oleh responden menunjukkan gambaran yang sama dengan pemilihan bahasa yang digunakan untuk berinteraksi dengan rakan sekerja sebangsa, iaitu lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris. Dapatan kajian dipaparkan di dalam Jadual 4.10 berikut.

4.1.2.4 Pelanggan sebangsa

Jadual 4.10 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan pelanggan sebangsa

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
8	Mandarin	6 (20.00%)	8 (26.67%)	6 (20.00%)
	Inggeris	16 (53.33%)	13 (43.33%)	9 (30.00%)
	Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Dialek	8 (26.67%)	7 (23.33%)	10 (33.33%)
	Tiada pelanggan sebangsa	0 (0.00%)	2 (6.67%)	5 (16.67%)
Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Dari segi umur, kumpulan A 53.33% (16 orang) dan kumpulan B 43.33% (13 orang) lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris semasa berinteraksi bersama pelanggan sebangsa mereka. Kumpulan A paling ramai menggunakan bahasa Inggeris. Manakala bagi kumpulan C, penggunaan dialek lebih tinggi berbanding dengan bahasa yang lain, iaitu seramai 33.33% (10 orang) responden memilih dialek untuk berkomunikasi dengan pelanggan sebangsa mereka.

Secara keseluruhan, dalam situasi berkomunikasi dengan pihak atasan/majikan sebangsa, orang bawahan/pekerja sebangsa, rakan sekerja sebangsa dan pelanggan sebangsa, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama adalah paling kerap, iaitu masing-masing 44.44% (40 orang), 38.89% (35 orang), 44.44% (40 orang) dan 42.22% (38 orang). Dalam konteks ini, jelas dilihat bahawa bahasa Inggeris telah memainkan peranan sebagai bahasa utama dalam kesemua situasi berbahasa yang wujud dalam domain pekerjaan.

4.1.3 Domain Persahabatan dan Kejiraninan

Bagi domain persahabatan dan kejiraninan, pengkaji ingin mengetahui keadaan penggunaan bahasa responden semasa berinteraksi dengan rakan sebangsa, rakan kaum Melayu dan rakan kaum India. Oleh itu, interaksi bersama jiran sebangsa, jiran kaum Melayu, dan jiran kaum India juga diambil kira dalam pembentukan soalan soal selidik. Dalam kajian ini, sebanyak enam soalan (iaitu soalan 9 hingga soalan 14 dalam bahagian B

borang soal selidik) dikemukakan kepada responden bagi menentukan bahasa utama yang dipilih oleh responden dalam domain persahabatan dan kejiranan.

Jadual di bawah menunjukkan analisis bahasa yang digunakan oleh responden semasa berinteraksi dengan rakan sebangsa, rakan kaum Melayu, rakan kaum India, jiran sebangsa, jiran kaum Melayu, dan jiran kaum India.

Jadual 4.11 Bahasa atau dialek yang digunakan dalam domain persahabatan dan kejiranan

Bahasa atau dialek yang digunakan dalam domain persahabatan dan kejiranan	Peserta					
	Rakan sebangsa	Rakan kaum Melayu	Rakan kaum India	Jiran sebangsa	Jiran kaum Melayu	Jiran kaum India
Mandarin	25 (27.78%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	22 (24.44%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Inggeris	43 (47.78%)	45 (50.00%)	61 (67.78%)	35 (38.89%)	40 (44.44%)	52 (57.78%)
Melayu	0 (0.00%)	45 (50.00%)	29 (32.22%)	0 (0.00%)	50 (55.56%)	38 (42.22%)
Dialek	22 (24.44%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	33 (36.67%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Tiada rakan-rakan dan jiran-jiran tertentu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Jumlah	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)

Jadual 4.11 menunjukkan pemilihan bahasa apabila responden berinteraksi bersama rakan sebangsa, rakan kaum Melayu, rakan kaum India, jiran sebangsa, jiran kaum Melayu, dan jiran kaum India mereka. Berdasarkan jadual di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa apabila berinteraksi bersama rakan sebangsa, responden lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris 47.78% (43 orang), diikuti bahasa Mandarin 27.78% (25 orang) dan dialek

24.44% (22 orang). Tiada responden kajian memilih bahasa Melayu untuk berinteraksi bersama rakan sebangsa mereka. Bahasa Inggeris tetap menjadi pilihan utama responden untuk berinteraksi dengan rakan sebangsa. Di samping itu, responden gemar menggunakan sama ada bahasa Inggeris (50% iaitu 45 orang) ataupun bahasa Melayu (50% iaitu 45 orang) apabila berinteraksi bersama rakan kaum Melayu. Responden tidak memilih bahasa Mandarin dan dialek kerana kebanyakan kaum Melayu tidak arif berbahasa Mandarin dan dialek Cina.

Hasil kajian menunjukkan bahawa responden lebih cenderung mengguna bahasa Inggeris ketika bergaul dengan rakan kaum India iaitu seramai 67.78% atau 61 orang. Diikuti oleh penggunaan bahasa Melayu iaitu sebanyak 32.22% (29 orang). Responden tidak berkomunikasi dalam bahasa Mandarin dan dialek dengan rakan kaum India. Hasil yang diperoleh mengenai bahasa yang digunakan oleh responden apabila berinteraksi dengan jiran sebangsa menunjukkan bahawa responden lebih gemar mengguna bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan dialek. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Inggeris lebih tinggi iaitu 38.89% (35 orang) berbanding dengan yang lain iaitu dialek 36.67% (33 orang) dan bahasa Mandarin 24.44% (22 orang). Penggunaan bahasa Melayu di kalangan responden langsung tidak wujud ketika berkomunikasi dengan jiran sebangsa mereka. Ini disebabkan oleh tanggapan responden yang memandang tinggi terhadap bahasa Inggeris yang diibaratkan sebagai bahasa intelek dan bahasa global.

Responden lebih gemar menggunakan bahasa Melayu 55.56% (50 orang) dan bahasa Inggeris 44.44% (40 orang) bagi berinteraksi bersama jiran kaum Melayu. Secara logiknya, ini disebabkan kebanyakan orang Melayu tidak fasih atau tidak faham akan

bahasa Mandarin atau dialek Cina dan keadaan ini menyebabkan responden tidak memilih bahasa Mandarin atau dialek Cina untuk berinteraksi dengan jiran kaum Melayu.

Hasil kajian mengenai bahasa yang dipilih apabila berinteraksi dengan jiran kaum India lebih kurang sama dengan kajian bahasa yang digunakan untuk berinteraksi dengan rakan kaum India. Responden langsung tidak menggunakan bahasa Mandarin dan dialek ketika berkomunikasi dengan jiran kaum India, tetapi bahasa Inggeris yang menjadi medium utama komunikasi mereka di mana 57.78% (52 orang) menggunakan bahasa ini.

4.1.3.1 Rakan sebangsa

Jadual 4.12 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan rakan sebangsa

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
9	Mandarin	10 (33.33%)	10 (33.33%)	5 (16.67%)
	Inggeris	17 (56.67%)	16 (53.33%)	10 (33.33%)
	Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Dialek	3 (10.00%)	4 (13.33%)	15 (50.00%)
	Tiada rakan sebangsa	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Jika diperhatikan dari segi kumpulan umur , kumpulan A mencatatkan 56.67% (17 orang) dan kumpulan B mencatatkan 53.33% (16 orang) memilih bahasa Inggeris untuk berinteraksi bersama rakan-rakan sebangsa mereka. Manakala bagi kumpulan C, responden lebih gemar menggunakan dialek (50% atau 15 orang) berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain.

Jadi, di sini dapat dirumuskan dalam keadaan tidak formal, iaitu semasa berkomunikasi dengan rakan sebangsa, responden daripada kumpulan A dan kumpulan B tetap memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa utama untuk tujuan komunikasi. Menurut dapatan daripada temu bual, ramai responden yang mengatakan bahawa mereka memilih bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan rakan sebangsa kerana rakan-rakan mereka kebanyakannya juga mempunyai latar belakang pendidikan yang sama, iaitu kebanyakannya daripada mereka menerima pendidikan barat. Manakala responden kumpulan C pula lebih ramai memilih dialek sebagai bahasa pertuturan mereka kerana bertanggapan bahawa dialek yang digunakan difahami oleh kedua-dua pihak berupaya mengeratkan hubungan tatasusila di antara satu sama lain.

4.1.3.2 Rakan kaum Melayu

Jadual 4.13 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan rakan kaum Melayu

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
10	Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan rakan kaum Melayu	Mandarin	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Inggeris	18 (60.00%)	13 (43.33%)	14 (46.67%)
		Melayu	12 (40.00%)	17 (56.67%)	16 (53.33%)
		Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Tiada rakan kaum Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Responden dari kumpulan A lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris bersama rakan kaum Melayu (iaitu 60% atau 18 orang), manakala responden dari kumpulan B 56.67% (17 orang) dan kumpulan C 53.33% (16 orang) lebih gemar menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris. Jadi, dapat kita lihat bahawa semua responden hanya memilih bahasa Melayu dan bahasa Inggeris semasa berinteraksi dengan rakan kaum Melayu.

4.1.3.3 Rakan kaum India

Jadual 4.14 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan rakan kaum India

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
11	Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan rakan kaum India	Mandarin	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Inggeris	19 (63.33%)	24 (80.00%)	18 (60.00%)
		Melayu	11 (36.67%)	6 (20.00%)	12 (40.00%)
		Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Tiada rakan kaum India	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Ditinjau dari segi umur, setiap kumpulan umur memilih bahasa Inggeris sebagai medium untuk berkomunikasi dengan rakan kaum India, iaitu kumpulan A 63.33% (19 orang), kumpulan B 80% (24 orang) dan kumpulan C 60% (18 orang). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden lebih suka berkomunikasi dengan rakan kaum India dalam bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu.

4.1.3.4 Jiran sebangsa

Jadual 4.15 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan jiran sebangsa

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
12	Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan jiran sebangsa	Mandarin	7 (23.33%)	5 (16.67%)	10 (33.33%)
		Inggeris	17 (56.67%)	14 (46.67%)	4 (13.33%)
		Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Dialek	6 (20.00%)	11 (36.67%)	16 (53.33%)
		Tiada jiran sebangsa	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Dari segi umur, jelas kelihatan bahawa kumpulan A 56.67% (17 orang) dan kumpulan B 46.67% (14 orang) menggunakan bahasa Inggeris manakala kumpulan C lebih suka menggunakan dialek iaitu 53.33% (16 orang) semasa bergaul dengan jiran sebangsa. Jadi, berdasarkan analisis di atas, dapat kita lihat suatu corak pemilihan bahasa oleh responden semasa berkomunikasi dengan jiran sebangsa, di mana mereka yang berumur lebih tua (kumpulan C) lebih gemar menggunakan dialek untuk berkomunikasi dengan jiran sebangsa, namun bagi responden yang berumur lebih muda (kumpulan A) lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan jiran sebangsa. Ini disebabkan

oleh tanggapan responden yang memandang tinggi terhadap bahasa Inggeris yang diibaratkan sebagai bahasa intelek dan bahasa global.

4.1.3.5 Jiran kaum Melayu

Jadual 4.16 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan jiran kaum Melayu

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
13	Mandarin	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Inggeris	17 (56.67%)	15 (50.00%)	8 (26.67%)
	Melayu	13 (43.33%)	15 (50.00%)	22 (73.33%)
	Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Tiada jiran kaum Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Jumlah	30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Responden dari kumpulan A lebih suka menggunakan bahasa Inggeris semasa bersama dengan jiran kaum Melayu (iaitu 56.67% atau 17 orang), manakala kumpulan C lebih gemar menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris, iaitu 73.33% (22 orang). Bahasa yang dipilih oleh kumpulan B pula adalah sama rata di antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, iaitu kedua-dua bahasa juga mencatat 50% (15 orang).

4.1.3.6 Jiran kaum India

Jadual 4.17 Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan jiran kaum India

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
14	Bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan jiran kaum India	Mandarin	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Inggeris	20 (66.67%)	18 (60.00%)	14 (46.67%)
		Melayu	10 (33.33%)	12 (40.00%)	16 (53.33%)
		Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Tiada jiran kaum India	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Dari segi umur, kumpulan A dan kumpulan B lebih gemar memilih bahasa Inggeris sebagai medium terbaik untuk berkomunikasi dengan rakan kaum India, iaitu kumpulan A 66.67% (20 orang) dan kumpulan B 60% (18 orang), manakala kumpulan C lebih cenderung memilih bahasa Melayu untuk berinteraksi dengan jiran kaum India, iaitu 53.33% (16 orang). Ini telah menunjukkan bahawa sebahagian besar responden lebih suka berkomunikasi dengan rakan kaum India mereka dalam bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, dalam domain persahabatan dan kejiranan, jelas dilihat bahawa responden lebih cenderung memilih bahasa Inggeris untuk digunakan berinteraksi

dengan rakan sebangsa (47.78% atau 43 orang), rakan kaum India (67.78% atau 61 orang), jiran sebangsa (38.89% atau 35 orang) dan jiran kaum India (57.78% atau 52 orang) mereka. Dalam situasi berkomunikasi dengan rakan kaum Melayu, kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Melayu telah mencatat peratusan yang sama, iaitu 50% bersamaan 45 orang responden. Semasa berinteraksi dengan jiran kaum Melayu pula, responden telah menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu, kerana sebanyak 55.56% (50 orang) responden telah memilih bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan jiran kaum Melayu. Dalam konteks ini, jelas dilihat bahawa bahasa Inggeris masih memainkan peranan sebagai penggunaan bahasa utama dalam domain persahabatan dan kejiranan. Walaupun dalam domain persahabatan dan kejiranan, bahasa Inggeris masih lagi merupakan bahasa yang paling diberi keutamaan, namun boleh kita lihat penutur memilih bahasa mengikut faktor peserta yang mengambil bahagian dalam perbualan tersebut. Hal ini dibuktikan apabila berkomunikasi dengan jiran ataupun rakan yang berbangsa Melayu, penutur akan menggunakan bahasa Melayu. Sebaliknya, jika bertutur dengan jiran atau rakan sebangsa, responden lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris ataupun dialek-dialek Cina seperti Hokkien, Kantonis dan Hakka. Jika kita membuat perbandingan dengan pembolehubah umur, dapat kita lihat bahawa golongan yang semakin muda lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris tidak kira bertutur dengan sesiapa di dalam domain kejiranan dan persahabatan berbanding dengan golongan yang lebih tua.

4.1.4 Domain Lokasi

Dalam bahagian ini, penggunaan bahasa dalam domain lokasi diuraikan. Soalan yang dikaji adalah berdasarkan empat soalan (soalan 15 hingga soalan 18 dalam bahagian B borang soal selidik) tentang domain lokasi, iaitu bahasa yang digunakan oleh responden di pusat beli belah, di pasar, di kedai kopi Cina dan di pejabat kerajaan.

Jadual di bawah menunjukkan analisis bahasa yang digunakan oleh responden semasa berada di empat tempat yang berlainan, iaitu pusat beli belah, pasar, kedai kopi Cina dan pejabat kerajaan di mana data-data dikumpulkan.

Jadual 4.18 Bahasa atau dialek yang digunakan dalam domain lokasi

Bahasa atau dialek yang digunakan dalam domain lokasi	Lokasi			
	Pusat beli belah	Pasar	Kedai kopi Cina	Pejabat kerajaan
Mandarin	8 (8.89%)	20 (22.22%)	25 (27.78%)	0 (0.00%)
Inggeris	40 (44.44%)	3 (3.33%)	3 (3.33%)	39 (43.33%)
Melayu	22 (24.44%)	17 (18.89%)	0 (0.00%)	51 (56.67%)
Dialek	20 (22.22%)	50 (55.56%)	62 (68.89%)	0 (0.00%)
Jumlah	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)

Jadual menunjukkan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling banyak digunakan di pusat beli belah berbanding dengan bahasa yang lain, iaitu sebanyak 44.44% atau 40 orang responden. Ini diikuti oleh bahasa Melayu, iaitu 24.44% (22 orang) dan

dialek 22.22% (20 orang). Hanya 8.89% (8 orang) responden menggunakan bahasa Mandarin semasa berada di pusat beli belah.

Jadual menunjukkan separuh daripada responden tidak mengira kumpulan umur lebih gemar menggunakan dialek berbanding dengan bahasa-bahasa lain, iaitu terdapat 55.56% (50 orang) dari jumlah responden telah memilih penggunaan dialek semasa berada di pasar. Manakala, bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling kurang dipilih oleh responden, iaitu hanya 3.33% (3 orang) responden menggunakan ketika di pasar. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan penjual di pasar mempunyai taraf pendidikan yang sederhana.

Merujuk kepada jadual di atas, dialek digunakan oleh responden dengan peratusan yang tertinggi semasa berada di kedai kopi Cina, iaitu 68.89% (62 orang). Manakala bahasa Inggeris paling sedikit digunakan oleh responden, hanya 3.33% (3 orang). Selain itu, tiada responden memilih untuk bercakap dalam bahasa Melayu di kedai kopi Cina.

Bahasa Melayu mencatatkan peratusan yang paling tinggi digunakan semasa berada di pejabat kerajaan, iaitu sebanyak 56.67% (51 orang). Bahasa Inggeris pula merupakan pilihan kedua tertinggi yang digunakan semasa berada di pejabat kerajaan, iaitu 43.33% (39 orang).

4.1.4.1 Pusat beli belah

Jadual 4.19 Bahasa yang digunakan semasa berada di pusat beli belah

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
15	Mandarin	2 (6.67%)	3 (10.00%)	3 (10.00%)
	Inggeris	16 (53.33%)	14 (46.67%)	10 (33.33%)
	Melayu	4 (13.33%)	12 (40.00%)	6 (20.00%)
	Dialek	8 (26.67%)	1 (3.33%)	11 (36.67%)
	Jumlah	30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Jika dilihat dari selang umur, bahasa Inggeris tetap menjadi pilihan utama bagi kumpulan A (53.33% atau 16 orang) dan kumpulan B (46.67% atau 14 orang) ketika berada di pusat beli belah, manakala bagi kumpulan C, mereka lebih gemar menggunakan dialek berbanding dengan bahasa Inggeris, iaitu seramai 11 orang (36.67%). Golongan yang berumur lebih cenderung menggunakan dialek-dialek yang mereka berasa lebih mesra dan selesa di pusat beli belah.

4.1.4.2 Pasar

Jadual 4.20 Bahasa yang digunakan semasa berada di pasar

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
16	Bahasa yang digunakan semasa berada di pasar	Mandarin	8 (26.67%)	7 (23.33%)	5 (16.67%)
		Inggeris	2 (6.67%)	1 (3.33%)	0 (0.00%)
		Melayu	3 (10.00%)	7 (23.33%)	7 (23.33%)
		Dialek	17 (56.67%)	15 (50.00%)	18 (60.00%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Begitu juga jika diperhatikan dari segi umur, ketiga-tiga kumpulan umur memilih menggunakan dialek apabila berada di pasar, iaitu kumpulan A 56.67% (17 orang), kumpulan B 50% (15 orang) dan kumpulan C 60% (18 orang). Berdasarkan analisis di atas dapat kita lihat bahawa semasa berada di pasar, kebanyakan responden akan menggunakan dialek mengikut puak dialek mereka. Mengikut hasil kajian daripada temu bual, pengkaji mendapati responden lebih gemar menggunakan dialek semasa berada di pasar untuk mengeratkan solidariti dengan penjual dan untuk tujuan tawar-menawar.

4.1.4.3 Kedai kopitiam Cina

Jadual 4.21 Bahasa yang digunakan semasa berada di kedai kopitiam Cina

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
17	Bahasa yang digunakan semasa berada di kedai kopitiam Cina	Mandarin	6 (20.00%)	4 (13.33%)	15 (50.00%)
		Inggeris	1 (3.33%)	1 (3.33%)	1 (3.33%)
		Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Dialek	23 (76.67%)	25 (83.33%)	14 (46.67%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Dari aspek kumpulan umur, kumpulan A (76.67% atau 23 orang) dan kumpulan B (83.33% atau 25 orang) memilih dialek sebagai bahasa percakapan utama di kedai kopitiam Cina. Kumpulan C pula memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa pertuturan utama mereka di kedai kopitiam Cina, iaitu 50% (15 orang). Jika dilihat dalam jadual di atas, dapat kita rumuskan bahawa dialek merupakan bahasa yang paling kerap digunakan oleh responden ketika mereka berkomunikasi di kedai kopitiam Cina. Pengkaji mendapati bahawa dapatan kajian soalan ini adalah sama dengan dapatan kajian soalan yang ingin meninjau bahasa apakah yang paling kerap digunakan di pasar. Dialek merupakan pemilihan bahasa utama responden yang dikaji kerana faktor kemesraan di antara penutur dan juga pendengar. Jadi, boleh kita rumuskan di situasi tidak formal, dialek menjadi pilihan utama responden kajian kali ini.

4.1.4.4 Pejabat kerajaan

Jadual 4.22 Bahasa yang digunakan semasa berada di pejabat kerajaan

Nombor soalan dan soalan	Bahasa atau Dialek	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
18	Bahasa yang digunakan semasa berada di pejabat kerajaan	Mandarin	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
		Inggeris	17 (56.67%)	13 (43.33%)	9 (30.00%)
		Melayu	13 (43.33%)	17 (56.67%)	21 (70.00%)
		Dialek	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling kerap digunakan oleh responden semasa berada di pejabat kerajaan. Jika ditinjau dari segi umur, responden kumpulan A (iaitu 56.67% atau 17 orang) lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris, manakala kumpulan B (56.67% atau 17 orang) dan kumpulan C (70% atau 21 orang) pula lebih gemar menggunakan bahasa Melayu. Bahasa Mandarin dan dialek tidak digunakan oleh responden di pejabat kerajaan.

Secara rumusnya, bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling banyak digunakan oleh responden semasa berada di pusat beli belah jika berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain, iaitu sebanyak 40 orang responden (44.44%). Separuh daripada responden tidak mengira kumpulan umur lebih gemar menggunakan dialek berbanding bahasa-bahasa lain,

iaitu terdapat 55.56% (50 orang) dari jumlah responden telah memilih penggunaan dialek semasa berada di pasar. Dialek juga telah menunjukkan peratusan tertinggi digunakan oleh responden semasa berada di kedai kopi Cina, iaitu 68.89% (62 orang). Jumlah peratusan yang paling tinggi dicatatkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa utama yang digunakan semasa berada di pejabat kerajaan iaitu sebanyak 56.67% (51 orang). Jadi, di sini telah memaparkan pemilihan bahasa juga dipengaruhi oleh lokasi yang berlainan, ini dibuktikan apabila berada di pusat beli belah, bahasa yang kerap digunakan oleh kaum Cina adalah bahasa Inggeris, namun apabila berada di kedai kopi Cina, bahasa yang paling kerap dipilih ialah dialek-dialek Cina. Apabila berada di pasar, bahasa yang akan digunakan terpulang kepada peserta yang mengambil bahagian dalam interaksi, di mana jika bertutur dengan penjual yang berbangsa Melayu, bahasa Melayu akan digunakan, namun jika bertutur dengan penjual yang berbangsa Cina, dialek-dialek Cina akan dipilih sebagai bahasa untuk berkomunikasi.

Hal ini jelas memperlihatkan kaum Cina Subang Jaya telah membuat pemilihan bahasa semasa menjalankan komunikasi di tempat-tempat yang berlainan berdasarkan pelbagai tujuan dan juga situasi sementara untuk mendapat kesan komunikasi yang paling berkesan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian di atas telah memaparkan analisis pemilihan bahasa oleh responden-responden mengikut empat domain yang berlainan, iaitu domain kekeluargaan, domain pekerjaan, domain persahabatan dan kejiranans serta domain lokasi. Dapatan dan analisis kajian berkenaan dengan kecenderungan pemilihan bahasa yang digunakan dalam domain yang berlainan menunjukkan bahawa bahasa Inggeris merupakan

bahasa yang paling diberikan keutamaan oleh responden-responden kaum Cina di Subang Jaya, kecuali domain lokasi. Di domain lokasi, dialek lebih kerap dipilih oleh responden untuk berkomunikasi. Di samping itu, kecenderungan pemilihan bahasa juga jelas menunjukkan bahawa faktor umur, interlokutor dan lokasi memainkan peranan yang mempengaruhi penutur memilih dan menggunakan sesuatu bahasa.

4.2 ANALISIS TENTANG SIKAP BAHASA RESPONDEN

Dapatan dan analisis kajian mengenai kecenderungan pemilihan bahasa dalam domain yang pelbagai dalam bahagian 4.1 telah menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris lebih diberikan keutamaan dalam komunikasi harian responden dalam pelbagai domain yang berbeza. Untuk meninjau sikap responden terhadap bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris, pengkaji telah menyelitkan tujuh kenyataan (bahagian C borang soal selidik) mengenai penguasaan bahasa dan responden perlu memberi pandangan sama ada bersetuju atau tidak mengenai pernyataan tersebut di dalam bahagian C borang soal selidik. Berikut adalah data-data yang diperolehi.

Jadual 4.23 Sikap bahasa responden

Sikap bahasa	Setuju		Tidak Setuju	
	Bil.	%	Bil.	%
Penguasaan bahasa Inggeris adalah lebih penting daripada bahasa Mandarin	72	80.00	18	20.00
Penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberi peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik	52	57.78	38	42.22
Berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Inggeris kurang baik	79	87.78	11	12.22
Berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Mandarin kurang baik	32	35.56	58	64.44
Tidak menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin lemah	84	93.33	6	6.67
Bahasa Inggeris lebih senang dipelajari jika berbanding dengan bahasa Mandarin	80	88.89	10	11.11
Lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris jika berbanding dengan bahasa Mandarin dalam situasi formal	75	83.33	15	16.67

Jadual 4.23 menunjukkan pendapat dan pandangan responden terhadap kepentingan penguasaan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Mandarin. Jumlah keseluruhan menunjukkan bahawa lebih ramai responden bersetuju dengan pendapat ini, iaitu 80% (72 orang) responden menyetujui “penguasaan bahasa Inggeris adalah lebih penting daripada bahasa Mandarin”. Hanya 20% (18 orang) responden tidak bersetuju dengan pendapat ini.

Jadual di atas juga menunjukkan pendapat responden berkenaan dengan pengaruh bahasa Mandarin ke atas peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik. Sebanyak 57.78% (52 orang) daripada keseluruhan responden bersetuju bahawa penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik. Manakala 42.22% (38 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Kebanyakan responden iaitu 79 orang bersamaan dengan 87.78% daripada jumlah responden yang terlibat bersetuju mengatakan

berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Inggeris kurang baik. Hanya 12.22% (11 orang) responden tidak bersetuju dengan pendapat ini.

Berkenaan dengan pendapat dan pandangan responden terhadap kenyataan bahawa mereka akan berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Mandarain adalah kurang baik, hampir dua pertiga (64.44% atau 58 orang) daripada jumlah responden tidak bersetuju dan hanya 35.56% (32 orang) bersetuju dengan kenyataan ini. Ini bermakna majoriti responden tidak akan berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Mandarin mereka adalah kurang baik. Hampir keseluruhan responden (93.33% atau 84 orang) bersetuju dengan kenyataan bahawa responden tidak banyak menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin mereka adalah lemah. Hanya 6.67% (6 orang) responden tidak menyetujui kenyataan ini.

Berdasarkan jadual itu, 88.89% (80 orang) responden bersetuju bahawa mempelajari bahasa Inggeris adalah lebih mudah daripada mempelajari bahasa Mandarin. Secara keseluruhannya, hampir kesemua responden bersetuju dengan kenyataan di atas. Hanya 11.11% (10 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Keputusan keseluruhan menunjukkan bahawa kebanyakan responden (83.33% atau 75 orang) bersetuju dengan kenyataan bahawa penggunaan bahasa Inggeris lebih meluas dalam situasi formal berbanding dengan penggunaan bahasa Mandarin. Manakala responden yang tidak bersetuju mencatatkan hanya 16.67% (15 orang).

4.2.1 Penguasaan bahasa Inggeris lebih penting daripada bahasa Mandarin

Jadual 4.24 Penguasaan bahasa Inggeris lebih penting daripada bahasa Mandarin

Sikap bahasa	Pendapat	Umur					
		26-35 (kumpulan A)		36-45 (kumpulan B)		46-55 (kumpulan C)	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Penguasaan bahasa Inggeris adalah lebih penting daripada bahasa Mandarin	Setuju	25	83.33	25	83.33	22	73.33
	Tidak Setuju	5	16.67	5	16.67	8	26.67
Jumlah		30	100	30	100	30	100

Dari segi umur, kebanyakan responden bersetuju penguasaan bahasa Inggeris lebih penting daripada bahasa Mandarin, iaitu kumpulan A 83.33% (25 orang), kumpulan B 83.33% (25 orang) dan kumpulan C 73.33% (22 orang). Kedua-dua kumpulan A dan kumpulan B masing-masing mempunyai 16.67% (5 orang) responden tidak setuju dengan kenyataan penguasaan bahasa Inggeris lebih penting daripada bahasa Mandarin. Kumpulan C pula terdapat 26.67% (8 orang) membangkang pendapat ini. Kebanyakan responden berpendapat bahawa penguasaan bahasa Inggeris adalah lebih penting daripada bahasa Mandarin kerana mereka berpendapat bahasa Inggeris ialah bahasa antarabangsa yang digunakan secara global dalam pelbagai aspek, sama memainkan peranan sebagai bahasa perantaraan, bahasa pendidikan dan sebagainya.

4.2.2 Penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik

Jadual 4.25 Penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik

Sikap bahasa	Pendapat	Umur					
		26-35 (kumpulan A)		36-45 (kumpulan B)		46-55 (kumpulan C)	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberi peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik	Setuju	22	73.33	13	43.33	17	56.67
	Tidak Setuju	8	26.67	17	56.67	13	43.33
Jumlah		30	100	30	100	30	100

Jadual 4.25 menunjukkan bahawa, responden dari kumpulan B (iaitu 56.67% atau 17 orang) tidak bersetuju penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik. Manakala 73.33% (22 orang) kumpulan A dan 56.67% (17 orang) kumpulan C kebanyakannya lebih bersetuju bahawa penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik. Hal ini menunjukkan semakin ramai orang menyedari status bahasa Mandarin di dalam pasaran dunia selaras dengan kebangkitan dan pembangunan negara China yang terkini. Mengikut Lily Zubaidah (1999) di Singapura, selain menguasai bahasa Inggeris, hanya mereka yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin, diberikan keutamaan untuk memegang jawatan tinggi dalam bidang pekerjaan, jadi ia menyebabkan ramai orang bukan Cina terpaksa mempelajari bahasa Mandarin untuk merebut peluang pekerjaan yang lebih baik. Jadi, hasil kajian pengkaji menunjukkan kaum Cina di Subang Jaya juga sedar akan penguasaan

bahasa Mandarin dapat memberi peluang kepada seseorang individu untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik.

4.2.3 Berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Inggeris kurang baik

Jadual 4.26 Berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Inggeris kurang baik

Sikap bahasa	Pendapat	Umur					
		26-35 (kumpulan A)		36-45 (kumpulan B)		46-55 (kumpulan C)	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Inggeris kurang baik	Setuju	23	76.67	29	96.67	27	90.00
	Tidak Setuju	7	23.33	1	3.33	3	10.00
Jumlah		30	100	30	100	30	100

Ketiga-tiga kumpulan masing-masing mencatatkan 76.67% (23 orang), 96.67% (29 orang) dan 90% (27 orang) bersetuju mereka akan berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Inggeris kurang baik. Ini disebabkan oleh pendapat responden yang mengatakan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa dan lebih bernilai di dalam pelbagai bidang. Jika penguasaan bahasa Inggeris kurang baik, seseorang itu akan dipandang rendah. Di samping itu, bahasa Inggeris juga merupakan bahasa utama yang digunakan untuk menjalankan proses komunikasi harian, jadi responden berpendapat jika penguasaan bahasa Inggeris kurang baik, mereka akan berasa malu dan segan untuk berkomunikasi dengan orang lain.

4.2.4 Berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Mandarin kurang baik

Jadual 4.27 Berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Mandarin kurang baik

Sikap bahasa	Pendapat	Umur					
		26-35 (kumpulan A)		36-45 (kumpulan B)		46-55 (kumpulan C)	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Mandarin kurang baik	Setuju	10	33.33	10	33.33	12	40.00
	Tidak Setuju	20	66.67	20	66.67	18	60.00
Jumlah		30	100	30	100	30	100

Berdasarkan jadual di atas, majoriti responden dalam setiap “age-group” tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Mandarin kurang baik, iaitu kumpulan A 66.67% (20 orang), kumpulan B 66.67% (20 orang) dan kumpulan C 60% (18 orang). Ini menunjukkan bahawa bahasa Mandarin tidak sepenting bahasa Inggeris bagi kaum Cina di Subang Jaya di mana majoriti responden akan berasa rendah diri jika penguasaan bahasa Inggeris kurang baik. Mengikut dapatan temu bual, responden berpendapat sedemikian kerana mereka berpendapat bahasa Inggeris lebih penting daripada bahasa Mandarin kerana penggunaan bahasa Inggeris adalah lebih meluas.

4.2.5 Tidak menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin lemah

Jadual 4.28 Tidak menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin lemah

Sikap bahasa	Pendapat	Umur					
		26-35 (kumpulan A)		36-45 (kumpulan B)		46-55 (kumpulan C)	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tidak menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin lemah	Setuju	28	93.33	29	96.67	27	90.00
	Tidak Setuju	2	6.67	1	3.33	3	10.00
Jumlah		30	100	30	100	30	100

Bagi setiap kumpulan umur, majoriti responden bersetuju bahawa mereka kurang menggunakan bahasa Mandarin kerana mereka lemah dalam menguasai bahasa tersebut, iaitu kumpulan A 93.33% (28 orang), kumpulan B 96.67% (29 orang) dan kumpulan C 90% (27 orang). Berdasarkan pendapat responden melalui temu bual, penguasaan bahasa Mandarin yang lemah merupakan faktor utama responden tidak menggunakan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian. Mereka berasa segan dan malu untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Mandarin yang kurang fasih. Ada juga responden yang mengatakan walaupun mereka berasal daripada latar belakang pendidikan aliran Cina, iaitu pernah menerima pendidikan bahasa Mandarin di peringkat sekolah rendah, namun tahap penguasaan bahasa Mandarin adalah lemah jika berbanding dengan bahasa Inggeris. Hal ini dipengaruhi oleh setelah tamat pengajian sekolah rendah, mereka kurang menggunakan bahasa Mandarin untuk berkomunikasi dalam kehidupan harian.

4.2.6 Bahasa Inggeris lebih senang dipelajari berbanding bahasa Mandarin

Jadual 4.29 Bahasa Inggeris lebih senang dipelajari berbanding bahasa Mandarin

Sikap bahasa	Pendapat	Umur					
		26-35 (kumpulan A)		36-45 (kumpulan B)		46-55 (kumpulan C)	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bahasa Inggeris lebih senang dipelajari jika berbanding dengan bahasa Mandarin	Setuju	28	93.33	26	86.67	26	86.67
	Tidak Setuju	2	6.67	4	13.33	4	13.33
Jumlah		30	100	30	100	30	100

Lihat dari aspek kumpulan umur, setiap kumpulan umur juga bersetuju bahawa bahasa Inggeris lebih senang dipelajari berbanding dengan bahasa Mandarin iaitu kumpulan A 93.33% (28 orang), kumpulan B 86.67% (26 orang) dan kumpulan C 86.67% (26 orang). Kumpulan B dan kumpulan C masing-masing mencatatkan 4.44% (4 orang) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, manakala kumpulan A hanya 2% (2 orang). Berdasarkan pendapat responden melalui temu bual, hal ini disebabkan responden telah menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian semenjak kecil, mereka kurang atau tidak mengguna bahasa Mandarin dalam komunikasi harian.

4.2.7 Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin dalam situasi formal

Jadual 4.30 Lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Mandarin dalam situasi formal

Sikap bahasa	Pendapat	Umur					
		26-35 (kumpulan A)		36-45 (kumpulan B)		46-55 (kumpulan C)	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris jika berbanding dengan bahasa Mandarin dalam situasi formal	Setuju	30	100.00	27	90.00	18	60.00
	Tidak Setuju	0	0.00	3	10.00	12	40.00
Jumlah		30	100	30	100	30	100

Dari segi kumpulan umur, keputusan yang diperoleh memaparkan bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Mandarin semasa dalam situasi formal, iaitu kumpulan A 100% (30 orang), kumpulan B 90% (27 orang) dan kumpulan C 60% (18 orang). Hal sedemikian kerana penggunaan bahasa Inggeris di dalam situasi formal adalah digalakkan untuk mewujudkan suasana yang lebih formal jika berbanding dengan bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain (Mohd. Faisal Hanapiyah, 2002).

Jadi, data-data yang diperoleh daripada kajian telah menunjukkan tanggapan dan penilaian yang tinggi responden terhadap bahasa Inggeris. Hal ini dibuktikan oleh 80% (72 orang) responden bersetuju bahawa penguasaan bahasa Inggeris adalah lebih penting daripada bahasa Mandarin. Kebanyakan responden kajian iaitu 79 orang bersamaan dengan 87.78% daripada jumlah responden yang terlibat bersetuju bahawa mereka akan berasa

rendah diri jikalau penguasaan bahasa Inggeris kurang baik, manakala 88.89% (80 orang) responden bersetuju bahawa mempelajari bahasa Inggeris adalah lebih mudah daripada mempelajari bahasa Mandarin, dan 83.33% (75 orang) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Mandarin semasa dalam situasi formal.

Jika ditinjau dapatan kajian berkenaan dengan sikap responden terhadap bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris mengikut pembolehubah umur pula, perbezaan pendapat antara “age-groups” tidak ketara, kecuali pandangan di mana penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik. Golongan yang berumur lebih muda lebih cenderung menunjukkan persetujuan mereka akan ujaran ini jika berbanding dengan responden yang berumur lebih tua. Ini menunjukkan bahawa golongan yang berumur lebih muda telahpun sedar bahawa kebangkitan kuasa politik dan ekonomi negara China membawa kepada peningkatan penggunaan dan nilai ekonomi bahasa Mandarin di pasaran dunia (Mok, 2008).

Secara rumusnya, sikap penutur terhadap sesuatu bahasa memang menentukan pemilihan bahasanya. Penguasaan responden terhadap sesuatu bahasa juga merupakan faktor yang penting yang mempengaruhi responden membuat pemilihan bahasa untuk tujuan berkomunikasi. Jadi, tidak hairanlah dapatan kajian menunjukkan responden ini yang terdiri daripada kaum Cina di Subang Jaya kurang menggunakan bahasa Mandarin tetapi lebih mengutamakan bahasa Inggeris.

4.3 ANALISIS TENTANG PENILAIAN DAN TANGGAPAN RESPONDEN TERHADAP BAHASA

Dalam kajian ini, pengkaji juga ingin mendapatkan pendapat dan pandangan responden mengenai bahasa yang paling berprestij, yang paling mesra, dan yang paling melambangkan identiti bangsa. Ini kerana penilaian dan tanggapan seorang penutur terhadap sesuatu bahasa akan menentukan pemilihan bahasa mereka. Selain itu, pengkaji juga ingin mengetahui pendapat responden mengenai bahasa yang paling membantu dalam bidang pekerjaan, bahasa yang paling mudah dipelajari dan bahasa yang paling melambangkan kekuasaan. Oleh itu, dalam bahagian D borang soal selidik, pengkaji telah memasukkan enam soalan untuk mengetahui pendapat dan pandangan responden tentang status sesuatu bahasa.

Dapatan kajian berkenaan dengan penilaian dan tanggapan responden terhadap bahasa telahpun dipaparkan di dalam jadual-jadual di bawah. Dalam bahagian ini, pembolehubah yang ditinjau ialah umur, dan soalan yang dikaji ialah sama ada responden dalam golongan umur yang berlainan mempunyai tanggapan dan penilaian yang berbeza terhadap bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin.

Jadual 4.31 Penilaian dan tanggapan responden terhadap bahasa

Bahasa	Penilaian dan Tanggapan					
	Paling berprestij	Paling mesra	Paling melambangkan identiti bangsa	Paling membantu dalam bidang pekerjaan	Paling mudah dipelajari	Paling melambangkan kekuasaan
Mandarin	20 (22.22%)	30 (33.33%)	71 (78.89%)	43 (47.78%)	10 (11.11%)	28 (31.11%)
Inggeris	68 (75.56%)	57 (63.33%)	0 (0.00%)	47 (52.22%)	33 (36.67%)	62 (68.89%)
Melayu	2 (2.22%)	3 (3.33%)	19 (21.11%)	0 (0.00%)	47 (52.22%)	0 (0.00%)
Jumlah	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)	90 (100%)

Berkenaan dengan pendapat responden terhadap kenyataan mengenai bahasa yang paling berprestij, lebih dua pertiga responden (iaitu 78.89% atau 71 orang) bersetuju bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling berprestij. 22.22% atau 20 orang responden memilih bahasa Mandarin dan segelintir memilih bahasa Melayu iaitu 2.22% atau 2 orang. Hampir dua pertiga (63.33% atau 57 orang) responden menyatakan bahawa bahasa yang paling mesra ialah bahasa Inggeris. Manakala 33.33% (30 orang) responden berpendapat bahawa bahasa Mandarin merupakan bahasa yang paling mesra. Hanya 3.33% (3 orang) responden menyatakan bahasa yang paling mesra ialah bahasa Melayu.

Dua pertiga responden (iaitu 75.56% atau 68 orang) bersetuju dan memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa yang paling melambangkan identiti bangsa. Selain itu, terdapat 21.11% (19 orang) responden daripada jumlah responden menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang paling melambangkan identiti sebagai seorang rakyat Malaysia. Tiada responden memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa yang melambangkan identiti bangsa mereka. 52.22% (47 orang) responden telah memilih bahasa Inggeris, diikuti oleh

47.78% atau 43 orang yang memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa yang paling membantu dalam bidang pekerjaan.

Jadual di atas juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden (iaitu 52.22% atau 47 orang) menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang paling mudah dipelajari, diikuti bahasa Inggeris (36.67% atau 33 orang) dan bahasa Mandarin (11.11% atau 10 orang). Lebih dua pertiga daripada responden (iaitu 68.89% atau 62 orang) menyatakan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling melambangkan kekuasaan. Manakala 31.11% atau 28 orang berpendapat bahawa bahasa Mandarin adalah bahasa yang paling melambangkan kekuasaan. Bagi bahasa Melayu pula tiada responden memilihnya.

4.3.1 Bahasa yang paling berprestij

Jadual 4.32 Bahasa yang paling berprestij

Nombor soalan dan soalan	Bahasa	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
1	Bahasa yang paling berprestij	Mandarin	8 (26.67%)	2 (6.67%)	2 (6.67%)
		Inggeris	22 (73.33%)	27 (90.00%)	27 (90.00%)
		Melayu	0 (0.00%)	1 (3.33%)	1 (3.33%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Setiap kumpulan umur telah memberikan peratusan tertinggi bagi bahasa Inggeris sebagai bahasa yang paling berprestij kumpulan A mencatatkan 73.33% (22 orang), kumpulan B 90% (27 orang) dan kumpulan C 90% (27 orang). Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan Malaysia hanya mendapat pengakuan sebanyak 3.33% (1 orang) responden dari kumpulan B dan 3.33% (1 orang) dari kumpulan C, manakala langsung tiada responden dari kumpulan A yang memilihnya sebagai bahasa yang paling berprestij. Mereka menganggap bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa dan digunakan di seluruh dunia. Kaum Cina di Subang Jaya masih meletakkan bahasa Inggeris di kedudukan yang paling tinggi berbanding dengan bahasa-bahasa lain.

4.3.2 Bahasa yang paling mesra

Jadual 4.33 Bahasa yang paling mesra

Nombor soalan dan soalan	Bahasa	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
2	Mandarin	5 (16.67%)	11 (36.67%)	14 (46.67%)
	Inggeris	25 (83.33%)	18 (60.00%)	14 (46.67%)
	Melayu	0 (0.00%)	1 (3.33%)	2 (6.67%)
Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Bagi pecahan kumpulan umur, kumpulan A 83.33% (25 orang) dan kumpulan B 60% (18 orang) bersetuju bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling mesra. Kumpulan C pula, seramai 14 orang (46.67%) responden berpendapat bahasa Mandarin adalah bahasa yang paling mesra. Demikian juga bagi bahasa Inggeris. Jadi, jika dibandingkan, kebanyakan responden daripada ketiga-tiga kumpulan umur semuanya berpendapat bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling mesra bagi mereka, ini kerana majoriti daripada responden terdiri daripada mereka yang kerap menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama komunikasi harian mereka dalam pelbagai domain.

4.3.3 Bahasa yang paling melambangkan identiti bangsa

Jadual 4.34 Bahasa yang paling melambangkan identiti bangsa

Nombor soalan dan soalan	Bahasa	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
3	Mandarin	21 (70.00%)	30 (100%)	20 (66.67%)
	Inggeris	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Melayu	9 (30.00%)	0 (0.00%)	10 (33.33%)
	Jumlah	30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Bagi pecahan kumpulan umur, kumpulan A 70% (21 orang), kumpulan B 100% (30 orang) dan kumpulan C 66.67% (20 orang) memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa yang paling melambangkan identiti bangsa mereka. Hal ini memaparkan bahawa responden yang dipilih telah menyedari bahawa bahasa Mandarin merupakan bahasa yang amat penting terhadap diri mereka. Cystal (2004:40), pernah mengutarakan ujaran yang berbunyi “*Language is the primary index, or symbol, or register of identity*”, jadi sebagai penutur natif bahasa Mandarin, bahasa Mandarin memang merupakan bahasa yang paling boleh melambangkan identiti kaum Cina.

4.3.4 Bahasa yang paling membantu dalam bidang pekerjaan

Jadual 4.35 Bahasa yang paling membantu dalam bidang pekerjaan

Nombor soalan dan soalan	Bahasa	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
4	Bahasa yang paling membantu dalam bidang pekerjaan	Mandarin	20 (66.67%)	9 (30.00%)	14 (46.67%)
		Inggeris	10 (33.33%)	21 (70.00%)	16 (53.33%)
		Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
	Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Bagi pecahan kumpulan umur, bahasa yang paling membantu dalam bidang pekerjaan, ramai dari kumpulan A memilih bahasa Mandarin iaitu sebanyak 66.67% (20 orang), manakala sebanyak 70% (21 orang) dari kumpulan B memilih bahasa Inggeris. Bagi kumpulan C pula, bilangan responden yang memilih bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris lebih kurang sama, iaitu masing-masing 46.67% (14 orang) dan 53.33% (16 orang). Fenomena ini berlaku kemungkinan besar berkaitan dengan kesedaran kaum Cina terhadap pembangunan negara China. Pembangunan China dalam pertumbuhan ekonominya telah jelas terbukti di pentas antarabangsa. Apabila ditemu bual, ada responden yang mengatakan dengan menguasai bahasa Mandarin, ini bermakna seseorang itu menguasai bahasa perniagaan antarabangsa dan secara langsung dapat membantu dalam pekerjaan mereka. Tambahan pula, bahasa Mandarin sedang berkembang dan dipelajari di

seluruh dunia, dengan menguasai bahasa Mandarin, ia akan meningkatkan daya persaingan seseorang untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.

4.3.5 Bahasa yang paling mudah dipelajari

Jadual 4.36 Bahasa yang paling mudah dipelajari

Nombor soalan dan soalan	Bahasa	Umur			
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)	
5	Bahasa yang paling mudah dipelajari	Mandarin	1 (3.33%)	2 (6.67%)	7 (23.33%)
		Inggeris	16 (53.33%)	13 (43.33%)	4 (13.33%)
		Melayu	13 (43.33%)	15 (50.00%)	19 (63.33%)
Jumlah			30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Jika dilihat dari kumpulan umur, terdapat percanggahan pendapat di antara kumpulan B dan kumpulan C dengan kumpulan A. 53.33% (16 orang) dari kumpulan A menyatakan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling mudah dipelajari manakala 50% (15 orang) kumpulan B dan 63.33% (19 orang) kumpulan C mempunyai pandangan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang paling mudah dipelajari. Keputusan ini telah menunjukkan pendidikan bahasa Inggeris telah meluas dipelajari oleh golongan kumpulan umur yang berusia lebih muda. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden menganggap bahasa Mandarin adalah bahasa yang paling sukar dipelajari, ini bertepatan

dengan hasil kajian (Eric, Koo, 2004) yang menyatakan bahawa bahasa Mandarin adalah salah satu daripada bahasa yang susah dipelajari di dunia kerana sistem tulisannya menggunakan sistem ideograf yang menyulitkan, di samping mempunyai empat nada yang membawa makna yang tersendiri. Kajian Eric juga menunjukkan bahawa kesukaran mempelajari bahasa Mandarin merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina di Singapura.

4.3.6 Bahasa yang paling melambangkan kekuasaan

Jadual 4.37 Bahasa yang paling melambangkan kekuasaan

Nombor soalan dan soalan	Bahasa	Umur		
		26-35 (kumpulan A)	36-45 (kumpulan B)	46-55 (kumpulan C)
6	Mandarin	4 (13.33%)	5 (16.67%)	19 (63.33%)
	Inggeris	26 (86.67%)	25 (83.33%)	11 (36.67%)
	Melayu	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Jumlah		30 (100%)	30 (100%)	30 (100%)

Jika dilihat dari segi kumpulan umur, 86.67% (26 orang) dari kumpulan A dan 83.33% (25 orang) dari kumpulan B menyatakan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling melambangkan kekuasaan, manakala 63.33% (19 orang) dari kumpulan C menyatakan bahawa bahasa Mandarin paling melambangkan kekuasaan. Mengikut

responden kumpulan A, bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang melambangkan kekuasaan. Ini bertepatan dengan hasil kajian Ahmad Zahril Jamil (2002) yang mengatakan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian kita. Ia juga mempunyai status *lingua franca* di kebanyakan bahagian di dunia berpunca dari ketenteraan, ekonomi, sains, politik dan pengaruh budaya Empayar British pada abad ke-18, 19 dan awal abad ke-20 dan juga di Amerika Syarikat dari awal abad ke-20 hingga kini. Bahasa Inggeris juga merupakan bahasa yang paling utama atau bahasa nombor satu dunia. Bahasa Inggeris dilihat sebagai bahasa yang membolehkan penduduk dunia berinteraksi secara mudah dan berkesan di era perkembangan pesat dan teknologi moden seperti pengenalan televisyen satelit, telefon selular dan rangkaian komputer hampir 99 peratus maklumat dalam internet adalah dalam bahasa Inggeris.

Secara rumusnya, tanggapan dan penilaian terhadap ketiga-tiga bahasa ini adalah berbeza. Bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa yang paling berprestij, bahasa yang paling mesra, bahasa yang paling berkuasa dan juga bahasa yang paling membantu dalam mendapat pekerjaan yang lebih baik. Bagi bahasa Mandarin pula, ia dianggap sebagai bahasa yang paling melambangkan identiti kaum Cina, bagi bahasa Melayu pula dianggap sebagai bahasa yang paling mudah dipelajari.

4.4 ANALISIS DAPATAN DARIPADA TEMU BUAL

Temu bual adalah kaedah yang digunakan untuk meninjau secara lebih mendalam berkenaan dengan sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina di Subang Jaya. 10 orang responden (5 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 5 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) di sekitar Subang Jaya, Selangor, yang juga responden yang menjawab soal-selidik ditemu bual. Pengkaji memilih responden yang terdiri daripada aliran pendidikan yang berlainan untuk melihat sama ada responden yang terdiri daripada aliran yang berlainan memberi pendapat yang berbeza. Setiap respon daripada temu bual ini dicatatkan oleh pengkaji pada masa temu bual dijalankan.

Sikap bahasa di kalangan ibu bapa kaum Cina di Subang Jaya dapat diuraikan seperti yang berikut:

- (a) Tanggapan responden terhadap penggunaan bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu adalah berbeza

Soalan yang pertama yang pengkaji utarakan kepada responden dalam temu bual ialah sejauh manakah tanggapan kaum Cina terhadap penggunaan bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Menurut dapatan temu bual yang diperoleh, majoriti responden sama ada terdiri daripada aliran pendidikan Cina atau bukan Cina menganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa yang terpenting kerana bahasa ini lebih luas digunakan. Selain itu bahasa Inggeris ini adalah bahasa antarabangsa dan digunakan di seluruh dunia. Oleh yang demikian, menurut pendapat responden, bahasa Inggeris lebih bernilai dalam semua bidang terutamanya dalam bidang ikhtisas. Tanggapan ini telah membuat mereka

mempercayai bahawa orang yang menguasai bahasa Inggeris dengan baik akan meningkatkan status sosial mereka di samping berpeluang untuk memperoleh pekerjaan yang lebih “berkualiti”. Jadi, penggunaan bahasa Inggeris amat dititikberatkan oleh responden kerana mereka berpendapat bahawa jikalau penguasaan bahasa Inggeris adalah lemah, daya persaingan dengan orang lain secara langsungnya akan berkurangan dan juga akan dipandang rendah oleh masyarakat.

Selain itu, terdapat juga responden yang mengatakan bahawa bahasa Mandarin lebih penting jika dibandingkan dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu kerana bahasa Mandarin biasanya dianggap sebagai bahasa ibunda kaum Cina di Malaysia. 9 orang responden (5 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 4 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) berpendapat bahawa adalah memalukan dan menyedihkan jika orang Cina tidak tahu berbahasa Mandarin memandangkan sekarang ramai kaum bukan Cina yang sudah berupaya bertutur dalam bahasa Mandarin. Kebanyakan responden juga berpendapat bahawa bahasa Mandarin semakin penting kerana pembangunan ekonomi Negara China yang begitu pesat telah mendorong penggunaan bahasa Mandarin yang semakin meluas di pentas dunia. Responden mengatakan jikalau seseorang hanya menguasai bahasa Inggeris, namun tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin, secara langsungnya peluang mereka untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik adalah berkurangan berbanding dengan mereka yang berupaya menguasai kedua-dua bahasa tersebut. Oleh itu, kaum Cina di Malaysia sepatutnya menguasai bahasa Mandarin yang dianggap sebagai bahasa ibunda mereka di samping menggunakan bahasa asing seperti bahasa Inggeris yang difikirkan lebih global dan universal.

Selain faktor ekonomi, seramai 7 orang responden (5 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 2 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) yang mengatakan bahawa bahasa Mandarin merupakan lambang kebudayaan kaum Cina. Jika seseorang yang berbangsa Cina tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin, jadi penutur tersebut merupakan orang tidak tahu akan akar dan asal-usul etnik sendiri, di mana maruah dan juga martabat kaum Cina jikalau seseorang yang berketurunan dan berkaum Cina hanya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin yang melambangkan budaya kaum Cina sendiri?

Berkenaan dengan penggunaan bahasa Melayu, pendapat responden adalah berbeza-beza. 7 orang responden (5 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 2 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) menyifatkan bahasa Melayu ini tidak penting kerana nilainya rendah. Penggunaan bahasa Melayu adalah terhad dalam Malaysia dan hanya diguna apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan bangsa Melayu sahaja. Bagi orang Cina, penggunaan bahasa Melayu hanya penting di sektor awam dan pejabat-pejabat kerajaan sahaja. Menurut responden, bahasa ini hanya layak digunakan di pasar kerana nilai ekonomi bahasa Melayu adalah rendah. Walaupun penggunaan bahasa Melayu adalah terhad, namun ramai responden yang mengatakan penguasaan bahasa Melayu mereka bukannya lemah, kerana sistem pendidikan negara kita masih mengutamakan bahasa Melayu sejak sekolah rendah.

- (b) Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang diberikan keutamaan walaupun status dan penggunaan bahasa Mandarin semakin meningkat

Soalan kedua menanyakan pendapat responden terhadap bahasa yang akan mereka berikan keutamaan jika diberikan pilihan. Menurut tinjauan pengkaji, kebanyakannya responden yang dipilih merupakan golongan ibu bapa yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dalam kehidupan mereka, tetapi mereka memilih sekolah beraliran Cina untuk anak-anak mereka. Namun demikian, setakat mana ibu bapa tersebut menyedari kepentingan bahasa Mandarin pada masa kini? Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun diberikan pilihan sekali lagi, 7 responden (4 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 3 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) yang mengatakan mereka tetap akan memberi keutamaan kepada penggunaan bahasa Inggeris walaupun nilai dan penggunaan bahasa Mandarin sudahpun meningkat disebabkan pembangunan kuasa negara China yang begitu pesat.

Apabila ditanya sebab-sebab kaum Cina tidak memberi keutamaan kepada bahasa Mandarin tetapi memberikan keutamaan kepada bahasa Inggeris, responden mengatakan bahawa bahasa Inggeris adalah meluas penggunaannya di seluruh dunia. Bahasa Inggeris telah menjadi medium penyampaian penting dalam pendidikan, malahan ada yang berpendapat bahawa bahasa ini turut menjadi pengukur kepada kemajuan sesebuah negara. Begitulah juga pandangan dan tanggapan masyarakat terhadap seseorang pengguna bahasa, yang mampu menguasai bahasa Inggeris dengan lebih baik akan dipandang tinggi dan dikatakan berstatus sosial yang lebih tinggi. Walhal bahasa Inggeris ini bahasa asing tetapi

cukup berpengaruh terutamanya dalam aspek intelektual perniagaan, profesyen ataupun kerjaya.

Dalam soalan kedua, 30% responden (3 orang, iaitu 1 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 2 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) yang ditemui bual mengatakan bahawa bahasa Mandarin adalah lebih penting, jika diberikan pilihan mereka akan memberikan keutamaan kepada penggunaan bahasa Mandarin. Mereka berpendapat bahawa bahasa Mandarin melambangkan identiti bangsa Cina. Sebagai kaum Cina, bahasa Mandarin adalah budaya mereka dan lambang identiti mereka, jadi bahasa Mandarin sepatutnya dikuasai dengan baik dan perlu diberikan keutamaan. Dalam konteks ini, responden berpendapat sedemikian kerana sekarang ramai penutur asing sudah mempelajari bahasa Mandarin, jika penutur berketurunan Cina tidak boleh berbahasa Mandarin, ini merupakan sesuatu yang agak memalukan. Jadi, atas alasan ini, 9 orang responden (4 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 5 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) berpendapat bahawa mereka mesti menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Cina agar meningkatkan tahap penguasaan bahasa Mandarin dalam kalangan generasi muda. Namun, berkenaan dengan konteks ini, jika diberikan dua pilihan, semua responden, sama ada mereka yang berasal daripada pendidikan aliran Cina atau bukan Cina (100% atau 10 orang) berpendapat mereka akan mengutamakan kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Dari huraihan di atas, dapat kita lihat memang wujudnya kesedaran dalam kalangan kaum Cina di Malaysia yang kurang fasih berbahasa Mandarin terhadap kepentingan bahasa Mandarin.

(c) Faktor-faktor bahasa Mandarin dipinggirkan oleh sesetengah kaum Cina

Dapatan kajian daripada soal selidik menunjukkan bahawa pemilihan bahasa Mandarin sebagai bahasa komunikasi dalam kehidupan harian adalah kurang jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris yang dianggap sebagai bahasa antarabangsa. Jadi, dalam soalan ketiga dalam temu bual, pengkaji ingin mengkaji faktor yang menyebabkan bahasa Mandarin tidak dipilih dalam komunikasi kehidupan harian jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Menurut dapatan temu bual, responden yang terlibat telah memberikan beberapa faktor yang ketara mengapa bahasa Mandarin kini masih diketepikan berbanding dengan bahasa Inggeris. 9 orang responden (5 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 4 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) yang berpendapat bahawa sikap dan kebiasaan ibu bapa yang tidak menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa ibunda di rumah menyebabkan bahasa Mandarin kurang digunakan. Oleh itu anak-anak tidak tahu bahasa Mandarin dan mereka mungkin mendapat pendidikan formal dalam bahasa Mandarin di sekolah, namun di rumah bahasa lain yang dipertuturkan. Sikap dan juga pemilihan bahasa ibu bapa memang mempengaruhi penggunaan bahasa anak-anak mereka. Jikalau ibu bapa mengetepikan bahasa Mandarin dalam komunikasi harian mereka, jadi anak-anak mereka juga akan dipengaruhi.

Di samping itu, 6 responden (4 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 2 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) juga menyatakan bahawa kekurangan kesedaran terhadap kepentingan bahasa Mandarin adalah punca sebenar yang menyebabkan bahasa Mandarin kurang digunakan oleh setengah orang Cina pada hari ini.

Kempen-kempen yang berkesan untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang pemeliharaan dan kepentingan bahasa Mandarin perlulah dipertambahkan.

- (d) Langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan orang Cina

4 orang responden (1 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 3 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) yang menyatakan bahawa kempen perlu diadakan untuk meningkatkan minat dan kesedaran tentang kepentingan bahasa Mandarin. Contohnya mengadakan pertandingan syarahan atau bercerita dalam bahasa Mandarin di kalangan pelajar. Dalam pada itu, terdapat 6 orang responden (3 orang berlatarbelakang pendidikan aliran Cina dan 3 orang berlatarbelakang pendidikan aliran bukan Cina) yang mengatakan bahawa minat seseorang pengguna bahasa terhadap sesuatu bahasa dapat menentukan pemilihan dan penggunaan bahasa tersebut. Jadi, untuk meningkatkan penggunaan bahasa Mandarin, kita mestilah memupuk minat mempelajari dan menggunakan bahasa Mandarin di kalangan kaum Cina. Jadi, guru-guru bahasa Mandarin di sekolah sepatutnya membangkitkan suasana yang menarik dan seronok agar pelajar lebih berminat terhadap pembelajaran bahasa Mandarin. Ibu bapa juga berperanan penting dalam memupuk minat dan menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin di mana anak-anak digalakkan menggunakan bahasa Mandarin di rumah dan di tempat-tempat sosial.

(e) Penekanan terhadap bahasa Mandarin perlu diberikan kepada anak-anak

Sebagaimana yang dihuraikan, kebanyakan responden yang dipilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada ibu bapa yang kebanyakan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam komunikasi harian mereka. Namun, semua ibu bapa yang dipilih sebagai responden telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah beraliran Cina. Hal ini dibuktikan dengan kajian ini dijalankan pada hari mesyuarat PIBG di sebuah sekolah rendah Cina di Subang Jaya. Soal selidik diedar dan temu bual bersemuka dibuat dengan ibu bapa yang datang menghadiri mesyuarat tersebut. Anak-anak mereka menuntut di sekolah beraliran Cina tersebut. Apabila soalan kelima yang berbunyi “adakah anak-anak sepatutnya diberikan penekanan kepada penguasaan bahasa Mandarin?” ditanya, soalan ini disokong 100% (10 orang) oleh responden yang terlibat kerana mereka berasa bahasa Mandarin semakin penting dan tinggi nilai penggunaannya. Jadi, dapat kita lihat bahawa sudah wujudnya kesedaran di kalangan penutur kaum Cina yang kurang atau tidak fasih menggunakan bahasa Mandarin. Malahan ada di kalangan responden menyatakan bahawa mereka berasa agak kecewa dan rasa rendah diri kerana mereka tidak pandai berbahasa Mandarin. Perasaan yang kecewa ini wujud kerana orang Cina yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin hilang identiti seseorang itu sebagai “orang Cina” di Malaysia. Hal ini sama dengan keadaan di mana seorang yang berbangsa Melayu tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan seorang yang berbangsa India tidak boleh berbahasa Tamil. Oleh itu, mereka ingin memastikan anak-anak mereka boleh mengguna bahasa Mandarin dengan baiknya pada masa depan.

Jikalau kaum Cina sendiri tidak menghargai bahasa yang melambangkan identiti sendiri, siapatah lagi yang akan menghargai bahasa Cina? Jadi, kesedaran ibu bapa dan pihak yang bertanggungjawab seperti pihak sekolah dalam mengembangkan bahasa Mandarin dan menggalakkan anak-anak menggunakan bahasa Mandarin adalah amat penting.

Kita boleh merumuskan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling diberikan keutamaan oleh responden yang dipilih dalam kajian ini, kemudiannya diikuti dengan bahasa Mandarin dan akhirnya ialah bahasa Melayu. Dalam kajian ini, responden mempunyai tanggapan yang tinggi terhadap bahasa Inggeris, mereka menganggap penggunaan bahasa Inggeris melambangkan ketinggian status sosial dan membantu mereka dalam mencari peluang pekerjaan yang lebih bagus dan meningkatkan daya persaingan mereka.

Mengikut dapatan kajian, bahasa Mandarin kurang digunakan dan bahasa diberikan keutamaan disebabkan beberapa faktor, termasuk penilaian dan tanggapan yang lebih tinggi terhadap bahasa Inggeris, kekurangan minat terhadap pembelajaran bahasa Mandarin serta kekurangan dorongan dan galakan penggunaan bahasa Mandarin oleh ibu bapa masa kini.

Akhirnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa ramai responden menyokong anak-anak mereka memberikan penekanan yang lebih dalam penguasaan dan penggunaan bahasa Mandarin. Hal ini dapat dibuktikan dengan tindakan ibu bapa yang menghantar anak mereka menuntut di sekolah beraliran Cina dengan harapan anak-anak mereka juga boleh menguasai bahasa Mandarin di samping penguasaan bahasa Inggeris yang baik.

BAB V

PENUTUP

5.0 PENDAHULUAN

Bab ini menghuraikan rumusan daripada analisis hasil kajian yang diperoleh daripada 90 orang responden. Seterusnya beberapa cadangan dan rujukan akan diberi kepada penyelidikan yang boleh atau mungkin dijalankan pada masa akan datang.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan pemilihan bahasa ibu bapa kaum Cina di Subang Jaya. Dalam kajian ini, subjek yang dipilih ialah golongan kaum ibu bapa yang majoritinya memberi keutamaan kepada penggunaan bahasa Inggeris, jadi di sini pengkaji juga melihat faktor-faktor yang mendorong responden untuk memilih sesuatu bahasa untuk tujuan dan domain yang tertentu.

Dalam kajian ini, dua keadah telah digunakan iaitu melalui kaedah soal selidik dan kaedah temu bual, 90 orang responden telah menjawab soal selidik dan 10 orang responden yang telah menjawab soal selidik turut ditemu bual.

5.1.1 Analisis kecenderungan pemilihan bahasa oleh responden dalam empat domain penggunaan bahasa

Penganalisisan data-data kajian menunjukkan bahawa kaum Cina di kawasan kajian memberikan keutamaan kepada bahasa Inggeris dalam semua domain, iaitu domain kekeluargaan, domain pekerjaan, dan domain persahabatan dan kejiranan, kecuali domain lokasi. Bahasa Inggeris diguna dengan lebih kerap berbanding dengan bahasa Mandarin kerana kebanyakan responden-responden yang dipilih berasal daripada latar belakang pendidikan bukan aliran Cina, dan ada di kalangan responden (iaitu 27 orang atau 30%) tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin.

Dalam domain kekeluargaan, dapat kita lihat penggunaan bahasa yang berlainan digunakan dengan subjek yang berbeza. Untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, dapatan kajian menunjukkan responden akan memilih dialek mengikut puak dialek masing-masing, sama ada Hakka, Hokkien, Kantonis ataupun sebagainya. Namun, apabila berkomunikasi dengan adik-beradik, responden lebih cenderung menggunakan kombinasi dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan dialek Cina. Apabila berkomunikasi dengan pasangan, bahasa Inggeris dipilih sebagai bahasa keutamaan. Apabila suami isteri menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang utama dalam domain kekeluargaan, memang tidak hairanlah kebanyakan mereka juga akan menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan anak-anak mereka dan mengurangkan penggunaan bahasa Mandarin yang biasanya dianggap sebagai bahasa ibunda kaum Cina di Malaysia.

Dalam domain pekerjaan pula, bahasa Mandarin bukan bahasa utama yang digunakan oleh kaum Cina, malahan bahasa Inggeris merupakan bahasa yang diberikan

keutamaan. Faktor persekitaran yang mementingkan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang penting di kebanyakan organisasi dan tempat pekerjaan telah mengakibatkan fenomena ini berlaku.

Domain persahabatan dan kejiranan juga telah menunjukkan hasil yang sama, bahasa Mandarin bukan bahasa utama yang dipilih oleh responden, walaupun jiran terdiri daripada kaum Cina. Bahasa Inggeris telah digunakan dengan luas dalam domain persahabatan dan kejiranan demi tujuan komunikasi yang paling berkesan. Hal ini berlaku kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa yang difahami oleh kedua-dua pihak penutur dan pendengar. Bagi bahasa Melayu pula, penggunaannya dianggap adalah sangat terhad dan biasanya digunakan untuk berkomunikasi dengan kawan berbangsa Melayu ataupun jiran berbangsa Melayu sahaja. Ramai responden mengatakan bahawa mereka juga menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan rakan ataupun jiran yang berbangsa Melayu kerana kedua-dua pihak fasih dalam berbahasa Inggeris dan ini dapat melicinkan proses komunikasi.

Dalam domain lokasi, bahasa Mandarin amat kurang digunakan. Bahasa Mandarin yang biasanya dianggap sebagai bahasa ibunda kaum Cina di Malaysia telah diganti oleh bahasa Inggeris yang merupakan bahasa antarabangsa dan diguna secara global di seluruh dunia. Di tempat yang berbeza, responden telah membuat pemilihan bahasa berdasarkan tujuan tertentu. Berdasarkan analisis dapatan kajian bagi bahagian domain lokasi, bahasa Inggeris adalah bahasa bervariasi tinggi manakala bahasa Mandarin dan dialek Cina adalah bahasa bervariasi rendah jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris.

Jika kita meneliti dapatan kajian dengan menggunakan pembolehubah umur, dapat kita lihat golongan yang berusia semakin muda semakin cenderung menggunakan bahasa Inggeris dan semakin mengetepikan penggunaan bahasa Mandarin, ini merupakan satu fenomena yang membimbangkan.

5.1.2 Analisis tentang sikap bahasa responden

Untuk meninjau sikap responden terhadap bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris, pengkaji telah mengajukan tujuh pernyataan kepada responden kajian. Hasil kajian juga diklasifikasikan mengikut pembolehubah umur. Tujuh pernyataan yang disarankan adalah:

1. bahasa Inggeris lebih penting daripada bahasa Mandarin
2. penguasaan bahasa Mandarin yang baik memudahkan pencarian pekerjaan
3. berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Inggeris kurang baik
4. berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Mandarin kurang baik
5. tidak banyak menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin lebih lemah
6. bahasa Inggeris lebih senang dipelajari jika berbanding dengan bahasa Mandarin
7. dalam situasi formal, lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris jika berbanding dengan bahasa Mandarin

Sikap responden terhadap bahasa Inggeris adalah lebih positif jika berbanding dengan bahasa Mandarin. Ini disebabkan penggunaan bahasa Inggeris adalah lebih meluas berbanding dengan penggunaan bahasa Mandarin. Kebanyakan responden merupakan

golongan ibu bapa yang mempraktikkan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian, jadi secara langsung, bahasa Inggeris akan diberikan keutamaan jika berbanding dengan bahasa Mandarin. Walau bagaimanapun responden mengakui bahawa penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik. Responden memang menyedari bahawa bahasa Mandarin semakin penting pada abab ini kerana pembangunan kuasa negara China yang begitu pesat. Di samping itu, ramai juga responden yang menunjukkan bahawa mereka akan berasa rendah diri jikalau bahasa Mandarin mereka lemah, kerana sebagai seorang penutur natif, kaum Cina sepatutnya menguasai bahasa yang melambangkan identiti kaum sendiri dengan baiknya. Jadi, untuk mengelakkan generasi muda mereka lemah dalam penguasaan bahasa Mandarin, ibu bapa yang mengutamakan bahasa Inggeris telahpun membuat keputusan untuk menghantar anak mereka ke sekolah beraliran Cina. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa responden kurang menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin yang lemah. Tambahan lagi, minat untuk pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan responden adalah kurang kerana majoriti daripada mereka beranggapan bahawa bahasa Mandarin lebih sukar dipelajari jika berbanding dengan bahasa lain.

5.1.3 Analisis tentang penilaian dan tanggapan responden terhadap bahasa

Responden kajian mengatakan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling berprestij. Ini disebabkan oleh bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa dan digunakan secara global di seluruh dunia. Oleh itu tidak hairanlah ramai yang beranggapan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling berprestij jika berbanding dengan bahasa-bahasa

lain. Seterusnya responden juga menganggap bahawa bahasa yang paling mesra ialah bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris digunakan secara meluas di seluruh dunia berbanding dengan bahasa-bahasa lain dan ia boleh dituturkan oleh ramai orang di dunia ini. Tambahan pula, latar belakang pendidikan kebanyakan responden yang berasal dari sekolah aliran Inggeris, secara langsungnya penguasaan bahasa Inggeris mereka adalah lebih baik jika berbanding dengan bahasa Mandarin dan bahasa Melayu. Jadi, mereka sudah biasa dengan menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dalam kehidupan harian.

Selain itu, responden juga menyatakan bahawa bahasa yang paling melambangkan identiti ialah bahasa Mandarin. Walaupun penggunaan bahasa Mandarin masih kurang berbanding dengan bahasa Inggeris, tetapi nampaknya kaum Cina yang menyedari peranan bahasa Mandarin sebagai lambang identiti kaum sendiri dan mereka patut mengekalkan penggunaan dan mengembangkan bahasa ini.

Selain itu, analisis juga menunjukkan bahawa bahasa yang paling membantu dalam mencari pekerjaan adalah bahasa Inggeris kerana kebanyakan sektor swasta lebih mementingkan penguasaan bahasa Inggeris yang baik. Sebaliknya dalam sektor kerajaan pula mementingkan bahasa Melayu dan bahasa ini digunakan dalam urusan-urusan rasmi dengan kerajaan. Sementara itu, juga terdapat ramai responden berpendapat bahasa Mandarin merupakan bahasa yang paling membantu dalam bidang pekerjaan sebab mereka menyedari kebangkitan ekonomi negara China sekarang. Tambahan lagi, terdapat begitu ramai orang barat yang bermula mempelajari bahasa Mandarin di seluruh dunia.

Bahasa yang paling mudah dipelajari bagi responden adalah bahasa Melayu. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di Malaysia dan semua kaum boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Malahan syarat kewarganegaraan adalah fasih berbahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, responden mengatakan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling menunjukkan kekuasaan. Pada zaman revolusi abad ke-19 di Eropah, orang Inggeris menguasai banyak negara untuk mencari sumber dan kekuasaan. Maka tidaklah menjadi persoalan utama bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling menunjukkan kekuasaan. (http://ms.wikipedia.org/wiki/Empayar_British)

5.1.4 Analisis dapatan daripada kaedah temu bual

Berdasarkan analisis data-data yang diperoleh daripada temu bual, boleh dirumuskan bahawa dalam kalangan kaum Cina di Subang Jaya yang dipilih sebagai subjek kajian ini, bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling diberikan keutamaan, kemudiannya diikuti dengan bahasa Mandarin dan akhirnya bahasa Melayu. Tanggapan dan sikap seseorang penutur memang akan mempengaruhi pemilihan penutur tersebut terhadap sesuatu bahasa dalam domain yang pelbagai. Subjek kajian ini mempunyai tanggapan yang tinggi terhadap bahasa Inggeris. Mereka menganggap penggunaan bahasa Inggeris melambangkan ketinggian status sosial dan akan membantu mereka dalam mencari peluang pekerjaan yang lebih bagus dan meningkatkan daya persaingan mereka dalam kerjaya.

Sehubungan itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujudnya kesedaran responden berkenaan dengan status bahasa Mandarin yang diabaikan sebelum ini. Mengikut dapatan kajian, bahasa Mandarin kurang digunakan kerana beberapa faktor, seperti penguasaan yang lemah terhadap bahasa Mandarin. Di samping itu, kekurangan minat terhadap pembelajaran bahasa Mandarin juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan bahasa Mandarin kurang digunakan. Satu faktor yang tidak kurang pentingnya ialah kekurangan dorongan dan galakan daripada ahli keluarga, terutamanya kekurangan dorongan daripada ibu bapa masa kini.

Sehubungan itu, wujud kesedaran perubahan sikap dan tanggapan responden terhadap kepentingan dan penggunaan bahasa Mandarin, di mana responden menggalakkan anak-anak mereka menitikberatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Mandarin. Hal ini dibuktikan dengan tindakan ibu bapa yang menghantar anak mereka menuntut di sekolah beraliran Cina dengan harapan anak-anak mereka juga boleh menguasai bahasa Mandarin selain daripada penguasaan bahasa Inggeris yang baik. Jadi, langkah-langkah yang sewajarnya patut diambil oleh pelbagai lapisan kaum Cina Malaysia untuk menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin dan memelihara status bahasa Mandarin.

5.2 CADANGAN-CADANGAN

Kajian-kajian mengenai sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina hendak diperbanyak dan dijalankan di tempat-tempat lain yang berstrategi bagi memperoleh data yang lebih jitu lagi. Kajian ini hanya meliputi empat domain yang dipilih oleh pengkaji sahaja. Oleh yang

demikian adalah berguna jika faktor-faktor lain dikenalpasti dengan skop yang lebih terperinci untuk kajian pada masa akan datang.

Selain itu, keluarga memainkan peranan penting dalam mengembangkan penggunaan bahasa Mandarin dan satu kajian khusus yang lebih mendalam hendaklah dibuat bagi mengenal pasti kaedah yang berkesan untuk meningkatkan penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan kaum Cina di Malaysia terutamanya dalam domain kekeluargaan.

5.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah menjawab semua soalan kajian yang telah ditentukan oleh pengkaji dalam bahagian 1.4. Kajian ini menunjukkan bahawa sikap penggunaan bahasa Mandarin oleh kaum Cina di Subang Jaya adalah negatif berbanding penggunaan bahasa Inggeris kerana tanggapan dan penilaian responden terhadap bahasa Inggeris adalah lebih tinggi dan positif jika dibandingkan dengan bahasa Mandarin. Bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa yang paling berprestij, paling berkuasa, paling mesra dan paling luas penggunaannya, bahasa Mandarin pula dianggap sebagai bahasa yang paling melambangkan identiti kaum. Faktor-faktor seperti penguasaan bahasa Mandarin yang lemah, kekurangan minat terhadap pembelajaran bahasa Mandarin dan kekurangan dorongan dan galakan ibu bapa merupakan faktor yang menyebabkan responden memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam pelbagai domain.

BIBLIOGRAFI

- Abdel Rahim Hamid Mugaddam, 2006. "Language Status and Use in Dilling City, the Nuba Mountains" dalam Journal of Multilingual & Multicultural Development. Vol 27, No. 4, 290-304.
- Ahmad Adam, 1994. Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zahri Jamil, 2002. Melayu, Bahasa dan Budaya. Dewan Bahasa.
- Asmah Haji Omar, 1992. The Linguistic Scenery in Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 1993. Language and Society in Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, E., 2004. The practice of social research. (8th ed). Belmont: Wadsworth.
- Bell, Alan. 1984. Language style as audience design. *Language in Society* 13, 145-204.
- Betancourt F., 1976. Language Attitudes and Language Education in Arecibo, Puerto Rico (Tesis Ph.d). University of Texas: Faculty of the Graduate School.
- Cargile, A.C., Giles, H., Ryan, E.B. and Bradac, J.J., 1994. 'Language attitudes as a socialprocess: A conceptual model and new directions', *Language and Communication*, 14.3:211-36.

Chow Seng Lip, 2001. Attitudes of Malay and Chinese undergraduates toward English. (Tesis Master of English as Second Language). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Chong Siew Ling, 2004. “Distribution of Chinese dialects” dalam The Encyclopedia of Malaysia: Languages and Literature. Vol 9, 52-53. Singapore: Archipelago Press.

Crystal, David, 2000. Language Death. Cambridge: Cambridge University Press.

Dewan Bahasa Pustaka, 2008. Nukleus: Patriotisme dalam bahasa. Retrieved on November 24, 2008 from <http://www.dbp.gov.my>

Eric Koo Peng Kuan, 2004. Singapore speaks the Dragon's language. Southeast Asia, Online Asia Time.

Fasold, Ralph, 1984. The sociolinguistics of society. Oxford: Basil Blackwell.

Ferdinand de Saussure, 1915. Cours de Linguistique Generale. Paris: Payot. 1915. English translation by W. Baskin, Course in General Linguistics. New York: The Philosophical Library.

Fernando Penalosa, 1981. Introduction to the Sociology of Language. Rowley, Massachusetts: Newbury House Publishers, Inc.

Fishman, J.A.,1972. Language in Sociocultural Change. California: Stanford University Press.

Fishman J.A. and Greenfield, L., 1970. Situational Measures of Normative Language Views To Person, Place and Topic among Puerto Rican Bilinguals. *Antrhopes*. 65: 602-618.

Gardner, R.C., 1985. Social Psychology and Second Language Learning: the role of attitudes and motivation. London: Edward Arnold.

Giles, H., 1979. Ethnicity Markers in Speech, dalam Klaus, R.S. dan Giles, H. 1979. Social Markers in Speech. Cambridge University Press.

Gunan A/P SM Krishnan, 2005. Sikap dan penggunaan Bahasa Malaysia dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia: Satu kajian kes (Disertasi Sarjana Linguistik). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Hafriza Burhanudeen Meedin, 1993. Language use and attitudes among Malaysian Malays (Tesis Ph.d). Washington: Georgetown University.

_____, 2006. Language and Society Behaviour: Voices from the Malay World. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Heller M.S., 1982. Negotiation of Language Choice in Montreal, dalam Gumperz, J.J. (ed), Language and Social Identity. Cambridge University Press.

Ismail Jaafar, 1994. “Penganjakan Bahasa di Malaysia” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. hlm. 505-515.

Kamaruddin Ngah dan Roslim Akhir, 1990. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti.

Kamila Ghazali, 2005. "Domains of Language Use and Attitudes: Mah Meri" dalam Linguistics and Language Education in the Philippines and Beyond. hlm. 573-591. Manila: Linguistic Society of the Philippines.

Kamsiah Abdullah, 2000. Sikap, Penggunaan dan Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.

Kong Lee Fong, 1999. Pemilihan bahasa di kalangan peniaga Cina dalam domain jual beli: kajian di Kampung Sungai Durin, Sibu, Sarawak (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan linguistik.

Lee Kam Hing, Tan Chee-Beng, 2000. *The Chinese in Malaysia*. Selangor: Oxford University Press.

Lily Zubaidah Rahim, 1999. *The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community* (South-East Asian Social Science Monographs). USA: Oxford University Press.

Lim Chin Chye, 2008. *Language Choice of Malaysian Youth: A case study*. Faculty of Language and Linguistics, University of Malaya Kuala Lumpur.

Lionel Wee Hock Ann, 1990. *Language and Identity among first-year Chinese undergraduates in Singapore* (Thesis Master of Arts). University of Singapore: Department of English Language and Literature.

Matzumoto, Kazuko, 2001. "Multilingualism in Palau: Language contact with Japanese and English", in T. E. Mc Auley (Ed.) *Language Change in East Asia*. London: Curzon Press. Pp 84-142.

McGregor, G. and Li Wei, 1991. Chinese or English? Language Choice Among Chinese Student in Newcastle Upon Tyne, dalam *Journal of Multilingual and Multicultural Development*. Vol 12, No. 6, 493-509.

Mohd. Faisal Hanapiyah, 2002. "English Language and The Language Of Development: A Malaysia perspective" International Conference IPBA 24-26September 2002. UPM.

Mohd Sheffie Abu Bakar, 1991. *Methodologi Penyelidikan*. Edisi ke-2, Kuala Lumpur.

Mok Soon Sim, 2008. Kepentingan Bahasa Mandarin dalam Dewan Bahasa, Januari 2008. Kuala Lumpur: DBP.

Nik Safiah Karim, 1988. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Noriah Mohamed, 1998. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Noriah Mohamed, Meriam Abd. Karim, 2005. "Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu Analisis Domain" dlm. *Jurnal Bahasa*, hlm. 1-42.

Norizah Ardi, 1990. "Sikap Bahasa: Satu Tinjauan Ringkas" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, hlm. 270-282.

- _____, 2005. Sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya dalam kalangan pelajar universiti di selatan Thailand (Tesis Ph.d). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Parasher, S. N., 1980. "Mother-tongue-English diglossia: a case-study of educated Indian bilinguals language use" dalam *Anthropological Linguistics*, 22 (4), 151-68.
- Patton, R. and Spear, R., 1980. Stomatal influences on white pine blister rust infection. *Phytopath. medit.*, 19:1-7.
- Peter Trudgill, 1983. On Dialect: Social and Geographical Perspectives. Oxford: Basil Blackwell.
- Prabodh P. Pandit, 1978. "Language and identity: The Punjabi Language in Delhi" dalam International Journal of the Sociology of Language.
- Rekha M. Kuncha and Hanoku Bathula, 2004. The role of attitudes in language shift and language maintenance in a new immigrant community: A case study. Working Paper No. 1. University of Waikato Language InstituteAuckland Centre, New Zealand.
- Sharin Selva Raj, 2005. Language as a salient identity marker of ethnicity (Thesis of Master in English as a second language). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Sibarani, R., 2000. Semantik Bahasa Batak Toba. Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional.

Srinarawat, Deeyu, 1988. Language Use of the Chinese in Bangkok. International Symposium on Language and Linguistics (PAL II). (Cholticha, B. et al, eds.). pp. 275-283. Thammasat University, Bangkok.

Syed Arabi Idid, 2002. Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tan Ai Koon, 1993. Language Choice and Social Class in Transaction Domain in Singapore. Disertasi Sarjana. Singapura: University of Singapore.

Tay Meng Guat, 2003. Satu tinjauan terhadap sikap dan masalah guru bahasa Melayu di sekolah rendah jenis kebangsaan. hlm. 1-8.

Ure, J., 1979. Language Choice and Socialization in a Multilingual Community Language Use Among Primarily Teachers in Ghana, dalam Mc Cormack W.C dan Wurm, S.A. (eds.), Language and Society. The Huge: Mouton Publishers.

Victor Purcell, 1997. Orang-orang Cina di Tanah Melayu. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

BORANG SOAL SELIDIK

SOAL SELIDIK TENTANG SIKAP DAN PEMILIHAN BAHASA KAUM CINA MALAYSIA: SATU KAJIAN KES DI SUBANG JAYA, SELANGOR

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERIBADI

Berikut adalah soalan-soalan mengenai maklumat peribadi anda. Sila buat pilihan yang sesuai.

1. Jantina:

- A. Lelaki
- B. Perempuan

2. Keturunan:

- A. Kantonis
- B. Hokkien
- C. Hakka
- D. Teowchew
- E. lain-lain

3. Umur:

- A. 26-35
- B. 36-45
- C. 46-55

4. Aliran pendidikan:

- A. Aliran Cina
- B. Aliran bukan Cina

5. Pekerjaan:
- A. Swasta
 - B. Kerajaan
 - C. Bekerja sendiri
 - D. Tidak bekerja
6. Pendapatan:
- A. RM2000 ke bawah
 - B. RM2001 – RM4000
 - C. RM4001 – RM6000
 - D. RM6000 ke atas
7. Bahasa yang boleh ditutur (pilihan boleh melebihi satu)
- A. Bahasa Mandarin ()
 - B. Bahasa Inggeris ()
 - C. Bahasa Melayu ()
 - D. Dialek Hokkien ()
 - E. Dialek Hakka ()
 - F. Dialek Kantonis ()

BAHAGIAN B: PEMILIHAN BAHASA DALAM PELBAGAI DOMAIN PENGGUNAAN BAHASA

Berikut adalah soalan-soalan mengenai pemilihan bahasa semasa berkomunikasi dengan orang-orang tertentu dalam situasi berbahasa yang tertentu. Sila buat pilihan yang sesuai.

1. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan ibu bapa anda di rumah? (Pilihan boleh melebihi satu)
A. Bahasa Mandarin ()
B. Bahasa Inggeris ()
C. Bahasa Melayu ()
D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll) ()

2. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan adik-beradik anda di rumah? (Pilihan boleh melebihi satu)
A. Bahasa Mandarin ()
B. Bahasa Inggeris ()
C. Bahasa Melayu ()
D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll) ()

3. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan pasangan anda di rumah? (Pilihan boleh melebihi satu)
A. Bahasa Mandarin ()
B. Bahasa Inggeris ()
C. Bahasa Melayu ()
D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll) ()

4. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan anak-anak anda di rumah? (Pilihan boleh melebihi satu)
A. Bahasa Mandarin ()
B. Bahasa Inggeris ()
C. Bahasa Melayu ()
D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll) ()

5. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan ketua/bos sebangsa anda di pejabat? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
6. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan orang bawahan/pekerja sebangsa anda di tempat kerja? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
7. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan rakan sekerta sebangsa anda di tempat kerja? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
8. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan pelanggan sebangsa anda di tempat kerja? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
9. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan rakan sebangsa anda? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)

10. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan rakan kaum Melayu anda? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
11. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan rakan kaum India anda? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
12. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan jiran sebangsa anda? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
13. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan rakan jiran Melayu anda? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
14. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berinteraksi dengan rakan jiran India anda? (sekiranya ada)
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)

15. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berada di pusat beli belah?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
16. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berada di pasar?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
17. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berada di kedai kopi Cina?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)
18. Bahasa apakah yang biasa anda gunakan semasa berada di pejabat kerajaan?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu
 - D. Dialek * (Hokkien, Hakka, Kantonis dll)

BAHAGIAN C: SIKAP BAHASA

Berikut adalah soalan-soalan berkaitan dengan sikap bahasa yang ditunjukkan oleh kaum Cina di Malaysia. Sila nyatakan sejauhmana anda bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang diberi. Sila buat pilihan yang sesuai.

1. Penguasaan bahasa Inggeris adalah lebih penting daripada bahasa Mandarin.
 - A. Setuju
 - B. Tidak setuju
2. Penguasaan bahasa Mandarin yang baik memberikan anda peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik.
 - A. Setuju
 - B. Tidak setuju
3. Akan berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Inggeris anda kurang baik.
 - A. Setuju
 - B. Tidak setuju
4. Akan berasa rendah diri jikalau penguasaan bahasa Mandarin anda kurang baik.
 - A. Setuju
 - B. Tidak setuju
5. Anda tidak banyak menggunakan bahasa Mandarin kerana penguasaan bahasa Mandarin anda lebih lemah.
 - A. Setuju
 - B. Tidak setuju
6. Bahasa Inggeris lebih senang dipelajari berbanding dengan bahasa Mandarin.
 - A. Setuju
 - B. Tidak setuju
7. Dalam situasi formal, anda lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Mandarin.
 - A. Setuju
 - B. Tidak setuju

BAHAGIAN D: PENILAIAN DAN TANGGAPAN TERHADAP BAHASA

Berikut adalah soalan-soalan mengenai penilaian dan tanggapan kaum Cina di Malaysia terhadap pelbagai bahasa. Sila buat pilihan yang sesuai.

1. Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling berprestij?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu

2. Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling mesra?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu

3. Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling melambangkan identiti bangsa?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu

4. Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling membantu dalam bidang pekerjaan?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu

5. Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling mudah dipelajari?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu

6. Pada pendapat anda, bahasa apakah yang paling melambangkan kekuasaan?
 - A. Bahasa Mandarin
 - B. Bahasa Inggeris
 - C. Bahasa Melayu

----- *Terima kasih kerana sudi menjawab soal selidik ini-----*

Soalan temu bual

- S1: Bahasa apakah yang anda gunakan semasa berinteraksi dengan ahli keluarga anda?
- S2: Bahasa apakah yang anda gunakan semasa anda berada di tempat pekerjaan?
- S3: Bahasa apakah yang anda gunakan semasa berinteraksi dengan rakan-rakan?
- S4: Bahasa apakah yang anda gunakan semasa anda berada di tempat-tempat yang formal dan tempat-tempat yang tidak formal?
- S5: Apakah tanggapan anda terhadap bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu?